




# KHIANAT

## TUMBANGNYA KERAJAAN PILIHAN RAKYAT



# KHIANAT

TUMBANGNYA KERAJAAN  
PILIHAN RAKYAT

# KHIANAT

## TUMBANGNYA KERAJAAN PILIHAN RAKYAT

***EDITOR***

**MD SIDIN AHMAD ISHAK  
KHAIRUL ANUAR ABDUL MANAP  
KAMARULBAHRIN ZAHID**



Diterbitkan oleh:  
IDE Research Centre Sdn. Bhd. (1138903-V)  
45, Jalan Tukul P15/P, Seksyen 15,  
40200 Shah Alam, Selangor.  
Tel: +603-5524 5444 | Fax: +603-5512 2973  
Email:ide@ideselangor.com | Website: www.ideselangor.com

Cetakan pertama: Jun 2020  
Penerbitan © IDE Research Centre Sdn. Bhd

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, atau cara lain, kecuali dengan keizinan bertulis daripada IDE Research Centre Sdn. Bhd..

Perpustakaan Negara Malaysia / Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**KHIANAT.: TUMBANGNYA KERAJAAN PILIHAN RAKYAT / EDITOR: MD SIDIN  
AHMAD ISHAK, KHAIRUL ANUAR MANAP, KAMARULBAHRIN ZAHID.**  
ISBN 978-967-2066-35-4  
1. Malaysia -- Politics and government.  
2. Political culture -- Malaysia.  
3. Political parties -- Malaysia.  
4. Malaysia -- Social conditions.  
I. Md. Sidin Ahmad Ishak. II. Khairul Anuar Manap  
III. Kamarulbahrin Zahid  
320.9595

Pengurus Penerbitan: Kamarulbahrin Zahid  
Pereka Bentuk Aras: Siti Naquiah Mohammad Isa  
Pereka Bentuk Kulit: Muhammad Hariz Hamdan  
Font: Stone Serif ITC TT (10/14 pt)

Dicetak Oleh:  
Mashi Publication Sdn. Bhd.  
68, Jalan Mas jaya,  
Kawasan Perindustrian Mas Jaya,  
43200 Cheras, selangor

# ISI KANDUNGAN

Prakata Penerbit	IX
Kata Pengantar <i>Mohd Nor Nawawi</i>	XI
Kronologi Kejatuhan <i>Khairul Arifin Mohd Munir</i>	1
Detik-Detik Terakhir <i>Ameer Ali</i>	21
656 Hari di Bawah Pakatan Harapan <i>Hamdan Mhd Salleh</i>	29
Api Dalam Sekam <i>Hamdan Mhd Salleh</i>	39
Gelora Politik Gabungan <i>Madhi Hasan</i>	49
Langkah Sheraton <i>Ismail Yusof</i>	57
Pengkhianatan, Pembelotan dan Pemungkiran Janji dalam Politik Malaysia <i>Mohammad Redzuan dan Ikhwaniata Taib</i>	65
Khianat dan Munafik: Perosak Kemurnian Islam <i>Hasri Harun</i>	79
Krisis Politik Negeri: Antara Janji dan Kemaruk Kuasa <i>Amidi Abdul Manan dan Ab. Razak Arifin</i>	87
Mengkhianati Mandat Rakyat atau Menjaga Kestabilan Negara <i>Hasri Harun</i>	99
Kemelut Politik Pakatan Harapan: Perspektif Kaum Bukan Melayu <i>Ng Ming Yip</i>	103

Peranan Istana dan Perlembagaan <i>Zairudin Hashim</i>	113
Amanah Membentuk Syaksiah Terpuji <i>Mohammad Haizan Rozi dan Hasri Harun</i>	117
Kisah Pelik Muhyiddin <i>Liew Chin Tong</i>	125
Lupakah Muhyiddin Pada Anwar? <i>Shamsul Iskandar Mohd Akin</i>	139
Adakah Jalan Ke Hadapan Untuk PH? <i>P. Gunasegaram</i>	145
Puisi Khianat Yang Dilaknati <i>Hasri Harun</i>	151

## PRAKATA PENERBIT

**T**anggal 9 Mei 2018 merupakan detik yang bersejarah dalam politik Malaysia. Pengundi berdaftar berbaris menunaikan tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia dan membuat keputusan menamatkan pemerintahan 60 tahun Barisan Nasional. PRU14 yang dianggap sebagai ‘ibu kepada segala pilihan raya’ menyaksikan Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan baharu dengan majoriti mudah.

Setelah memerintah selama 22 bulan, kerajaan PH yang mendapat mandat rakyat tumbang akibat daripada pengkhianatan. Pengkhianatan kepada kerajaan PH yang diketuai oleh Muhyiddin Yassin dan Azmin Ali telah menyebabkan rakyat, khususnya generasi muda cukup kecewa dengan politik tanah air.

Usia kerajaan Persekutuan yang baharu pasca-PRU14 belum lagi mencelik dua tahun dan inisiatif perubahan ke arah kebaikan serta penambahbaikan terhadap tadbir urus, ketelusan, integriti serta penyeimbangan dan penurunan kuasa eksekutif yang masih belum berada pada tahap memuaskan disabotaj pihak berkepentingan. Apa yang berlaku pasti akan menjadi sejarah hitam kepada sejarah politik negara, apabila hasrat rakyat yang mahukan perubahan disia-siakan. Rakyat mahukan kerajaan memberi tumpuan kepada usaha pembangunan negara dan reformasi institusi di samping memfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi secara holistik. Namun, tanpa sebarang sebab yang kukuh, langkah *politicking* seperti yang dipamerkan para politikus khianat ini, adalah suatu yang jelas tidak bermoral dan melanggar konsensus nasional.

*Tumbangnya Kerajaan Pilihan Rakyat*

*KHIANAT*

## *KHLANAT*

Buku yang dihidangkan kepada para pembaca ini terbahagi kepada 16 bab yang cukup menarik yang mengupas dengan mendalam, perseptif dan tajam tentang politik pengkhianatan, tidak berprinsip, tidak amanah, kotor dan jahat sepanjang pemerintahan Pakatan Harapan. Setiap penulis menulis dengan kemas, padat, jitu dan objektif dengan bersandarkan kepada bukti konkret dan bukan andaian.

Institut Darul Ehsan (IDE) berharap penerbitan buku ini dapat memberi faedah dalam pemikiran politik kontemporari. Semoga buku ini dapat merancakkan diskusi kita membina sebuah negara bangsa yang harmoni, bersih dan berintegriti. Malaysia Baharu diharap akan memberi sinar yang lebih baik kepada generasi akan datang.

**Insitut Darul Ehsan (IDE)**

*Shah Alam, Jun 2020*

## **PENGANTAR**

### **Mohd Nor Nawawi**

P erkembangan politik tanah air kebelakangan ini adalah suatu yang amat menyedihkan dan tidak sihat. Memang politik itu umumnya bukan suatu yang bersih tetapi masih terdapat orang yang terlibat dalam politik atau pemerhati dan peminat politik yang mempunyai keyakinan bahawa politik itu sebenarnya bersih. Banyak tulisan yang mengupas betapa kotor bahkan jijik sekali politik ini (K.H.Jamieson, 1994 dan 2018; K. Langon, 2007; Kim Long, 2008; N.Hager, 2014; Fukuyama, 2015; D. Faris, 2018).

Betapa politik itu adalah kotor dapat dilihat dari beberapa petikan berikut:

- *Politics have no morals* (Niccolo Machiavelli).
- *In politics, nothing happens by accident. If it happens, you can bet it was planned that way* (Franklin D. Roosevelt).
- *Politics is a dirty game, played by a rich man with the right poor* (Ahsan Fareed).
- *I've always tried to avoid politics because most politicians that I know are quite dirty in terms of human dignity, ethics and morals* (Steven Seagal).

Walaupun terdapat banyak tulisan bahawa politik itu kotor dan menjijikkan khususnya di Barat tetapi kekotorannya adalah agak lazim dan boleh dijangkakan. Sebagai contoh, di New Zealand, usaha dilakukan untuk mempromosikan politik sayap kanan dan bagi mencapai hasrat itu, ahli-ahli politik mengupah jurublog untuk

melakukan kerja-kerja bodoh dan kotor dengan menyerang musuh politik mereka tanpa kekesalan bahawa bahan yang digunakan mereka untuk menghentam pihak lawan itu tidak betul, jauh daripada kebenaran, bahkan menjijikkan.

Sementara di United Kingdom pula, perkembangan dunia digital dan ruang siber menyebabkan kewujudan *lawless political landscape* yang memungkinkan ahli-ahli politik dan para penyokongnya untuk terlibat dalam politik kotor. Beberapa tahun kebelakang ini, United Kingdom merupakan salah satu pusat kepada skandal global berhubung penyalahgunaan data *Facebook* bagi tujuan kempen politik. Parti terkenal, Konservatif pernah mengeluarkan video rekaan (*doctored video*) yang menunjukkan gambar seorang yang menyerupai ketua Parti Buruh tergagap-gagap tidak mampu menjawab soalan yang diajukan tentang pendiriannya berhubung isu Brexit dan video itu meminta para pengundi untuk mempercayai fakta yang dipaparkan.

Dalam konteks parti Konservatif itu, permainan politik kotor merupakan tradisi mereka. Rakyat Britain masih ingat bagaimana Edward Heath dinyahkan dari persada politik oleh menterinya, Margaret Thatcher dan Thatcher sendiri pula dihumbangkan oleh tokoh kepercayaannya, John Major seorang yang tidak berpendidikan tinggi itu. Sejarah perdana menteri Konservatif seperti Cameron dan Theresa May juga tidak kurang hebatnya. Permainan politik kotor dalam kalangan kepimpinan tinggi dan kanan Konservatif dalam pemilihan perdana menteri Boris Johnson baru-baru ini menyebabkan para pemerhati politik menganggap Konservatif telah musnah. Michael Haseltine, tokoh penting dan berpengaruh Konservatif untuk sekian lama berkata, “*I have never seen anything like it. He's (Boris Johnson) ripped the Tory party apart; he has created the greatest constitutional crisis in peacetime in my life*”. Permainan politik kotor di dalam Parti Buruh pun tidak kurang hebatnya. Ada ditulis bahawa semasa mesyuarat kabinet Harold Wilson, kerja para menterinya ialah mencatat kelemahan musuh-musuh politik untuk diedarkan secara sembunyi kepada akhbar.

Di Amerika permainan politik kotor adalah juga suatu yang diketahui umum. Contoh klasik politik kotor ialah peristiwa skandal *Watergate* yg direkayasa sendiri oleh Presiden ketika itu, Richard M.

Nixon. Kerana peristiwa itu Pentadbiran Nixon (1972-74) tidak dapat membendung kemarahan rakyat. Presiden Nixon telah merestui tindakan lima orang pembantunya memasuki ibu pejabat Democratic National Committee dengan niat mencuri di hotel Watergate pada bulan Jun 1972. Namun, mereka telah tertangkap. Tindakan itu mencemarkan nama Presiden Nixon dan juga politik Amerika, Kongres serta Mahkamah Agung. Skandal itu akhirnya memaksa presiden meletakkan jawatan. Peristiwa perletakan jawatan itu, walau bagaimanapun mencerminkan masih ada nilai akauntabiliti dan pertanggungjawapan institusi-institusi penting di Amerika.

Di Amerika, permainan politik kotor khususnya dalam kempen pemilihan presiden adalah terus menerus dan tiada henti. Boleh dikatakan wacana politik dan liputan media penuh dengan dusta dan serangan berbentuk kurang ajar seperti menyebarkan cerita karut dan rekaan terhadap seseorang tokoh politik istimewanya calon presiden. Ia perkara biasa dalam politik Amerika.

Dalam bukunya, *Presidential Ambition: Gaining Power at Any Cost*, sejarawan Rick Shenkman menceritakan bagaimana politik kotor di Amerika sejak permulaan republik lagi. Ada orang mengatakan pemilihan terawal yang melibatkan dua orang Presiden adalah dianggap bersih. Selepas daripada itu ia adalah cukup kotor walaupun presiden pertama, George Washington mengaku beliau terpaksa menanggung lebih banyak serangan berbanding dengan Maharaja Nero.

Setelah memberi sedikit gambaran tentang politik kotor dan pengkhianatan di negara Barat, sekarang kita beri tumpuan kepada negara kita, Malaysia. Malaysia merupakan negara *illiberal democracy* atau demokrasi yang tidak sepenuhnya terbuka dan mengamalkan demokrasi tulen. Sudah tentu dalam negara sedemikian, politik kotor dan pengkhianatan adalah perkara biasa juga. Kewujudan terlalu banyak undang-undang *draconian* mencerminkan terdapat banyak peluang yang boleh digunakan bagi menyuburkan permainan politik kotor. Antara undang-undang yang berlawanan dengan prinsip hak-hak kemanusiaan sangat itu termasuklah:

1. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (*Special Offences (Special Measures) Act 2012*)

2. Akta Pencegahan Jenayah 1959 (*Prevention Of Crime Act 1959*)
3. Akta Pencegahan Keganasan 2015 (*Prevention Of Terrorism Act 2015*)
4. Akta Hasutan 1948 (*Sedition Act 1948*)
5. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (*Communication and MultiMedia Act 1998*)
6. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1948 (*Printing Presses and Publications Act 1984*)
7. Akta Perhimpunan Aman 2012 (*Peaceful Assembly Act 2012*)
8. Akta Rahsia Rasmi 1972 (*Official Secret Act 1972*)
9. Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara 2015 (*National Security Council Bill 2015*)

Berdekad-dekad lamanya undang-undang ini, termasuk sebelum ini - Akta Keselamatan Dalam Negeri - yang memungkinkan dan melindungi permainan politik kotor (khususnya pemerintah terhadap pembangkang) digunakan secara sistematik terhadap individu atau kelompok yang dirasakan menjadi ancaman kepada kerajaan atau aturan sosial yang wujud. Tanpa menafikan undang-undang ini ada digunakan secara tulus terhadap sasaran tertentu tetapi kebanyakannya digunakan secara kotor untuk membisukan musuh politik kepada elit pemerintah.

Permainan politik kotor dan pengkhianatan di Malaysia lebih kepada penggunaan kuasa secara tidak demokratik, tidak adil, berat sebelah bahkan penganiayaan kepada musuh-musuh politik. Contohnya banyak sekali. Antaranya termasuklah penangkapan, fabrikasi kes, penganiayaan fizikal dan mental, pengaiban dan penyumbatan ke dalam penjara terhadap Anwar Ibrahim oleh Mahathir Mohamed dan Najib Abdul Razak. Ini adalah kemuncak politik kotor di Malaysia. Mangsa langsung bagi permainan politik kotor ini ialah Anwar Ibrahim dan keluarganya.

Contoh seterusnya yang dialami oleh hampir kesemua parti politik pembangkang sama ada PAS, DAP dan PRM apabila para

wajah baharu kepada politik Malaysia. Ini berlainan daripada model *consociationalism* yang merupakan pendekatan tradisional yang dipakai berdekad-dekad oleh BN dalam politik negara. Pada pengarang, pendekatan ini menekankan kerjasama dan setiaikawan yang menekankan suatu strategi politik yang “bertujuan mencairkan elemen-elemen perkauman dalam politik dengan cara menarik parti-parti dan ahli-ahli parti untuk mengambil tapak tengah”. Kejatuhan kerajaan PH akibat pengkhianatan ini bukanlah bererti pendekatan sentripetalisme ini berkubur tetapi ia merupakan *setback* kepada pendekatan, jika diberi ruang, boleh menjadi subur dan membawa era gemilang kepada kestabilan politik masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia. Dr Madhi memberi pencerahan menarik bahawa pendekatan ini gagal kerana Dr Mahathir mencuba menggunakan pendekatan lama BN di mana UMNO mendominasinya. Dalam konteks PH, Dr Mahathir mencuba sedaya upaya menjadikan PPBM parti dominan. Ini dilakukan dengan membawa ahli-ahli parlimen UMNO ke dalam partinya dan memecahkan parti komponen di dalam PH. Sasaran utamanya ialah memporak-perandakan KEADILAN, parti terkuat di dalam PH dengan menafikan calon-calon menteri dan timbalan menteri yang dicadangkan oleh parti dan memilih tokoh-tokoh yang mempunyai masalah dengan presiden parti. Azmin Ali dipupuk dan ditatang sebagai anak emas yang diberi ruang untuk bermaharajalela tanpa ada sebarang sekatan walaupun prestasinya sebagai menteri ekonomi terlalu *mediocre* dan isu rakaman video tentangnya menjadi perbualan dan percakapan masyarakat.

Profesor Redzuan dan Ikhwaniata Taib di dalam tulisan mereka berjodol “Pengkhianatan, Pembelotan dan Pemungkiran Janji dalam Politik Malaysia” dengan tegas dan tanpa berselindung menyalahkan Dr Mahathir sebagai puncaberlakunya pengkhianatan dan pembelotan ini. Kedua-dua pengarang memberi urutan atau kronologi bagaimana tindak tanduk politik Dr Mahathir adalah untuk mempastikan Dato Seri Anwar Ibrahim kecundang dan tidak dinobatkan sebagai perdana menteri. Jelas sekali tulisan ini memperlihatkan ketidakikhlasan Dr Mahathir terhadap Anwar Ibrahim dari dahulu sehingga sekarang. Beliau melakukan apa jua – tersurat dan tersirat - untuk Anwar Ibrahim tidak dapat mendapat jawatan itu.

pimpinan parti ditangkap di bawah ISA. Ramai sekali kepimpinan parti-parti ini menerima nasib malang itu. Dalam tahun 1960-an hampir keseluruhan pimpinan tertinggi Parti Buruh dan PRM telah dibinasakan hingga tiada siapa lagi yang boleh menyambung bagi meneruskan kepimpinan parti. PAS juga mengalami nasib yang sama daripada pimpinan pusat hingga kepada pimpinan negeri dan bahagian serta daerah. Sesiapa yang aktif dalam parti ketika itu sentiasa hidup dicengkam ketakutan. Satu lagi amalan kotor yang dilakukan ‘berskala kecil’ adalah membeli wakil-wakil rakyat seperti yang berlaku di Terengganu dan Kelantan pada dekad pertama selepas negara mencapai kemerdekaan dan juga pada wakil rakyat KEADILAN di Perak tidak lama selepas PRU 2008 dahulu.

Walaupun politik kotor dan pengkhianatan diamalkan di Malaysia seperti digambarkan di atas tetapi ini bukanlah sebagai suatu generalisasi. Politik tidak waras ini dilakukan oleh sebahagian daripada parti politik atau beberapa pemimpinnya sahaja. Tetapi mulai awal tahun ini permainan politik kotor yang melibatkan segala segi seperti *treachery, betrayal, disloyalty, backstabbing, greed, coup* telah sampai ke kemuncaknya. Ia tidak pernah berlaku sebelum ini. Sudah hilang segala pertimbangan moral, etika, akhlak, rasa malu dan bersalah. Segala-galanya diberi alasan sebagai sah, halal, suci dan berakhlak. Usaha menjatuhkan kerajaan yang dipilih rakyat secara sah dan sahiih dirancang sedemikian rupa sehingga berjaya. Secara rasminya, kerajaan PH pilihan utama rakyat Malaysia dalam PRU14 telah dihumban tanpa perlu menunggu PRU15 bagi memberi rakyat peluang menentukan siapa kerajaan pilihan mereka. Hak mutlak rakyat untuk menentukan kerajaan pilihan mereka bukan sahaja dinafikan tetapi dirampas tanpa rasa malu dan segan silu. Para pemimpin yang terlibat seolah-olah dengan bertelanjang bulat telah menungggingkan punggung mereka kepada rakyat sambil mengata: persetan kamu semua!

Mereka yang merancang dan terlibat adalah *seasoned political players*. Mereka bukan *novice* atau orang baru hendak belajar politik. Kecuali orang-orang tertentu yang memang akhlak politik dan akhlak hidup sehariannya dicurigai, pemain-pemain utama lainnya sebelum ini memamerkan budi pekerti politik luhur yang

membanggakan. Tetapi politik rupanya tetap politik. Mereka rupanya mempunyai cita-cita politik luar biasa; mereka sanggup melakukan apa sahaja asalkan cita-cita peribadi tercapai.

Buku yang dihidangkan kepada para pembaca ini terbahagi kepada bab-bab yang cukup menarik yang mengupas dengan mendalam, perseptif dan tajam tentang politik pengkhianatan, tidak berprinsip, tidak amanah, kotor dan jahat sepanjang pemerintahan Pakatan Harapan (PH). Setiap penulis menulis dengan kemas, padat, jitu dan objektif dengan bersandarkan bukti konkret dan bukan andaian dan agakan.

Sdr Khairul Arifin Munir telah membuat suatu catatan yang menarik tentang kronologi peristiwa pengkhianatan yang dilakukan oleh gerombolan politikus tidak bermoral dan beretika tinggi, iaitu pengkhianatan luar biasa yang tidak pernah berlaku dalam politik tanah air, menjatuhkan sebuah kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat Malaysia. Kronologi ini terperinci dan akan menjadi rujukan sejarah yang akan ditatapinya oleh generasi akan datang. Generasi akan datang atau pengkaji sejarah politik Malaysia tentu akan kaget melihat bagaimana terancangnya usaha yang dilakukan untuk menjatuhkan kerajaan PH ini. Kronologi terperinci ini menunjukkan dengan jelas peranan parti-parti politik dan individu-individu yang terlibat.

Sdr Ameer menceritakan bagaimana timbalan perdana menteri (TPM), Dr. Wan Azizah Ismail seolah-olah *caught off-guard* dengan proses kejatuhan kerajaan PH. Beliau yang menjalankan kerja-kerja biasanya menghadiri atau mempengerusikan mesyuarat, tiba-tiba mendapat tahu tentang tindakan dan sikap perdana menteri yang tiba-tiba nampak tidak menentu. Sebagai TPM tidak sewajarnya beliau tidak dimaklumkan oleh perdana menteri tentang peristiwa besar politik negara yang sedang berlaku. Rumusan yang jelas dibuat oleh Ameer ialah perdana menteri tidak ikhlas dan tidak amanah dalam mengendalikan politik negara di mana kepentingan peribadi menjadikan dirinya “adalah segala-galanya” dan ini menjadi punca kepada pengkhianatan kepada politik negara.

Dr Hamdan dalam dua bab, “656 Hari di Bawah Pakatan Harapan” dan “Api Dalam Sekam” dengan cukup menarik sekali menghimbau

babit-babit yang membawa kepada PH menjadi gelabah, beransur-ansur hilang relevansi dan legitimasinya apabila tewas dalam beberapa pilihan raya kecil. PH juga tidak mampu berdepan dengan serangan bertubi-tubi yang cukup terancang daripada para jurublog yang merupakan tentera upahan pihak pembangkang khususnya UMNO dan PAS. Serangan terancang itu bertujuan menimbulkan syak dan curiga mendalam masyarakat, khususnya masyarakat Melayu bahawa kerajaan PH didominasi oleh DAP, Amanah dan hatta KEADILAN pun diam membisu kerana sudah berada di bawah ketiak DAP. Sementara PPBM adalah parti kecil yang lemah dan tentu tidak boleh diharapkan. PH juga digambarkan tidak dapat memenuhi janji melaksanakan manifesto PRU14. Banyak yang tidak nyatakan di dalam manifesto PRU14 tetapi dinyatakan dalam manifesto PRU13 dibangkitkan kembali seolah-olah ia sebahagian daripada manifesto PRU14. Banyak yang ditokok tambah seperti PH tiada agenda membantu orang Melayu. Begitu juga PH akan segera mengiktiraf sijil UEC sedang dalam manifesto BN perkara yang sama juga disebut. Serangan bertubi-tubi ini cukup efektif sehingga pengikut PH pun ada yang tolong menularkan perkara-perkara yang ditokok tambah itu.

Walaupun cerita-cerita yang dibawa itu merupakan pembohongan dan tohmahan tetapi jelas rakyat, khususnya orang Melayu, cukup termakan dan para pemimpin PH tidak mampu berbuat apa-apa. Mereka seolah-olah melihat dan mendengar tapi membiarkannya merebak hingga ke kampung-kampung. Kementerian Komunikasi yang dikendalikan oleh Gobind Singh daripada DAP seperti terpukau dan langsung tidak ada usaha melawan atau menjernihkan suasana. Beliau ini dari awal-awal lagi nampak seperti menyerah kalah dan tidak tahu membuat kerja. Tapi seperti yang dinyatakan oleh Dr. Hamdan, kekalahan demi kekalahan pilihan raya kecil yang ditandingi oleh PPBM memang menghantar isyarat yang jelas kepada pemimpin parti tersebut bahawa orang Melayu mula menolak PH. Mereka mula merasa gelisah dan ada antara mereka yang mula bimbang dengan kedudukan dan masa depan mereka dan parti. Penolakan terhadap parti ini akan menjaskan kedudukan mereka sebagai menteri, timbalan menteri dan posisi-posisi penting yang lain. Tetapi mereka melakukan kesilapan besar.

Mereka tidak pernah bermuhasabah atau melakukan introspeksi ke dalam diri mereka. Pertama, mereka tidak sedar bahawa rakyat memang tidak berapa senang dengan mereka. Jika tidak, masakan setelah bertanding di kerusi terbanyak dalam PRU14 mereka hanya mampu mendapat 13 kerusi sahaja. Itu pun sebenarnya kerana penyokong KEADILAN dan DAP yang mengundi mereka. Amat sedikit penyokong UMNO yang mengundi mereka. Mereka sepatutnya bertindak seperti parti yang lemah dan bekerja kuat dengan bantuan rakan-rakan dalam PH untuk mengembangkan sayap mereka sementara berada di dalam kerajaan. Kedua, mereka tidak sedar atau sengaja tidak mahu sedar bahawa punca kekalahan mereka ialah rakyat sudah mual dan jemu dengan Dr Mahathir sebagai PM kerana beliau gagal menyelsaikan banyak masalah orang Melayu dan masalah negara. Parti sepatutnya memberi nasihat kepada pengurusnya supaya berundur dan parti boleh dibina kembali. Dalam masa 3-4 tahun mendatang parti akan pulih dan lebih bersedia untuk berdepan dengan UMNO yang makin lemah dan hilang arah dan tujuan.

Seperti yang disebut oleh Dr Hamdan, peranan *deep state* di dalam mempercepat proses kejatuhan kerajaan PH tidak dapat dinafikan. Kerajaan PH adalah kerajaan baharu dan asing bagi kelompok birokrat yang sudah sebatи dengan kerajaan lama BN. Mereka cukup selesa dengan sistem sedia ada. Ini berlaku di mana-mana. Kerajaan Terengganu pimpinan Haji Abdul Hadi tidak boleh bertahan dan menang dalam pilihanraya 2004 kerana penentangan golongan birokrat. Kes klasik yang menggagalkan pelaksanaan undang-undang Islam yang diperkenalkan oleh General Zia ul-Haque di Pakistan juga disebabkan sabotaj para birokrat yang merupakan *deep state* yang cukup *established* di Pakistan. Dalam konteks Malaysia, para menteri PH adalah menteri yang bodoh sompong. Mereka baharu dan novis dalam bab pengurusan negara. Ada yang tidak pernah menulis surat rasmi pun kerana tidak pernah menjadi ketua jabatan tetapi berlagak sebagai orang pandai dan tidak suka mendengar nasihat KSU atau DG masing-masing. Mereka gagal mendampingi dan mendapatkan kepercayaan dan keyakinan para birokrat ini.

Dr Madhi Hassan telah mengupas dengan menarik akan teori politik sentripetalisme yang digunakan oleh PH dalam memberi

Kemuncak kepada proses pengkhianatan yang membawa kepada kejatuhan PH telah dirancang sedemikian lama dan pengakhirannya ialah Langkah Sheraton yang dipaparkan oleh Ismail Yusop dengan baik sekali. Langkah Sheraton ini adalah suatu drama yang menayangkan lakonan setiap pemain yang selama ini terlibat dalam perancangan pengkhianatan itu. Ini termasuklah semua pemimpin atau tokoh-tokoh penting parti-parti politik dalam PH (khususnya PPBM) dan daripada pihak pembangkang. Ia juga menyerahkan sikap hipokrit sebenar yang ditunjukkan sebelum ini. Sebagai contoh, Azmin Ali telah beria-ia mempertahankan Dr Mahathir supaya kekal sebagai PM sehingga habis tempoh lima tahun.

Begitu juga Muhyiddin Yassin di dalam mesyuarat PH terakhir dihadirinya ketika membincangkan kedudukan Dr Mahathir sebagai PM dan Anwar Ibrahim sebagai bakal PM menyokong cadangan pengunduran Dr Mahathir selepas APEC dan menerima cadangan Anwar Ibrahim menggantikannya selepas itu. Cadangan itu datang daripadanya sendiri tetapi beliau sebenarnya bersandiwara sahaja kerana perancangan menggulingkan kerajaan PH sudah berlaku lama. Ini telah dibayangkan sendiri olehnya kepada Liew Chin Tong dan Mohamad Sabu akan ketidaksediaannya menjadi timbalan perdana menteri sekali lagi di bawah Anwar Ibrahim kerana beliau telah pun bertahun tahun menjadi TPM sebelum ini. Beliau sebenarnya menyimpan mimpi untuk menjadi perdana menteri tanpa menunggu giliran selepas Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir dan para pengikutnya sentiasa menyalahkan Anwar Ibrahim yang digambarkannya sebagai gelojoh dan tidak bersabar untuk mendapatkan jawatan perdana menteri itu. Pemimpin penting lain yang disebut kedua-dua pengarang sebagai menyalahkan Anwar Ibrahim ialah Azmin Ali dan Zuraida Kamaruddin. Mereka ini berasal daripada KEADILAN dan “tahu benar-benar” bahawa pendirian KEADILAN sejak penubuhannya pada tahun 1998 lagi adalah untuk menabalkan Anwar Ibrahim sebagai pendana menteri Malaysia. Bahkan mereka ikut menjaja idea dan harapan itu di seluruh negara khususnya di dalam syarahan-syarahan mereka. Mereka juga tahu dalam perjanjian yang ditanda-tangani para pemimpin PH sebelum PRU14 bahawa akan diusahakan secepat mungkin untuk Anwar

Ibrahim diberi pengampunan bagi mengambil alih jawatan perdana menteri daripada Dr Mahathir. Jadi tempoh 1-2 tahun adalah wajar untuk Dr Mahathir memegang jawatan itu lalu kemudian diserahkan kepada Anwar Ibrahim. Tetapi sebagaimana dinyatakan oleh para pembantunya, Dr Mahathir mengarahkan mereka berusaha mencari jalan menidakkannya Anwar Ibrahim daripada menjadi perdana menteri. Ini terbukti apabila beliau langsung tidak mahu menyebut tarikh pemberhentiannya sebagai PM walaupun semasa beliau menjadi perdana menteri dalam UMNO dahulu, beliau dengan mudah sahaja memberi tarikh penyerahan tugasnya kepada Abdullah Badawi.

Profesor Redzuan dan Sdr Ikhwan telah menyenaraikan dan menghuraikan dengan meyakinkan tentang sikap, pendirian dan tindak-tanduk untuk menyekat Anwar Ibrahim. Ringkasnya, apa yang hendak dibuktikan kedua-duanya bahawa pengkhianatan dan tindakan *disloyal* kepada perjanjian yang dimeterai sebelum ini mempunyai seorang *mastermind* iaitu Dr Mahathir sendiri dengan dibantu oleh pelakon utama Azmin Ali dan Muhyiddin Yassin sendiri.

Dua tulisan oleh Sdr Hasri Harun melihat pengkhianatan dan kemunafikan sebagai pelencongan daripada amanah. Perspektifnya tentang amanah, pengkhianatan dan kemunafikan adalah perspektif Islam. Islam sebagai agama memang menekankan soal amanah yang merupakan ajaran terpenting Islam. Beliau mengambil sandaran hujahnya dengan merujuk kepada al-Quran, Hadith dan pandangan ulama muktabar. Dari perspektif sains sosial, khususnya politik dan sosiologi, bab amanah (atau *trust* dan *trustworthiness*) juga tidak kurang diberi penekanannya. Ini kerana amanah akan menjamin *reliability* dan rasa selamat (*sense of security*) dalam sistem politik dan pentadbiran negara. *Reliability* ini termasuklah pada perorangan, prosedur atau institusi untuk menyalurkan apa jua bentuk perkhidmatan kepada masyarakat. Katakan institusi politik, jika unsur amanah tidak wujud di dalam sistem dan proses politik tanah air, atau apabila tokoh-tokoh politik tidak lagi menghormati dan mematuhi prosedur-prosedur permainan politik yang diterima pakai sebagai standard umum perpolitikan tentulah sistem itu akan hancur.

O'Neill (2002) menekankan amanah dan kepercayaan penting kerana *all guarantees are incomplete*. Semua orang boleh berjanji dan

bercakap manis tetapi itu tidak mencukupi. Yang mencukupinya ialah sifat amanah yang ada pada seseorang. Dengan adanya amanah *the institutions can be expected to work*. Tambahan pula, dalam literatur politik amanah ialah *an expectation of continued value*. Amanah juga adalah *necessary and sufficient condition* untuk berlakunya *proper functioning* bagi suatu sistem politik. Ketiadaannya akan membawa kecacatan kepada sistem politik.

Pengkhianatan politik berskala besar dan luar biasa baru-baru ini mungkin menggembirakan segelintir orang tertentu yang fanatik dengan kerajaan “Melayu-Islam” tetapi kesan besar jangka panjang ialah rakyat khususnya generasi muda mulai hilang kepercayaan kepada orang-orang politik sebagai suatu gerombolan yang tidak amanah yang mementingkan ego, pangkat, kedudukan dan wang. Sdr Amidi dan Abd. Razak, di dalam “Krisis Politik Negeri: Antara Janji dan Kemaruk Kuasa” telah menggalurkan krisis politik yang melatarbelakangi pengkhianatan politik dalam kalangan tokoh-tokoh penting kerajaan PN. Hampir semua negeri disentuh mereka seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah. Mereka menerangkan secara terperinci politik sabotaj dan pengkhianatan di negeri-negeri ini yang sebelum ini diperintah oleh PH dan bagaimana akhirnya kerajaan PH ditumbangkan hasil pengkhianatan itu. Sebenarnya apa yang terjadi bukan sahaja pengkhianatan sehingga kerajaan pusat bertukar tangan daripada PH kepada PN yang tidak dipilih rakyat. Begitu juga enam negeri ini mempunyai kerajaan sah yang dipilih rakyat tetapi bertukar secara pintu belakang kerana permainan politik kotor dan tidak bermaruah tokoh-tokoh politik yang sudah hilang harga diri mereka.

Tentu tidak lengkap jika tidak disentuh sedikit peranan YDP Agong dalam kemelut politik negara yang kucar-kacir ini. Perlumbagaan Malaysia telah memperuntukkan kuasa kepada Tuanku bagi menyelesaikan masalah apabila wujud *impasse* berhubung dengan pelantikan perdana menteri. Pada peringkat awalnya Tuanku telah memanggil semua ahli Parlimen untuk ditanya tiap-tiap seorang siapa calon yang sesuai bagi mengisi jawatan perdana menteri. Sebagaimana yang ketahui umum hanya terdapat dua calon iaitu Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim. Keputusan tidak diumumkan tetapi dinyatakan calon

yang mendapat undi sekarang-kurangnya 112 daripada kesemua ahli parlimen itu. Kerana itu Tuanku akhirnya bersetuju kerana Muhyiddin memaklumkan beliau mempunyai sokongan jumlah ahli parlimen yang cukup untuk membolehkannya layak memegang jawatan perdana menteri. Kali ini Tuanku tidak lagi bertanya tiap-tiap orang ahli parlimen dari parti-parti yang dikatakan menyokong Muhyiddin. Rasa kurang puas hati timbul kerana Muhyiddin menyatakan beliau mendapat sokongan semua ahli parlimen dari PBMB dan ini diterima oleh Tuanku. Persoalan yang menjadi kemusykilan ramai ialah lima daripada ahli Parlimen PPBM termasuk Dr Mahathir tidak bersetuju menerima Muhyiddin sebagai calon PM. Kurang pasti apakah sekiranya lima nama ini diketepikan, Muhyiddin akan mempunyai jumlah 112 itu. Bagaimanapun, apabila Tuanku membuat keputusan dan tidak lagi berganjak dengan keputusan itu tiada siapa pun yang membangkangnya termasuklah Dr Mahathir atau Anwar Ibrahim. Mereka menerima keputusan itu dan menjunjung kasih kepada Tuanku kerana berusaha menyelesaikan suatu krisis politik yang rumit yang tidak pernah berlaku.

Sdr. Ng Ming Yip telah memberi sedikit gambaran tentang pandangan dan sikap orang bukan Melayu, khususnya Cina ketika berdepan dengan krisis pengkhianatan ini. Penulis ini mengambil perhatian tentang kekecewaan orang bukan Melayu dengan peristiwa pengkhianatan tersebut. Sdr. Ng sebelum itu menerangkan kekecewaan orang bukan Melayu terhadap kerajaan PH termasuk DAP kerana lambat atau gagal menangani beberapa isu yang dihadapi oleh orang bukan Melayu untuk sekian lama. Apabila kerajaan PH dapat dibentuk, pandangan dan harapan orang bukan Melayu cukup tinggi. Banyak yang dijanjikan di dalam manifesto akan dilaksana termasuk sijil UEC tetapi tiada nampak bayang penyelesaiannya. Orang bukan Melayu juga menentang usaha memperkenalkan tulisan jawi di sekolah dan merasakan DAP cukup lemah dalam menangani isu ini.

Walaupun orang bukan Melayu agak kecewa dengan kecuaian atau kelambatan kerajaan PH menguruskan kepentingan kaum bukan Melayu dan mereka menunjukkan kekecewaan itu dengan mengundi MCA dalam pilihan raya kecil di Tangjung Piai, namun mereka umumnya tidak boleh menerima kerajaan PN kerana ia merupakan

## KHIANAT

kerajaan yang dipaksakan ke atas rakyat Malaysia. PN bukan kerajaan pilihan rakyat di samping terdapat gembar-gembur kerajaan PN ini tentang Melayu-Islam dan hakikat bahawa wakil bukan Melayu sedikit sekali seolah-olah kehadiran mereka adalah ‘ambil syarat’ sahaja. Sdr. Ng juga menyatakan orang-orang bukan Melayu rata-ratanya muh melihat kerajaan yang sederhana, inklusif dan berusaha menjaga kepentingan semua rakyat Malaysia. Beliau cukup bimbang dalam PRU15 akan datang jika menyaksikan perlawanan Melayu lawan bukan Melayu.

Sementara Sdr. Liew Chin Tong, tokoh muda DAP dalam bab beliau memaparkan “Kisah Pelik Muhyiddin”. Beliau menerangkan bahawa setelah bersama dengan Muhyiddin dalam mengharungi cabaran kelangsungan PH di Johor, beliau akhirnya mempunyai hubungan yang cukup akrab sehingga mereka boleh berbincang perkara-perkara yang sensitif. Chin Tong menyatakan Muhyiddin sungguh kecewa dengan Dr Mahathir berhubung kegalannya menjadi menteri kewangan sedangkan itulah yang dijanjikan oleh Dr Mahathir dan tentang pemilihan Mazlan Bujang selaku ketua PBMB Johor oleh Dr Mahathir sedangkan Johor adalah medan beliau. Amat tidak wajar bagi Dr Mahathir untuk mengambil langkah sedemikian. Satu lagi kekecewaan Muhyiddin yang amat sangat ialah kekalahan pilihan raya kecil di Tanjung Piai, iaitu kerusi parlimen yang dimenangi oleh partinya dalam PRU14 dan mungkin kekalahan meninggalkan kesan mendalam bahawa orang Melayu telah mula menolak PH.

Muhyiddin, setelah kembali daripada cuti tahunannya ke luar negeri, kembali sihat dan bersemangat. Tapi kali ini pemikirannya sudah mula berubah. Beliau mula merasakan sekiranya sampai masanya Anwar Ibrahim mengambil alih sebagai perdana menteri beliau hanya akan menjadi timbalan perdana menteri sedangkan beliau telah pun mengecapi jawatan itu semasa zaman beliau berada di dalam UMNO dan BN. Di samping itu beliau mula akur pada idea tentang kerajaan Melayu dan perpaduan Melayu yang tidak begitu selari dengan pendirian kerajaan PH yang mendokong kerajaan pelbagai kaum.

Akhirnya, Chin Tong berpendapat Muhyiddin telah berubah pemikirannya dan ini mungkin kerana godaan untuk menjadi PM

terlalu kuat atau boleh jadi kerana kekecewaan terhadap Dr Mahathir, atau tarikan kuat daripada Azmin Ali, Hishamuddin Hussein dan Hamzah Zainudin sehingga beliau terlibat secara langsung dalam kudeta politik Sheraton.

Sdr. Shamsul Iskandar dalam bab beliau bertajuk “Lupakah Muhyiddin Pada Anwar?” telah juga memberi maklumat yang menarik dan ekslusif kerana tidak banyak diketahui oleh masyarakat umum. Beliau mencatatkan tiga peristiwa yang amat penting kerana kalaulah tidak kerana peranan dan pengaruh Anwar Ibrahim entah apalah terjadi kepada Muhyiddin. Pertama ialah hasrat beliau untuk menjadi perdana menteri selama dua tahun sahaja sementara menunggu pembebasan Anwar Ibrahim dari penjara. Anwar Ibrahim bersetuju dan tiada masalah menerimanya.

Ketika beliau memaklumkan persetujuan Anwar Ibrahim itu kepada mesyuarat MPT, parti beliau melakukan kesilapan dengan menyebut bahawa calon TPM ialah Azmin Ali. Apabila nama itu disebut, penentangan adalah cukup kuat sehingga mesyuarat menjadi kelam kabut dan perbincangan tentang beliau sebagai calon PM dan Azmin sebagai TPM terhenti serta tidak konklusif. Apabila perkara itu terjadi, Dr Mahathir menamatkan mesyuarat dengan mengatakan beliau dan Tun Daim akan berunding dengan Anwar Ibrahim. Kedua, kekecewaan Muhyiddin kerana gagal menjadi menteri kewangan. Beliau merajuk dan marah sungguh-sungguh pada tindakan Dr Mahathir memberi jawatan itu kepada Lim Guan Eng. Anwar Ibrahim telah memujuk beliau untuk bersabar dan berjanji untuk menjadikannya rakan gandingan apabila Anwar Ibrahim menjadi PM kemudiannya. Ini telah meredakan kemarahannya dan beliau tidak meneruskan hasrat meletakkan jawatan di KDN.

Dan akhir sekali ialah keputusan untuk mengharamkan UMNO atas desakan Dr Mahathir dan juga atas kemahuan Muhyiddin sendiri. Sekali lagi Anwar Ibrahim berperanan dengan berhujah dan merayu supaya beliau tidak berbuat demikian. Kalaulah tidak kerana hasil pujukan Anwar Ibrahim itu, UMNO sudah pun diharamkan. Tanpa UMNO, tidak akan ada kerajaan PN yang diketuai oleh Muhyiddin. Sdr. Shamsul ingin menerangkan bahawa Anwar Ibrahim sebagai kawan setia kepada Muhyiddin telah berbuat apa sahaja untuk

menyelamatkan beliau di samping mengubah keputusan yang akan diambil yang boleh merugikan banyak orang termasuk Muhyiddin sendiri.

Akhirnya, penulis prolifik Sdr. P. Gunasegaram telah mengupas dengan menarik dalam tulisannya yang bertajuk “Apakah Jalan ke Hadapan Untuk PH? Tulisan ini seperti tulisan-tulisan yang memperlihatkan konsistensi berhujah bahawa masalah yang dihadapi oleh PH adalah kerana manusia bernama Dr Mahathir. Beliau merasakan PH dari awal lagi membuat kesilapan memberi ruang kepada Dr Mahathir memasuki PH sedangkan PH yang didokong oleh KEADILAN, DAP dan Amanah sudah pun kuat dan mencukupi. Apabila Dr Mahathir berjaya menjadi pengemudi kerajaan PH, beliau merobek PH dengan beberapa perkara yang dilakukan. Antaranya, beliau telah membuat janji palsu, menghalang Anwar Ibrahim naik sebagai PM, menyemai benih perpecahan dalam parti komponen PH khususnya KEADILAN; beliau berkonspirasi dengan UMNO, PAS dan sebagainya. Sdr P. Gunasegaram juga merumuskan tiga orang yang bertanggungjawab menghancurkan PH iaitu Dr Mahathir, Muhyiddin dan Azmin Ali. Beliau akhir sekali menasihati PH supaya memutuskan sepenuhnya hubungan dengan Mahathir dan sekiranya PH gagal berbuat demikian, pakatan tersebut tidak akan mampu pergi jauh dalam perjuangannya kerana roh dan jiwanya sudah kehilangan.

Pengkhianatan kepada kerajaan PH yang diketuai oleh Muhyiddin Yassin dan Azmin Ali telah menyebabkan rakyat, khususnya generasi muda, cukup kecewa dengan politik tanah air. Kita sepatutnya memberi orang muda harapan bahawa politik yang bersih adalah suatu yang mungkin dan bukan sebaliknya. Terlalu banyak kelemahan sistem politik Malaysia pada zaman BN seperti tiadanya ketelusan dalam pilihan raya: wujud banyak *irregularities* bahkan *vote tampering* dan pemindahan para pengundi, khususnya askar ke kerusi-kerusi tertentu bagi membantu calon-calon tertentu khususnya para menteri. Begitu juga manifesto, keinginan, minat dan keghairahan atau idea-idea yang hebat tidak mempunyai apa-apa makna. Yang ada dan relevan ialah kelompok etnik anda, sejauh mana banyaknya duit anda dan parti etnik yang anda berafiliasi. Inilah perkara yang menonjol dalam politik dan bukan idealisme perjuangan. Semua ini

menyebabkan generasi muda hilang semangat untuk menceburkan diri dalam politik. Yang tinggal ialah sampah-sampah yang tiada kualiti. Bagi generasi muda, politik bersih adalah suatu mitos.

Malangnya hampir semua ahli politik berteriak meminta politik bersih, politik yang padang permainannya adalah sama dan bukan berat sebelah. Dikutuknya sesiapa yang dianggap tidak menghormati *fairness*, keadilan, kesamaan dan pekerti yang baik. Ada yang masuk politik kerana didorong oleh keinginan membetulkan keadaan yang dirasakan tidak adil bahkan menyeleweng. Tetapi orang-orang yang penuh dengan idealisme sebelum terjun dalam politik ini apabila mereka masuk politik yang terus difikirkan mereka ialah faedah, manfaat, laba dan keuntungan diri.

Hujahan yang selalu dipakai iaitu *equal democratic playing field* mula dilupai. Apa yang dilihat sekarang ialah sifat politik itu rupanya ialah *zero sum game*. Politik mula menjadi kotor dan bercelaru. Dalam politik negara berbilang kaum seperti Malaysia, kekotoran dan keceluaran mudah berlaku kerana dalam masyarakat seperti ini stail politik yang mudah wujud ialah apa yang dipanggil *paranoid style*. Dalam stail politik paranoia ini rakyat mudah dimobilisasikan untuk melawan *conspiratorial fantasy* yang dikaitkan dengan ancaman *fifth-column*. Di Malaysia *fifth column* itu bagi mereka ialah DAP yang digambarkan akan menelan dan menghancurkan orang Melayu. Inilah yang dimainkan oleh Muhyiddin Yassin, UMNO, PAS dan Azmin Ali bahawa kedudukan orang Melayu sedang terancam dan PH, manakala Dr Mahathir, Anwar Ibrahim atau Mohamad Sabu tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Orang Melayu akan mati di negeri sendiri dan sedang nazak kerana DAP diberi muka oleh PH untuk bermaharajalela.

Telah wujud *axis of evil* yang menginkorporasikan tokoh politik dan parti politik, media (termasuk jurublog) dan akademia yang membisu seribu bahasa. Langsung tidak wujud *legitimate political debate* atas kemenangan hipokrisi politik di Malaysia. Cita-cita melawan korupsi dan membawa islah telah terbantut. Tidak ada apa yang boleh diharapkan daripada elit politik Malaysia. Yang penting bagi mereka ialah pangkat dan kedudukan, duit dankekayaan, kontrak, monopoli kekuasaan, perkhidmatan dan posisi dalam negara sebagai *patronage*

yang boleh membeli individu, kelompok, penyokong kuat dan setia (*die-hard supporters*) yang bersedia berperanan sebagai *foot soldiers*.

Akhir sekali dan sebagai penamat, pengkhianatan politik yang berlaku di Malaysia adalah kemuncak pengkhianatan politik yang kita saksikan di dunia ini. Dalam konteks negara lain, ia lebih melibatkan usaha memburukkan imej lawan sama ada intraparti atau interparti. Tetapi apa yang berlaku di Malaysia adalah melompat dari parti ke parti lain dengan meninggalkan dan menjahanamkan parti asal, atau PPBM dengan parti musuh dan meninggalkan parti kawan sekomponen yang sebelum ini bersama-sama bertungkus lumus berjuang untuk memenangi pilihanraya.

Kesannya amat parah sekali. Apabila ini terjadi maka legitimasi untuk memerintah menjadi defisit. Maksudnya, walaupun parti PPBM pimpinan Muhyiddin Yassin mendapat 5.9% daripada undi popular dalam PRU14, kerana menumpang PH maka PPBM sah untuk memerintah.

Tetapi apabila parti itu keluar, ia membawa bersamanya sokongan 5.9% sahaja iaitu suatu angka yang tidak memberi legitimasi untuk memerintah. Walaupun UMNO memperoleh 20.9% undi popular dalam PRU14 dan PPBM kini berada bersama UMNO di dalam PN, PPBM tidak boleh menumpang kerana UMNO menang sebagai anggota BN yang ditolak rakyat. Begitu juga PAS mendapat 16.82% tidak menyumbang kepada legitimasi PN atau Muhyiddin kerana parti itu berjuang atas landasan untuk mewujudkan negara Islam.

Ringkasnya, Muhyiddin dengan PPBM-nya berdepan dengan krisis legitimasi yang luar biasa yang tidak dapat menjustifikasi pemerintahannya. Apabila krisis legitimasi tidak dapat diatasi atau diselesaikan, hal ini berkaitan dengan demokrasi yang menjadi tunggang sistem pemerintahan Malaysia. Kerana persoalan legitimasi ini menjadi suspek, maka negara berdepan dengan banyak masalah. Untuk Malaysia menjadi negara demokrasi yang berfungsi dengan sewajarnya, legitimasi yang kukuh akan menjamin kestabilan negara. Sebaliknya, jika apa yang wujud ialah legitimasi yang lemah, kita akan berhadapan dengan ketiadaan *check and balance* dan dengan *governan* yang cukup lemah. Ini akan merugikan negara dan akan mengambil masa yang lama untuk pulih, kalau ia akan pulih. Ini akhirnya akan

menyebabkan kehilangan apa yang dikupas dengan mendalam oleh Francis Fukuyama sebagai *trust*. Baginya, masalah berpanjangan yang dihadapi dunia ketiga ialah masalah *trust* ini. Selagi *trust* tidak dapat diselesaikan selagi itu dunia ketiga berdepan dengan masalah untuk maju ke hadapan.

Kita mendoakan akhirnya hikmah akan wujud dalam permainan politik di Malaysia. Jika ini tidak berlaku rakyat khususnya generasi muda akan kecewa. Marilah kita beri mereka harapan bahawa masa hadapan masih ada di Malaysia. Pengkhianatan politik baru-baru ini adalah anomali sementara dan PH akan kembali memerintah sesuai dengan kehendak dan aspirasi rakyat dalam PRU14.

# KRONOLOGI KEJATUHAN

*Kharul Arifin Mohd Munir*

**JUMAAT, 21 FEBRUARI 2020**

Tarikh ini ditunggu-tunggu oleh banyak pihak. Inilah tarikh rasmi berlangsungnya Mesyuarat Majlis Presiden PH yang akan membincangkan isu peralihan kuasa antara Tun Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kali terakhir mesyuarat ini diadakan pada 23 November 2019.

Sebelum mesyuarat Majlis Presiden, kepimpinan utama PH dari PPBM, KEADILAN, DAP dan Amanah mengadakan pramesyuarat pada sebelah petang yang dihadiri oleh semua presiden parti. Walaupun namanya ialah Mesyuarat Majlis Presiden, namun ia turut dihadiri oleh pimpinan kanan portfolio utama parti masing-masing yang mewakili komponen parti dalam PH.

Sidang Media Majlis Presiden yang diadakan di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya akhirnya merumuskan ketetapan berikut berdasarkan Sidang Media PH iaitu:

- Tun Dr Mahathir: “Telah saya katakan bahawa peralihan kuasa berlaku lepas APEC. Tiada masa, tiada tarikh, tiada apa pun. Terpulang pada saya untuk melepaskan ataupun tidak. Itulah kepercayaan yang mereka berikan pada saya. *Alhamdulillah.*”
- Anwar Ibrahim: “Saya cadang Tun diberi peluang mentadbir negara dan menetapkan bila masa yang sesuai. Sementara itu saya kena bersabar.”

## **KHIANAT**

Sumber pelbagai media juga turut menyorot ketegangan dalam perbincangan pada malam tersebut. PH terutama daripada Amanah dan DAP menggesa Dr Mahathir menetapkan tarikh bagi menyerahkan kuasa kepada Presiden KEADILAN, Anwar Ibrahim. Tan Sri Muhyiddin Yassin mencadangkan supaya isu peralihan kuasa diserahkan untuk dibincangkan antara Anwar Ibrahim dengan Dr Mahathir. Pemimpin PPBM dalam mesyuarat tersebut dikatakan telah memberi amaran bahawa PPBM akan mempertimbangkan keluar PH sekiranya mereka terus menekan Dr Mahathir.

Media turut menyorot laporan Presiden Amanah. Mat Sabu diberitakan dengan tegas jawab, “Kami tak ada masalah, puluh tahun dah kami jadi pembangkang dan disambut dan disokong padu wakil DAP”. Timbalan Presiden KEADILAN Azmin Ali dikatakan menyokong agar Dr Mahathir dikekalkan sehingga habis penggal. Anwar Ibrahim kemudian cuba meredakan keadaan dengan meminta agar Dr Mahathir dibenarkan menentukan tarikh peralihan kuasa tersebut selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang akan berakhir pada bulan November. Jelas berdasarkan pengumuman sidang media dan respons pimpinan pelbagai parti, Mesyuarat Majlis Presiden PH jelas mengekalkan *status quo* yang telah dipersetujui sebelum ini.

## **SABTU, 22 FEBRUARI 2020**

Pasca Mesyuarat Majlis Presiden PH memperlihatkan pelbagai komen dan komentar pelbagai pihak. Parti KEADILAN Rakyat mengeluarkan kenyataan agar ahlinya bersabar dan patuh kepada arahan keputusan Majlis Presiden PH. PAS pula mengeluarkan kenyataan membatalkan rancangan membawa usul undi percaya kepada Dr Mahathir di Sidang Dewan Rakyat akan datang. Parti tersebut sebelum ini mencanangkan akan membawa usul berkenaan. Dato' Takiyuddin Hassan, Setiausaha Agung Pas berkata “Ia tidak lagi relevan untuk membawa usul ini lagi kerana perdana menteri kini boleh memberikan tumpuan untuk melaksanakan segala dasar dan memulihkan semula ekonomi tanpa gangguan politik”. Turut memberikan kenyataan adalah Dato' Seri Mohd Shafie Apdal: “Peralihan (kepimpinan) bukannya mudah. Ia (peralihan kepimpinan) bukanlah keutamaan (bagi Sabah). Rakyat

mahu ada peluang pekerjaan; ekonomi semakin mencabar di pentas dunia”.

## AHAD, 23 FEBRUARI 2020

Pertemuan pelbagai parti politik berlaku di Hotel Sheraton Kuala Lumpur pada hari ini. Di sinilah bermulanya istilah “Langkah Sheraton” yang membawa kepada jatuhnya Kerajaan PH yang mendapat mandat rakyat dalam PRU14 pada Mei 2018. Beberapa siri Mesyuarat berdasarkan laporan media adalah seperti berikut:

- Majlis Tertinggi PPBM bermesyuarat di ibu pejabatnya (Menara Yayasan Selangor), yang tidak jauh dari Sheraton Hotel Petaling Jaya.
- Para pemimpin dan MP Gabungan Parti Sarawak (GPS) dijadualkan bertemu petang ini di Ritz Carlton, Kuala Lumpur.
- Majlis Tertinggi UMNO dijangka mengadakan pertemuan di ibu pejabat parti itu kira-kira pukul 3 petang hari ini.
- Pelbagai pertemuan di Hotel Sheraton: Anggota parlimen KEADILAN dipercayai telah berada di Hotel Sheraton sejak Sabtu lagi dalam pelbagai siri pertemuan melibatkan ahli parlimen, ADUN dan penyokong-penyokong politik KEADILAN yang cenderung berpihak dengan kem Azmin Ali sejak pemilihan terdahulu. Antara yang dilaporkan media berada di sana ialah Zuraida Kamaruddin (Ampang), Dato’ Saifuddin Abdullah (Temerloh), Dato’ Rashid Hasnon (Batu Pahat), Maria Chin Abdullah (Petaling Jaya) dan Hilman Idham (DUN Gombak Setia). Anggota Parlimen PPBM Hamzah Zainuddin (Larut) juga kelihatan di hotel yang sama. Wujud pelbagai spekulasi berkaitan pertemuan itu: Ada yang melaporkan pertemuan itu berkaitan dengan penyelarasan bajet wakil rakyat dan ada yang menyebut ia adalah *retreat* pimpinan KEADILAN di bawah kem Timbalan Presiden.
- Pemimpin atasan UMNO memendekkan pemukiman mereka dengan pemimpin PAS di Pahang untuk membolehkan mereka menghadiri mesyuarat majlis tertinggi “khas” di ibu pejabat parti mereka di Kuala Lumpur. Di sebelah petang pimpinan UMNO dipercayai berkumpul di Pejabat UMNO PWTC.

## KHIANAT

- Ketua Menteri Sarawak, Abang Johari Abang Openg akan mengadakan pertemuan berasingan dengan pemimpin atasan GPS di Kuala Lumpur.
- Media melaporkan Presiden Warisan, Shafie Apdal berada di ibu kota. Warisan diwakili oleh sembilan ahli parlimen di Dewan Rakyat.
- Pimpinan Parti KEADILAN Rakyat juga turut berkumpul di rumah Anwar Ibrahim sejak tengah hari. Rumah beliau meneruskan program mingguan biasa iaitu Majlis Bacaan Yasin dan Solat Hajat yang sememangnya dijalankan setiap minggu bermula jam 6:00 petang hingga 10:00 malam.
- Media melaporkan dari pelbagai sumber berlaku pertemuan wakil-wakil parti politik di Istana Negara mengadap YDPA pada sebelah petang Sabtu tersebut.

Tumpuan seluruh negara khususnya media dan rakyat adalah pada Hotel Sheraton pada malam tersebut. Diberitakan terdapat program Majlis Makan Malam Muafakat Ahli Parlimen, namun tiada ucapan rasmi. Sidang media rasmi yang diwar-warkan sebelum ini juga dibatalkan. Media melaporkan kehadiran pimpinan utama Parti PPBM, UMNO, PAS, Warisan dan termasuk parti komponen BN serta GPS. Media juga melaporkan yang Dr Mahathir yang dijangka hadir, tidak datang pada malam tersebut.

## ISNIN, 24 FEBRUARI 2020

Suhu politik Malaysia pada pagi Isnin masih tidak menentu. Rakyat umumnya dipaparkan dengan pelbagai spekulasi oleh media termasuk media sosial. Pihak di media sendiri kabur dengan apa yang sebenarnya berlaku kerana tiada kenyataan dan pendirian rasmi yang dikeluarkan oleh parti politik melainkan respons umum beberapa ahli politik, sedangkan yang lain-lain enggan memberi ulasan.

- 10:00 pagi: Dilaporkan pimpinan PH bergerak ke Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir. Namun dimaklumkan beliau tidak ke Perdana Putra. Rombongan pimpinan PH bergerak ke kediaman perdana menteri. Turut bersama di kediaman Dr Mahathir adalah Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

- 11:40 pagi: Difahamkan Anwar Ibrahim, Datuk Seri Dr. Wan Azizah, Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu sudah tiba di kediaman Dr Mahathir di Seri Kembangan, Selangor hampir sejam lalu.

Wujud enam peristiwa penting yang menggugat dan mengubah landskap politik negara, bermula jam 12:00 tengah hari iaitu:

1. Pemecatan Azmin Ali dan Zuraida Kamaruddin. Mesyuarat MPP Parti KEADILAN Rakyat yang membuat keputusan rasmi bahawa, Ahli Parlimen Gombak, Azmin Ali, dan Zuraida Kamaruddin (Ampang) dipecat daripada Parti KEADILAN Rakyat.
2. Peletakan jawatan Dr Mahathir pada jam 1:00 petang, telah mengeluarkan kenyataan dan surat rasmi perletakan jawatan beliau sebagai:
  - i. Perdana Menteri Malaysia kepada Yang di-Pertuan Agung (YDPA).
  - ii. Penggerusi PPBM.
3. Pengumuman rasmi PPBM keluar daripada PH. Kenyataan Muhyiddin di *Facebook*: “Semua Ahli Dewan Rakyat daripada parti PPBM juga dengan ini keluar Pakatan Harapan. Semua mereka telah menandatangi Akuan Bersumpah untuk terus menyokong dan memberi kepercayaan kepada Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri Malaysia. Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira perkembangan politik semasa dan masa depan negara.”
4. Pengumuman 10 orang ahli parlimen KEADILAN keluar daripada KEADILAN. Sepuluh ahli parlimen keluar parti dan membentuk blok bebas di Parlimen. Mereka ialah Azmin Ali (Ahli Parlimen Gombak), Zuraida Kamaruddin (Ahli Parlimen Ampang), Saifuddin Abdullah (Ahli Parlimen Indera Mahkota), Baru Bian (Ahli Parlimen Selangau), Kamaruddin Jaffar (Ahli Parlimen Bandar Tun Razak), Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal), Rashid Hasnon (Ahli Parlimen Batu Pahat), Dr Santhara Kumar (Ahli Parlimen Segamat), Ali Biju (Ahli Parlimen

Saratok), Willie Mongin (Ahli Parlimen Puncak Borneo), dan Jonathan Yasin (Ahli Parlimen Ranau).

5. Pengumuman rasmi Istana Negara menerima perletakan jawatan Dr Mahathir sebagai perdana menteri dan beliau dilantik sebagai perdana menteri interim.
  - Mohd Zuki Ali: “Adalah dimaklumkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menerima peletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri Malaysia. Walau bagaimanapun, baginda telah berkenan untuk melantik beliau sebagai perdana menteri interim, sementara menunggu pelantikan perdana menteri yang baru. Justeru dalam tempoh ini, beliau akan menguruskan pentadbiran negara sehingga perdana menteri baru dilantik dan kabinet dibentuk.”.
  - Tommy Thomas: “Perdana menteri interim memiliki semua kuasa yang diletakkan di bawah Pejabat Perdana Menteri. Ini termasuklah (kuasa) untuk melantik atau tidak melantik anggota kabinet menurut budi bicaranya. Kerana Dewan Rakyat bersidang dari 10 Mac ini, suatu usul undi percaya boleh digerakkan terhadap beliau atau sesiapa sahaja. Tiada had tempoh untuk pejabat perdana menteri interim. Oleh yang demikian adalah salah untuk menyatakan (tempoh PM interim) selama 10 hari atau waktu lain yang ditetapkan.”
6. Pembubaran portfolio kabinet kesan daripada perletakan jawatan perdana menteri. “(Ia) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan pada 24 Februari 2020 selaras dengan peletakan jawatan perdana menteri. Sehubungan itu, tugas-tugas anggota pentadbiran (merangkumi timbalan perdana menteri, menteri, timbalan menteri dan setiausaha politik) adalah terhenti pada tarikh yang sama.”

## **SELASA, 25 FEBRUARI 2020**

1. Hari pertama bagi perdana menteri Interim, Dr Mahathir dilihat memasuki Perdana Putra di Putrajaya yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri, pada pukul 9:29 pagi.
2. Perdana Putra menjadi tumpuan ahli parlimen sejak jam 10 pagi. Media melaporkan pelbagai pihak telah diatur untuk bertemu Dr Mahathir secara berperingkat-peringkat dalam kalangan pimpinan politik dan ahli-ahli parlimen. Berdasarkan laporan dan kenyataan pemimpin politik, Dr Mahathir mencadangkan agar diwujudkan satu kerajaan perpaduan yang melibatkan semua parti politik, tidak berdasarkan kepada blok parti.
3. Kenyataan Rasmi Istana Negara oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, bahawa YDPA telah berkenan untuk melaksanakan proses temu bual dengan seluruh ahli Parlimen yang akan mengadap secara berperingkat. Beliau juga menjelaskan proses temu bual itu akan dilakukan sendiri oleh Yang di-Pertuan Agong dan disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali. Setiap ahli parlimen diperuntukkan antara dua hingga tiga minit untuk menyatakan pandangan masing-masing, sepanjang proses temu bual berlangsung.
  1. 90 orang ahli parlimen dipanggil menghadap Yang di-Pertuan Agong pada sebelah petang 25 Februari 2020.
  2. Baki 131 ahli parlimen akan dipanggil menghadap baginda, pada hari Rabu keesokannya, selain keseluruhan proses temu bual ini dijangka tamat pada jam 7 malam.
4. Polemik dan perpecahan Parti PPBM antara Dr Mahathir dan Muhyiddin Yassin bermula dengan pendedahan A Kadir Jasin dalam beberapa siri penulisan blognya. Antaranya ialah pendedahan beliau Dr Mahathir merayu pemimpin PPBM tidak memaksanya untuk mungkir janji.
  - Beliau menulis: "Pada mesyuarat itu, Mahathir menjelaskan mandat yang diberikan Majlis Presiden PH

pada mesyuarat 21 Februari 2020. Beliau merayu kepada ahli Majlis Pimpinan Tertinggi untuk tidak memaksanya mengetepikan prinsip dan melanggar janjinya (untuk menyerahkan kuasa kepada Presiden KEADILAN Anwar Ibrahim selepas Sidang APEC pada November)”. “Beliau (Mahathir) meletakkan jawatan kerana merasakan majoriti ahli Majlis Pimpinan Tertinggi lebih mendengar cakap setiausaha politiknya berbanding dirinya sendiri”.

- Beliau juga menulis: “Apa juu kerajaan yang akan diputuskan oleh Dr Mahathir, satu perkara sudah pasti. Penjenayah, kleptokrat, OKT (orang kena tuduh) dan yang korup tidak dijemput. Ini telah dijelaskan kepada partinya pada mesyuarat Ahad lalu. Kedaulatan undang-undang, perbicaraan berprofil tinggi dan agenda reformasi akan diteruskan.”.
5. Sidang media MP PAS dan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, memberi gambaran bahawa Muafakat Nasional mahukan pembubaran parlimen.
- Takiyuddin Hassan: “Maka isu yang panas berlaku baru-baru ini... isu *back door* (pintu belakang), *front door* (pintu depan)... bukan *door* (pintu), tapi rumah dah terbakar, tak ada pintu dah.”
  - Annuar Musa: “Pendirian kita adalah dalam situasi ini, mandat harus dikembalikan kepada rakyat. Kita memohon supaya parlimen dibubarkan, biarlah rakyat yang menentukan,”
  - “[...] cadangan kerajaan perpaduan yang hendak dibentuk dengan Tun (Dr Mahathir) dipilih secara individu dan bukan parti. Maka ia bercanggah dengan pendirian parti kami maka dengan itu (ahli parlimen) yang menghadap tadi untuk tak timbul isu, terpaksa kita tarik balik SD yang dipersempahkan Agong untuk beri sokongan kepada Tun (Dr Mahathir) dan meminta agar dibubarkan parlimen.”
  - Takiyuddin Hassan: “Pada peringkat awal, kami bersetuju secara dasar untuk bergabung dengan blok pembangkang.

Kami dapat lebih 130 kerusi dan dalam proses akhir untuk meterai satu pakatan yang sebelum ini dikatakan sebagai Pakatan Nasional - tapi sebenarnya dengan nama baru Perikatan Nasional, Akhirnya, apa yang dirancang tidak berlaku apabila perdana menteri meletakkan jawatan.”

## **RABU, 26 FEBRUARI 2020**

1. Baki 132 anggota parlimen mengadap Yang di-Pertuan Agong. YDPA berkenan menerima menghadap dan mendengar sendiri pendirian baki 132 daripada 222 anggota Dewan Rakyat bagi mencari penyelesaian terbaik dalam menangani kemelut politik yang melanda negara sejak Isnin lalu.
2. Ahli parlimen KEADILAN menaiki bas dua tingkat ke Istana Negara. Bas itu tiba di Pintu 2 Istana Negara pukul 10:40 pagi dan antara yang kelihatan Ahli Parlimen Lembah Pantai Fahmi Fadzil, Ahli Parlimen Selayang William Leong dan Ahli Parlimen Permatang Pauh Nurul Izzah Anwar. Turut mengiringi bas itu 10 buah kenderaan yang dipercayai turut membawa ahli parlimen parti berkenaan.
3. Kumpulan Azmin Ali mahu ‘rekonsiliasi nasional’ di bawah Dr. Mahathir. Azmin Ali dan 10 bekas ahli parlimen KEADILAN: “Rekonsiliasi ini akan mengendurkan perebutan kuasa di kalangan parti-parti politik dan memungkinkan penggembangan tenaga untuk menjayakan matlamat bersama dan memupuk kebaikan yang lebih besar untuk negara. Rekonsiliasi nasional akan terlaksana di bawah pimpinan Mahathir bersama dukungan semua pihak yang mahukan Malaysia stabil dan terus maju menangani cabaran bangsa.”
4. Tidak sanggup bergabung dengan UMNO punca Dr Mahathir letak jawatan. Dr Mahathir: “Saya sanggup menerima ahli UMNO yang keluar UMNO dan menyertai parti lain. Tetapi UMNO akan menyertai kerajaan campuran ini sebagai parti UMNO. Ini tidak dapat diterima oleh saya. Maka terpaksalah saya letak jawatan.”.“Saya berpendapat masa untuk saya letak jawatan belum tiba. Saya minta diberi masa. Tetapi parti saya PPBM memutuskan untuk keluar dari Pakatan Harapan. Ada

juga ahli dari parti komponen lain yang akan keluar. Dengan perlakuan ini Kerajaan PH akan gugur,”.

5. PH mencalonkan Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri. Kenyataan Pakatan Harapan: “Hari ini ahli-ahli parlimen PH daripada KEADILAN, DAP dan Amanah telah mencalonkan Anwar sebagai calon perdana menteri bagi kerajaan PH. Sejak cubaan untuk menumbangkan kerajaan PH hujung minggu lalu, kami terus berusaha untuk mempertahankan mandat rakyat Malaysia pada 9 Mei 2018.” “[...]Majlis Presiden PH telah menjemput Tun Dr Mahathir untuk mempengerusikan mesyuarat itu bagi memulihkan kerajaan Pakatan Harapan, namun Dr Mahathir tidak bersetuju untuk hadir dalam mesyuarat tersebut pada hari petang Selasa, 25 Februari. Justeru, keputusan Majlis Presiden semalam telah menetapkan bahawa calon perdana menteri PH ialah Anwar.”
6. Ketua Penerangan PPBM Radzi Jidin memberitahu bahawa Majlis Pimpinan Tertinggi membuat ketetapan supaya semua 26 anggota parlimen parti itu menyokong Dr Mahathir.
7. Dr Mahathir dalam perutusan khasnya pada petang hari berkata sekiranya diberi peluang beliau mahu menubuhkan sebuah kerajaan yang tidak memihak kepada mana-mana parti. “Saya tidak cari untuk disukai ramai. Saya hanyalah membuat sesuatu yang saya anggap baik bagi negara. Politik, orang politik dan parti politik terlalu utama politik sehingga lupa negara menghadapi masalah ekonomi dan kesihatan yang mengancam negara. Saya berpendapat betul atau tidak, politik dan parti politik perlu diketepikan buat masa sekarang. Jika dibenarkan saya akan cuba mengadakan pemerintahan yang tidak memihak kepada mana-mana parti. Hanya kepentingan negara sahaja yang akan diutamakan”.

#### **KHAMIS, 27 FEBRUARI 2020**

1. Dr. Mahathir hadir ke Istana Negara mengadap Yang di-Pertuan Agong. Perdana menteri interim Dr Mahathir Mohamad tiba di Istana Negara hari ini untuk menghadap Yang di-Pertuan

Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Kenderaan rasmi Dr Mahathir dilihat memasuki perkarangan Istana Negara pada 10:57 pagi.

2. Raja-raja Melayu akan bersidang pada 28 Februari 2020. Raja-raja Melayu akan bersidang bersama dengan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah esok sebelum solat Jumaat, menurut laporan di akhbar *The Star*. YDPA, sejak Selasa lalu telah berjumpa dengan semua ahli parlimen dan beberapa pemimpin parti politik. Hari ini, baginda berkenan menerima mengadap perdana menteri sementara Dr Mahathir.
3. Dr Mahathir kembali menjadi penggerusi PPBM. Perdana menteri interim Dr Mahathir menerima kembali jawatan sebagai penggerusi Parti Pribumi PPBM Malaysia (PPBM) hari ini, kata Setiausaha Agung parti itu Datuk Marzuki Yahya.
4. ‘Tiada kerajaan perpaduan boleh didirikan atas pengkhianatan’. Lim Kit Siang: “Walaupun idea penubuhan sebuah kerajaan perpaduan itu menarik dan layak menerima pertimbangan oleh semua rakyat Malaysia yang rasional, terdapat satu perkara yang kekal jelas - tidak ada kerajaan perpaduan yang boleh ditubuhkan dengan berasaskan pengkhianatan, penipuan, rasuah, pengabaian mandat rakyat atau perpecahan perpaduan negara.”
5. Mahathir mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi. Perdana menteri interim, Dr Mahathir hari ini mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM20 bilion. Pakej ransangan tersebut sepatutnya diumumkan oleh kerajaan PH sebelum ini tetapi ditangguhkan selepas kerajaan dibubarkan. Beliau turut mendedahkan dalam sesi soal jawab sidang media tersebut beberapa isu termasuk butiran pertemuannya dengan YDPA. Antara yang disebut oleh Dr. Mahathir ialah:
  - Beliau telah menghantar surat kepada Speaker Dewan Rakyat untuk memohon satu persidangan Dewan Rakyat pada hari Isnin, 2 Mac 2020.
  - Yang di-Pertuan Agong tidak menemui mana-mana individu yang “memiliki majoriti jelas”, kata Tun Dr

Mahathir. "Dan kerana tiada yang ada majoriti jelas, (Tuanku) kata ruang yang sesuai adalah Dewan Rakyat. Maka Parlimen akan bersidang pada 2 Mac...Siapa yang ada sokongan majoriti di Parlimen akan menjadi perdana menteri. Bagaimanapun jika Dewan Rakyat gagal mendapat seorang yang ada majoriti, kita perlu lalui pilihan raya," katanya lagi.

- Dr Mahathir mengesahkan bahawa beliau mengadakan perbincangan dengan Presiden PPBM, Muhyiddin Yassin tengah hari tadi. Bercakap dalam sidang media, Mahathir berkata perbincangan termasuklah kemungkinan Muhyiddin menjadi calon perdana menteri dari PPBM.
6. Majlis Presiden PH telah membuat kenyataan bahawa perdana menteri interim, Dr Mahathir tidak wajar mendahului titah Yang di-Pertuan Agong dengan mengumumkan sidang khas Dewan Rakyat. Dalam satu kenyataan susulan mesyuarat tergempar, PH berkata hak dan kuasa melantik perdana menteri terletak di tangan Seri Paduka Baginda, seperti yang termaktub di bawah Perkara 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

## JUMAAT, 28 FEBRUARI 2020

1. Raja-raja Melayu mula tiba di Istana Negara hari ini, bagi menghadiri mesyuarat khas Majlis Raja-Raja. Mesyuarat itu yang dipercayai bagi membincangkan perkembangan politik semasa tanah air dijangka bermula pada 11.30 pagi.
2. Parti PPBM mengadakan pertemuan dengan pimpinan kanan parti dan 36 ahli Parlimen PPBM. Yang turut hadir adalah Dr. Mahathir, namun beliau dilaporkan keluar awal. Mesyuarat PPBM pagi tadi yang dihadiri 36 ahli parlimen PPBM termasuk kumpulan bekas timbalan presiden KEADILAN Azmin Ali dikatakan berlangsung dengan tegang, lapor Berita Harian. Sumber media melaporkan: "Tun (Mahathir) hanya masuk sekejap dan tinggalkan mesyuarat disebabkan pendirian PPBM untuk bekerjasama dengan PAS dan UMNO,"
3. Speaker Mohamad Ariff Md Yusof berkata surat pemakluman memanggil mesyuarat khas Dewan Rakyat yang ditandatangani

perdana menteri interim tidak mengikut peraturan. Katanya, ia tidak menepati Peraturan Mesyuarat 11(3) kerana tidak disusuli dengan pemberitahuan usul yang lengkap.

4. Pemimpin politik daripada Muafakat Nasional khususnya daripada Parti UMNO dan PAS, menyatakan pendirian agar Parlimen dibubarkan.
5. Kenyataan Istana Negara, berkaitan keputusan Mesyuarat Raja-Raja oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja. Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ketua Setiausaha Negara serta semua pihak yang terlibat dalam proses temu bual di antara Seri Paduka Baginda dan Ahli-ahli Parlimen yang telah berlangsung selama dua hari bermula hari Selasa 25 Februari 2020 di Istana Negara. Berdasarkan proses temu bual ini, Baginda masih belum memperolehi keyakinan mengenai seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat Baginda mendapat kepercayaan majoriti sokongan Ahli-ahli Dewan Rakyat bagi membentuk kerajaan baharu. Baginda juga turut berkenan dengan keputusan yang telah diambil oleh Yang Di-Pertua Dewan Rakyat untuk tidak memanggil Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin 2 Mac 2020. Baginda seterusnya akan terus berusaha mencari jalan penyelesaian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Pihak Istana Negara akan berhubung dengan Ketua-ketua pimpinan parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat, bagi memberi peluang kepada mereka untuk mengemukakan pencalonan Ahli Dewan Rakyat sebagai bakal perdana menteri.
6. Susulan daripada kenyataan Istana pada petang Jumaat, 28 Februari 2020, maka parti-parti politik telah membuat kenyataan berikut:
  - i. Parti PPBM: Mesyuarat ahli-ahli Dewan Rakyat PPBM memutuskan untuk mencalonkan Muhyiddin Yassin, presiden PPBM dan anggota parlimen Pagoh, sebagai perdana menteri Kelapan untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

- ii. Muafakat Nasional: Sidang media bersama antara Setiausaha Agung UMNO dan PAS telah mengubah pendirian untuk mencalonkan Presiden PPBM, Muhyiddin Yassin sebagai calon perdana menteri Kelapan. “Ini bermakna seramai 57 ahli parlimen UMNO dan PAS memberi sokongan penuh kepada Muhyiddin Mohd Yasin.”
- iii. Majlis Presiden Pakatan Harapan: Kekal yakin Anwar Ibrahim memiliki sokongan terbesar anggota parlimen yang ditemu duga Yang di-Pertuan Agong beberapa hari lalu. “Majlis Presiden percaya bahawa Anwar wajar diberi peluang untuk menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membuktikan keyakinan majoriti anggota parlimen terhadap beliau.”
- iv. Barisan Nasional: Kenyataan media yang dikeluarkan Setiausaha Agung BN, Tengku Adnan Tengku Mansor berkata MCA yang mempunyai dua ahli parlimen dan MIC seorang ahli parlimen menyokong Muhyiddin sebagai perdana menteri. Presiden MCA Wee Ka Siong mengesahkan perkara ini dengan *Malaysiakini*. “Ya,” katanya ringkas apabila diminta mengesahkan sokongan terhadap Muhyiddin.

### **SABTU, 29 FEBRUARI 2020**

- 1. Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah diberitakan memanggil semua pemimpin parti politik ke Istana Negara pada jam 10:30 pagi.
- 2. Pemimpin politik mula tiba di Istana Negara untuk mengadap Yang di-Pertuan Agong. Antara mereka ialah Presiden PPBM Muhyiddin Yassin dan mantan Timbalan Presiden KEADILAN, Azmin Ali, Setiausaha Agung UMNO, Annuar Musa, Presiden PAS Abdul Hadi Awang, dan pemimpin GPS, Fadilah Yusoff. Parti PPBM, Muafakat Nasional dan GPS membawa pencalonan Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri.
- 3. DAP Sarawak bersedia berbincang dengan GPS berhubung pilihan raya negeri yang akan datang, atas nama kepentingan negara.

4. Presiden KEADILAN, Anwar Ibrahim, diberitakan tidak akan menyertai kerajaan baharu yang mungkin dibentuk perdana menteri interim Dr Mahathir Mohamad walaupun memberikan sokongan kepadanya sebagai perdana menteri. “Orang dalam mengakui bahawa Presiden KEADILAN Anwar Ibrahim menawarkan diri untuk tidak menyertai kabinet dan memberi laluan kepada Mahathir sebagai perdana menteri, untuk memastikan kelangsungan Harapan 2.0,” kata Anggota Parlimen Subang KEADILAN, Wong Chen.
5. Presiden PPBM, Muhyiddin Yassin mengisyiharkan dirinya sebagai Pemangku Pengurus PPBM dalam usahanya untuk mengambil alih dan mengawal parti itu. Meskipun PPBM merayu Mahathir menarik balik surat peletakan jawatan dan mengumumkan secara rasmi perdana menteri Sementara itu sebagai Pengurus PPBM pada 27 Feb, Muhyiddin dalam kenyataan terbarunya mendakwa kerusi itu kosong, menjadikan beliau kini memangku jawatan berkenaan.
6. Setiausaha Agung PPBM, Marzuki Yahya mengesahkan Dr Mahathir Mohamad masih merupakan pengurus parti itu. Kenyataan itu dikeluarkan selepas Presiden PPBM Muhyiddin Yassin cuba untuk merebut kawalan parti dengan mengisyiharkan dirinya sebagai pemangku pengurus PPBM.
7. Syed Saddiq menyatakan: “Saya jadi ahli politik kerana pada masa itu negara saya dihina, dikeji dan dimalukan dengan salah laku dan rasuah di mata dunia. Saya percaya rakyat Malaysia berhak mendapat sebuah negara yang lebih baik; negara yang bebas rasuah, dihormati dan bermaruah. Saya ingin menegaskan satu perkara, saya tidak akan sekali-kali bekerjasama dengan golongan perasuah, jauh sekali untuk mendirikan kerajaan bersama dengan mereka.”
8. Kehadiran Presiden KEADILAN Anwar Ibrahim di Istana Negara hari ini adalah untuk mencalonkan Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri.
9. Setiausaha Agung Warisan, Loretto Padua menyatakan: “Selepas mengadakan mesyuarat dengan pimpinan tertinggi parti, Warisan tetap dengan pendirian sebelum ini iaitu menyokong Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri.”

10. Anggota Parlimen Simpang Renggam Maszlee Malik menyatakan sokongannya kepada Dr Mahathir Mohamad sebagai calon perdana menteri.
11. Timbalan Presiden Amanah Salahuddin Ayub berkata PH akan mengemukakan perakuan bersumpah (SD) anggota parlimen yang menyokong Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri, kepada Yang di-Pertuan Agong. Beliau berkata, surat daripada Istana Negara semalam tidak menyatakan secara khusus tempoh masa untuk kedua-dua pihak mendapatkan sokongan melalui SD.
12. Ahli Parlimen Santubong, Wan Junaidi Tuanku Jaafar, memberitahu Gabungan Parti Sarawak (GPS) memberikan sokongan mereka kepada Muhyiddin Yassin. Katanya, ahli parlimen GPS mengadakan mesyuarat dalam talian pada malam tadi untuk menentukan sikap mereka sebelum dimaklumkan kepada Agong.
13. Hanya tiga jam selepas menyatakan sokongannya kepada Dr Mahathir Mohamad, Dr Maszlee Malik mengumumkan beliau bersyukur Muhyiddin Yassin dilantik sebagai perdana menteri. Ahli Parlimen Simpang Renggam itu menyatakan pelantikan perdana menteri memang tidak boleh dilengahkan kerana negara memerlukan kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara yang kita cintai bersama.
14. Yang di-Pertuan Agong telah perkenan melantik Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri ke-8. Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin mengumumkan: “Setelah mendapat representasi daripada semua ketua parti politik yang mewakili parti masing-masing, serta ahli Dewan Rakyat yang bebas, pada hemat Seri Paduka Baginda, ahli Dewan Rakyat yang mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat ialah Tan Sri Mahiaddin Bin Md Yasin (Muhyiddin), Ahli Parlimen Pagoh. Sehubungan itu, Seri Paduka Baginda telah berkenan melantik Tan Sri Mahiaddin Md Yasin (Muhyiddin) sebagai perdana menteri, selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan,”

15. Pada sebelah malam, Presiden KEADILAN Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Presiden Amanah Mohamad Sabu tiba untuk mengadakan pertemuan dengan perdana menteri interim Dr Mahathir Mohamad di pejabat Yayasan Albukhary, Kuala Lumpur.
16. Dr. Mahathir yakin mendapat sokongan majoriti. Beliau menyatakan: “Saya yakin bahawa saya mempunyai bilangan yang diperlukan untuk mendapatkan sokongan majoriti di Dewan Rakyat. Oleh itu, saya bersedia untuk menjadi calon perdana menteri. Keputusan ini akan disampaikan kepada Yang Di-Pertuan Agong,”
17. Muhyiddin Yassin, menyanggah Dr Mahathir Mohamad. Dalam kenyataan ringkas yang dikeluarkan selepas beliau dan rombongannya keluar dari Istana Negara, Muhyiddin berkata, Dr Mahathir telah meletakkan jawatan sebagai pengurus PPBM pada 24 Feb lalu.
18. Mukhriz persoal jumlah MPPPBMyangmenyokong Muhyiddin. Beliau berkata: “Bagaimana diakui 36 anggota parlimen PPBM menyokong Muhyiddin sebagai PM jika ada enam penyokong Mahathir? Bohong untuk jadi PM?”
19. Baru Bian kembali menyokong Dr Mahathir. Ahli Parlimen Selangor itu menandatangani akuan berkanun untuk menyokong Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri. Upacara menandatangani akuan berkanun itu disiarkan secara langsung melalui Facebook oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil.
20. Dr. Mahathir dan PH mengeluarkan kenyataan rasmi beserta senarai sokongan 115 ahli parlimen pada malam 20 Februari 2020.
  - Dr Mahathir menyatakan: “Buat masa ini, saya telah mendapat sejumlah 114 ahli parlimen yang menyokong saya sebagai perdana menteri ke-8. Saya telah menyediakan surat untuk dihantar kepada Agong yang menerangkan kedudukan perkara ini serta sokongan 114 ahli parlimen yang diberikan kepada saya. Saya berharap

- pihak Tuanku DYMM Yang di-Pertuan Agong akan menerima surat dan penjelasan saya.”
- PH mengeluarkan kenyataan bahawa gabungan parti itu mempunyai senarai sokongan 115 ahli parlimen. Senarai nama dikeluarkan kepada media.
  - PH dan enam orang ahli parlimen PPBM serta beberapa ahli parlimen bebas menyatakan sokongan mencalonkan Dr Mahathir sebagai perdana menteri. Ahli Parliment PPBM itu adalah Dr Mahathir Mohammad (Langkawi), Mukhriz Mahathir (Jerlun), Syed Saddiq (Muar), Amiruddin Hamzah (Kubang Pasu), Dr Mazlee (Simpang Renggam) dan Eddin Syazlee (Kuala Pilah)
21. Ahli Parliment Bukit Gantang, Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, menafikan berita bahawa beliau menyokong Dr Mahathir Mohamad. Ahli Parliment Sri Aman Masir Kujat juga tampil untuk menafikan kenyataan bahawa beliau menyokong Mahathir. “Saya menyokong Muhyiddin sebagai perdana menteri,” kata Masir.

## AHAD, 1 MAC 2020

1. Media sejak awal membuat liputan pemasyhuran perlantikan perdana menteri Malaysia ke-8.
2. Dr Mahathir Mohammad mengadakan Sidang Media Khas selaku perdana menteri interim di Kompleks Yayasan al-Bukhary pada jam 9:00 pagi sebelum Majlis Istiadat Perlantikan perdana menteri ke-8 bermula. Kenyataan beliau mengkritik sikap Parti PPBM dan juga bakal kerajaan yang akan dibentuk. Antaranya:
  - “Agong telah membuat keputusan untuk tidak berjumpa saya lagi tetapi (mahu) untuk melantik Muhyiddin sebagai perdana menteri, jadi saya tidak mempunyai peluang untuk memberitahu Agong bahawa dia (Muhyiddin) tidak mempunyai majoriti. Itu sahaja... Saya tidak boleh berkomunikasi dengan istana ... Yang kalah akan tubuhkan kerajaan, manakala yang menang jadi pembangkang. Ini situasi yang pelik”.

- “Dia (Azmin) mempunyai agenda sendiri. Saya rasa dikhianati, paling banyak oleh Muhyiddin. Beliau (Muhyiddin) merancang ini untuk masa yang lama dan kini dia berjaya”.
  - “Beliau melantik dirinya sendiri sebagai penggerusi PPBM tanpa kehadiran saya ... ia sama sekali tidak sah kerana tidak mengikut perlembagaan. Tapi bagi beliau, ia tak penting. Sekarang dia mendakwa dia adalah ketua PPBM, tapi saya masih penggerusi PPBM”.
  - “Katanya (Muhyiddin) ini kerana DAP. Orang Melayu percaya bahawa DAP yang kawal kerajaan, dan saya kononnya mengikut telunjuk (Lim) Guan Eng. Ini semua tidak benar, tapi inilah kecekapan Najib (Razak) sehingga mereka tidak lagi nampak Najib sebagai bersalah. Mereka bersedia untuk mencium tangan Najib, mereka mengakui dia sebagai bossku... Ini keadaan sebelum masalah sekarang timbul.”
3. PH dengan tegas menyatakan bahawa mereka memperolehi jumlah ahli Parlimen yang mencukupi untuk membentuk Kerajaan dan cenderung mengusulkan Sidang Parlimen disegerakan atau secara khas bagi membuat undian perlantikan perdana menteri.
  4. Muhyiddin Yassin secara rasmi menjadi perdana menteri ke-8. Presiden PPBM ini mengangkat sumpah jawatan sebagai perdana menteri kelapan di hadapan Yang di-Pertuan Agong. Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai perdana menteri berlangsung di Balai Singgahsana Kecil, Istana Negara pada 10:33 pagi.



# **DETIK-DETIK TERAKHIR**

*Ameer Ali*

**I**snin 24 Februari 2020: Suasana di pejabat timbalan perdanamenteri (TPM) berjalan seperti biasa. Kakitangan pejabat memulakan tugas masing-masing mengikut jadual mereka. Tidak ada siapa pun yang menjangka bahawa hari itu adalah hari pengakhiran bagi ketua mereka, Dr Wan Azizah . Tidak ada siapa pun yang tahu bahawa pada waktu itu Dr Mahathir Mohamad secara diam-diam telah mengarang surat untuk dihantar pada tengah harinya kepada Yang di-Pertuan Agong. Dan isi surat itu telah membawa kepada berakhirnya sebuah kerajaan.

## **Taklimat Mesyuarat**

Jam 9 pagi: Beberapa pegawai di pejabat TPM memberi taklimat kepada Dr Wan Azizah. Taklimat itu adalah mengenai satu mesyuarat penting yang dijadualkan bermula dalam masa sejam di Pejabat Perdana Menteri. Hanya terdapat dua agenda untuk Mesyuarat Majlis Pembangunan Negara pada hari itu yang akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir Mohamad. Yang terpenting ialah pembentangan cadangan strategi oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi pemulihan industri pelancongan Malaysia dalam menangani impak COVID-19.

Semasa taklimat sedang berjalan, Dr Wan Azizah menerima panggilan telefon yang tidak boleh tidak dijawabnya. Mengetahui melalui coretan akhbar dan media sosial akan apa yang berlaku di

mesyuarat Majlis Presiden PH yang agak hangat tiga hari sebelumnya, para pegawai menunggu pencerahan daripada timbalan perdana menteri.

Taklimat diringkaskan kerana selepas itu beliau terpaksa bergegas ke Pejabat Perdana Menteri untuk suatu perjumpaan dengan pimpinan teratas Pakatan Harapan.

Pegawai-pegawai yang memberi taklimat sebentar tadi sama-sama mengiringi Dr Wan Azizah ke Pejabat Perdana Menteri yang tidak jauh dari Pejabat beliau. Jika Pejabat Timbalan Perdana Menteri di Aras 4, Blok Barat, Pejabat Perdana Menteri pula di Aras 5, Blok Tengah. Ada laluan kecil atau koridor yang menghubungkan kedua-dua pejabat ini.

Sesampainya di Pejabat Perdana Menteri, kelihatan Presiden KEADILAN, Anwar Ibrahim sedang berbual-bual dengan Ketua Armada PPBM, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman. Kemudian muncul Presiden Amanah, Mohamad Sabu dan Setiausaha Agong DAP Lim Guan Eng. Beberapa minit kemudian Syed Saddiq meninggalkan bilik menunggu di Pejabat Perdana Menteri itu.

Selepas penantian sekitar 10 hingga 15 minit, Ketua Setiausaha Sulit Kanan kepada perdana menteri, Tan Sri Badariah Arshad datang dari pejabatnya menuju ke bilik menunggu dan memaklumkan kepada Dr Wan Azizah, Anwar Ibrahim, Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu bahawa Dr Mahathir tidak sihat dan masih berada di rumahnya. Atas sebab yang sama, Mesyuarat Majlis Pembangunan Negara ditunda ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Hairan juga mengapa pegawai Pejabat Perdana Menteri tidak memaklumkan pegawai Pejabat Timbalan Perdana Menteri bahawa Dr Mahathir belum sampai di pejabatnya dan dengan itu Dr Wan Azizah bolehlah menangguhkan perjalanananya ke Pejabat Perdana Menteri.

## **Ke Rumah Perdana Menteri**

Keempat-empat pemimpin yang berada dalam bilik menunggu itu pun berbincang dan membuat keputusan untuk ke rumah Dr Mahathir. Dr

Wan Azizah bersama Anwar Ibrahim pun beredar ke Pejabat Timbalan Perdana Menteri lalu diiringi oleh pegawai-pegawai Pejabat Timbalan Perdana Menteri, manakala Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu juga beredar dari bilik menunggu Pejabat Perdana Menteri.

Pada sekitar jam 10:45 pagi, keempat-empat pimpinan tertinggi PH tiba di kediaman peribadi Dr Mahathir di The Mines, Seri Kembangan. Suatu yang pelik berlaku apabila Dr Mahathir mahu berjumpa dengan mereka seorang demi seorang, dan bukan bersama-sama. Walhal kesemua mereka adalah lima daripada enam pimpinan tertinggi Pakatan Harapan. Dr Mahathir sebagai Pengerusi PH yang juga Pengerusi PPBM, Dr Wan Azizah sebagai Presiden PH yang juga Penasihat KEADILAN, Anwar Ibrahim sebagai Presiden KEADILAN, Mohamad Sabu sebagai Presiden Amanah dan Guan Eng sebagai Setiausaha Agong DAP. Yang tiada di situ hanyalah Presiden PPBM Muhyiddin Yassin.

Keempat-empat pimpinan PH yang menjadi tetamu Dr Mahathir di rumahnya akur kepada kehendak tuan rumah, untuk berjumpa seorang demi seorang. Seolah-olah ada perkara yang tidak boleh dikongsi dalam kalangan mereka yang membuatkan Dr Mahathir menetapkan perjumpaan sedemikian rupa.

Lim Guan Eng menyifatkan pertemuan tersebut berlangsung dengan penuh emosi dan mahukan Dr Mahathir terus menjadi perdana menteri. Mohamad Sabu menyatakan sokongan penuh Amanah kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia dan terus memimpin PH. Anwar Ibrahim pula berkata beliau, bagi pihak KEADILAN dan PH, menyeru kepada Dr Mahathir untuk kekal sebagai perdana menteri apabila beliau dimaklumkan akan keputusan Dr Mahathir untuk meletak jawatan.

## **Mesyuarat Tergempar**

Pimpinan KEADILAN, DAP dan Amanah mengadakan mesyuarat parti masing-masing selepas pertemuan dengan Dr Mahathir. Pimpinan KEADILAN bertemu di ibu pejabatnya di Tropicana, Petaling Jaya, manakala pimpinan DAP bertemu di ibu pejabatnya di Jalan Pudu, Kuala Lumpur.

Dalam mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi KEADILAN, diputuskan pemecatan Timbalan Presiden, Azmin Ali dan Naib Presiden, Zuraida Kamaruddin. Baru Bian pula keluar daripada KEADILAN. Selepas pemecatan tersebut, ketiga-tiga mereka dilaporkan berada di kediaman Dr Mahathir di Seri Kembangan.

Presiden PPBM, Muhyiddin Yassin pula mengumumkan partinya keluar daripada Pakatan Harapan, sesuai dengan keputusan yang dibuat dalam mesyuarat khas majlis pimpinan tertinggi PPBM yang diadakan pada hari sebelumnya, sambil memberi kepercayaan kepada Dr Mahathir sebagai perdana menteri.

## **Peletakan Jawatan**

Dalam masa yang sama, pejabat perdana menteri mengeluarkan kenyataan bahawa Dr Mahathir telah mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai perdana menteri kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Dr Mahathir juga telah meletakkan jawatan sebagai Penggerusi PPBM di atas sebab ada usaha pihak tertentu untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara melalui satu pakatan tanpa melibatkan KEADILAN, DAP dan Amanah.

Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada petangnya mengeluarkan kenyataan akan perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong menerima perletakan jawatan Dr Mahathir sebagai perdana menteri dan melantik beliau sebagai perdana menteri interim sementara menunggu pelantikan perdana menteri yang baru. Dalam pengumuman berikutnya, KSN memaklumkan bahawa dengan perletakan jawatan Perdana Menteri, tugas-tugas anggota pentadbiran merangkumi Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik dengan sendirinya terhenti.

Yang hairannya, mengapa Dr Mahathir membuat keputusan sebesar itu, iaitu meletak jawatan sebagai perdana menteri, seorang diri? Mengapa Dr Mahathir tetap mengemukakan surat perletakan jawatannya walaupun Anwar Ibrahim, Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu sudah memintanya untuk terus kekal sebagai perdana menteri? Lebih penting lagi, mengapa Dr Mahathir tidak terlebih dahulu membawa isu yang menghantui dirinya itu ke pengetahuan rakan-

rakannya dalam Majlis Presiden PH yang sudah pasti boleh dipanggil bermesyuarat secara tergempar jika satu keputusan penting lagi pantas harus dibuat? Di atas kegelojohan Dr Mahathir membuat keputusan meletak jawatan, mesyuarat tergempar Majlis Presiden PH yang sepatutnya diadakan pada petang tersebut ditangguhkan keesokan harinya.

Tindakan ini mengingatkan saya kepada firman Allah SWT di dalam al-Quran, Surah Asy-Syura, ayat 38, yang membawa maksud,

“Dan juga (lebih baik bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan solat dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula menderma sebahagian daripada rezeki yang Kami beri kepada mereka.”

Dr Mahathir bukan menjadi perdana menteri selepas PRU 14 dengan sendirinya. Beliau dilantik sebagai perdana menteri pada bulan Mei 2018 selepas PH memenangi PRU 14 adalah kerana beliau telah dipilih oleh PH sebagai calon perdana menteri manakala Dr Wan Azizah sebagai calon timbalan perdana menteri dan Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri menggantikan Dr Mahathir selepas beliau dibebaskan dan telah bersedia untuk memikul tanggungjawab tersebut.

## **Jika Kerbau Dipegang Pada Talinya**

Perjanjian inilah yang diwarwarkan kepada semua pengundi dan merupakan satu janji kepada rakyat. Itulah sebabnya Dr Wan Azizah menolak tawaran oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada bulan Mei 2018 untuk menjadi perdana menteri kerana janji yang telah dimeterai oleh pimpinan PH. Walaupun KEADILAN memenangi jauh lebih banyak kerusi Parlimen daripada PPBM, yang penting bagi Dr Wan Azizah adalah janji yang dinyatakan dengan jelas dan janji mesti dikotakan.

Sesungguhnya Dr Wan Azizah seorang Melayu yang berpegang kepada bidalan bangsanya, jika kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya. Beliau juga berpandukan kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud,

## KHIANAT

“Tanda-tanda orang munafik itu ada tiga – bila berkata ia dusta, bila berjanji ia mengengkari dan bila dipercayai ia khianati.”

Dan lebih tinggi daripada itu, Dr Wan Azizah berpegang kepada seruan penciptanya, Allah SWT di dalam al-Quran, dalam surah al-Maidah yang bermaksud,

“Wahai orang-orang yang beriman, sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.”

Dengan KEADILAN, DAP dan Amanah mahukan Dr Mahathir terus menjadi perdana menteri, begitu juga dengan pendirian PPBM. Walaupun mengumumkan keluar daripada PH, adakah ini bermakna bahawa Dr Mahathir meletak jawatan untuk memberi ruang kepada beliau supaya dilantik sebagai perdana menteri sekali lagi oleh PPBM; dan memberi ruang kepada ahli-ahli Parlimen yang dipecat dan keluar dari KEADILAN serta parti-parti yang sebelum ini bertindak sebagai parti pembangkang? Semua ini akan terungkap selepas ini.





# **656 HARI DI BAWAH PAKATAN HARAPAN**

*Hamdan Mohd Salleh*

Tempoh transisi seperti 100 atau 200 hari pertama dalam organisasi atau kerajaan dianggap sangat penting untuk beberapa alasan. Inilah tempoh yang dipenuhi dengan peluang keemasan untuk membuktikan kebolehan. Namun inilah juga waktu yang penuh dengan risiko dan pancaroba. Ini bukan waktu untuk meraikan kemenangan atau waktu untuk berbulan madu!

Pada tempoh ini pengalaman sangat kurang dan hubungan kerja antara satu unit dengan unit lain masih belum terjalin. Apa-apa tindakan yang diambil akan memberi kesan jangka panjang yang mendalam. Jika momentum gagal dibina pada waktu transisi ini, kemusnahan sentiasa menunggu. Lagipun, tempoh ini hanya sekali dan dalam mana-mana kerajaan demokrasi, sejarah telah membuktikan bahawa parti pemerintah tidak semestinya dapat bertahan sehingga lima tahun apabila PRU seterusnya diadakan!

## **Seratus Hari Pertama**

Seperti kebiasaan, 100 hari pertama menarik minat khalayak umum. Pada 16 Mei 2018, rayuan pengampunan penuh Ketua Umum PH Anwar Ibrahim , telah dibentangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya kali ke-51. Anwar Ibrahim dibebaskan dari penjara menerusi pengampunan penuh tanpa syarat. Dalam erti kata lain, beliau diberi kebebasan daripada hukuman disebabkan oleh

fitnah dan salah guna kuasa serta perkara yang bercanggah dengan prinsip KEADILAN.

Pelantikan Kabinet: Jemaah Menteri baharu PH telah mengangkat sumpah jawatan pada 21 Mei 2018 dan pada 2 Julai 2018 di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V. Walaupun dari segi bilangan kerusi Parti KEADILAN mempunyai kerusi terbanyak, jawatan menteri diaghik sama rata dalam kalangan tiga kompenan PH. Ini sedikit sebanyak menimbulkan sedikit rasa tidak puas hati dalam kalangan sebahagian pimpinan KEADILAN. Namun, atas kesepakatan bersama 14 Jemaah Menteri Kabinet telah mengangkat sumpah pada 22 Mei 2018 dan baki 15 menteri serta timbalan menteri mengangkat sumpah pada 2 Julai 2018.

Walaupun mendapat reaksi positif daripada rakyat, rata-rata prestasi sebahagian menteri menjadi buatan rakyat Malaysia terutama berkaitan dengan aspek pelaksanaan dasar serta kegagalan menangani isu persepsi yang dibawa oleh media. Isu-isu ini bersama-sama dengan pepecahan PH telah menjadi punca kepada petaka pada 24 Februari 2020.

Majlis Penasihat Kerajaan: Majlis Penasihat Kerajaan telah ditubuhkan oleh Dr Mahathir pada 12 Mei 2018. Majlis yang dianggotai oleh lima tokoh menjadi penasihat Jemaah Kabinet. Penasihat kerajaan ini tertumpu kepada isu berhubung dengan hal ehwal ekonomi dan kewangan negara semasa tempoh peralihan mengikut kepakaran masing-masing. Majlis ini membantu dalam membentuk polisi dan program untuk mencapai janji 100 hari yang dibuat PH kepada rakyat. Penubuhan majlis ini walaupun mendapat reaksi cukup positif pada awalnya, namun kurang menghasilkan impak yang diharapkan.

Pelaksanaan Manifesto: Antara kejayaan utama adalah menghapuskan GST, membantu Industri Kecil dan Sederhana dan yang utama ialah usaha menghapuskan gejala rasuah serta memperbaiki tadbirurus dan tatakelola kerajaan.

Namun, ketiadaan *political will* atau komitmen politik yang definitif telah menyebabkan usaha transformasi seperti yang

dijanjikan oleh PH sukar menjadi kenyataan. Masih terdapat lantikan politik dalam mengisi jawatan-jawatan penting dalam kerajaan. Malah, tiada usaha serius ke arah menjadikan tadbir urus perniagaan dan korporat terutama dalam syarikat milik kerajaan benar-benar tidak melibatkan campur tangan kerajaan.

Apabila GST dihapuskan, terdapat sedikit penurunan harga barang selepas GST ditiadakan (*zero-rated*). Malang sekali, alternatif yang dilaksanakan iaitu SST telah gagal menangani isu kenaikan kos sara hidup disebabkan tiada dasar ekonomi yang spesifik ke arah menangani isu peningkatan kos hidup. Isu pembayaran balik PTPTN menjadi masalah utama kepada PH kerana persepsi yang telah tercipta adalah janji menghapuskan PTPTN. Ini juga bercanggah dengan retorika pendidikan percuma yang dilaungkan tanpa usaha jelas ke arah mencapai hasrat berkenaan. Janji peluang pekerjaan satu juta kepada anak muda disukarkan lagi oleh keadaan ekonomi semasa. Jika ini menjadi realiti, pasti pembayaran balik daripada peminjam bukan satu cabaran.

Namun, dari segi pendidikan kejayaan utama adalah dasar *zero reject policy* yang menjadikan pendidikan sebagai peluang yang inklusif bagi semua anak di Malaysia. Namun, timbul pula pelbagai kontroversi lain yang tidak sepatutnya berlaku andai komunikasi dan media berjaya ditangani dengan baik oleh pemerintah.

## **PRK Pasca PRU 2018**

Terdapat 10 Pilihan Raya Kecil (PRK) yang berlaku sepanjang tempoh PH menguasai kerajaan Persekutuan. Enam daripada PRK berkenaan adalah pengosongan disebabkan kematian penyandang manakala tiga merupakan keputusan mahkamah membatalkan kemenangan calon serta satu kerusi lagi akibat pengosongan oleh penyandang asal kerusi berkenaan. Kesemua PRK berkenaan boleh dijadikan penanda tahap sokongan pemilih terhadap parti-parti yang bertanding.

Empat PRK yang diadakan pada tahun 2018 menyaksikan PH menang dan mempertahankan kesemua PRK yang ditandingi. Ini termasuk kemenangan di semua PRK kerusi DUN Selangor iaitu Sungai Kandis (4 Ogos 2018), Balakong (8 September 2018) dan Seri

Setia (8 September 2018). Anwar Ibrahim kembali ke Parlimen apabila menang di PRK Parlimen Port Dickson yang diadakan pada 13 Oktober 2018.

Tahun 2019 membuktikan bahawa populariti PH mula merosot apabila tewas di empat daripada lima PRK yang terpaksa diadakan pada tahun berkenaan. BN bukan sahaja mempertahankan kerusi parlimen Cameron Highlands (26 Januari) dan DUN Rantau (13 April), malah merampas kembali DUN Semenyih (2 Mac) dan Parlimen Tanjung Piai (16 November).

PRK DUN Rantau merupakan PRK ketujuh sejak PRU 14. PRK ini penting bagi menilai prestasi PH dalam kalangan pengundi profil demografi yang bercampur terutama di kawasan *swing-state* seperti Negeri Sembilan. PRK ini juga merupakan satu ruang untuk melihat tahap sokongan anak muda. Golongan ini merangkumi 41.3 peratus daripada jumlah pemilih keseluruhan. Sebanyak 17.7 peratus daripada jumlah berkenaan merupakan pemilih di bawah umur 30 tahun. Jika dilihat daripada keputusan PRU14, BN tewas di peti undi pemilih muda terutama saluran pemilih berumur di bawah 30 tahun.

Dalam PRK ini, selain menang di semua kawasan pemilih Melayu, BN turut menang di semua saluran anak muda dan empat daripada lima kawasan yang mempunyai peratus pemilih India dan Cina yang tinggi. Anak muda ternyata kecewa dengan isu berkaitan peluang pekerjaan, gaji minimum dan isu bayaran balik PTPTN. Kekalahan di Tanjung Piai merupakan mesej jelas kerana undi pemilih Cina juga sudah mula bergerak ke arah MCA dalam keadaan undi BN yang masih kekal sokongan tegarnya.

Kemenangan Mohammad Hasan dengan majoriti 4,510 merupakan satu lagi mesej jelas kepada PH bahawa rakyat semakin tidak berpuas hati dengan prestasi PH setelah 10 bulan menguasai Putrajaya. Keadaan ini berlaku juga susulan kenyataan Dr Mahathir yang mendakwa manifesto PH hanya bertujuan memalukan dan memberi tekanan kepada kerajaan BN pada waktu itu. Pada 13 April 2019, Anwar Ibrahim telah memberi respons berkaitan kekalahan calon PH di DUN Rantau. Beliau menegaskan bahawa kekalahan itu merupakan peringatan kepada kepimpinan PH dalam memberi perhatian kepada kebimbangan rakyat terutama berkaitan isu kos ekonomi dan sara hidup.

Populariti PH tidak terbendung kemerosotannya apabila kalah dalam PRK Parlimen Kimanis pada 18 Januari 2020. BN sekali lagi berjaya mempertahankan kerusi berkenaan dari Warisan yang merupakan rakan PH dalam kerajaan. Kekalahan terkini PH di Kimanis telah mendapat reaksi Anwar Ibrahim apabila beliau menyatakan kekalahan berkenaan merupakan isyarat jelas bahawa rakyat tidak berpuas hati dengan prestasi kerajaan persekutuan. Fokus kekecewaan tentu berkisar dengan isu janji manifesti serta kegagalan melaksanakan dasar sedia ada.

Secara keseluruhan PH dilihat gagal dalam berhadapan dengan UMNO/BN dalam PRK. PH telah menampilkan calon-calon yang lemah dalam kelima-lima PRK terakhir. Calon PPBM di Semenyih dan Tanjung Piai ternyata kurang pengalaman, tiada penarik dalam kalangan akar umbi serta gagal berinteraksi secara meyakinkan dengan para pemilih. Malah sewaktu PRK Kimanis, PPBM turut gagal memberi sokongan kepada calon parti Warisan disebabkan oleh jentera pilihanraya yang lemah. PRK Parlimen Cameron Highlands juga menyaksikan DAP tetap menurunkan calon yang telah tewas di kerusi yang sama sebelum itu. KEADILAN sendiri dalam PRK DUN Rantau telah menampilkan calon yang ternyata tidak mampu menggugat calon BN yang popular dan merupakan bekas Menteri Besar Negeri Sembilan.

## **Persepsi dan Kontroversi**

Menjelang setahun pertama PH sebagai kerajaan Persekutuan, persepsi mula muncul bahawa kerajaan ini hanya mampu bertahan untuk sepenggal sahaja. Dalam erti kata lain, kemenangan PH dalam PRU14 adalah luar duga, namun rata-rata menduga bahawa kerajaan ini hanya mampu bertahan sepenggal sahaja.

Kerajaan ini mula dilihat gagal untuk melaksanakan transformasi yang dihasratkan oleh pengundi yang turut secara mega pada PRU 2018. Isu seperti agenda Melayu, pembasmian rasuah, kos sara hidup yang kekal tinggi, hak Borneo, peluang pekerjaan anak muda, isu tol, PTPTN, isu kebijakan dan isu yang seolah tiada kepastian iaitu peralihan kuasa dari Dr Mahathir ke Anwar Ibrahim.

Tempoh 22 bulan pentadbiran PH menampakkan ada menteri yang mempunyai wibawa tersendiri dan dilihat telah membawa kecemerlangan dalam kementerian masing-masing. Ini termasuk Dr Wan Azizah (Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Hannah Yeoh (Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Anthony Loke (Pengangkutan), Yeo Bee Yin (Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim), Dr Dzulkifely Ahmad (Kesihatan) dan dalam beberapa dasar, Dr Maszlee Malik (Pendidikan).

Malangnya, rakyat tertumpu kepada kegagalan beberapa portfolio yang menggalas cabaran besar. Muncul isu-isu yang menjadi bahan ejekan dan memberi reputasi negatif kepada pentadbiran PH seperti cadangan kereta terbang, ikan kembong satu billion, sesudi minyak sawit dan kempen tanam buluh. Kegagalan mengusai komunikasi dan media memberi ruang kepada musuh politik untuk sentiasa menyerang setiap dasar yang ada. Ini jelas dapat dilihat dalam media-media sosial yang banyak mengkritik kerajaan.

Isu-isu yang berlegar di sekitar peletakan jawatan Dr Maszlee Malik sebagai Menteri Pendidikan telah gagal ditangani dengan berkesan. PH kehilangan kedua-dua sokongan kaum Melayu dan bukan Melayu disebabkan dua keputusan besar yang telah dibuat. Pertama, usaha memperkenalkan tulisan jawi di sekolah telah menjadi isu besar dalam kalangan pemilih Cina. Ini disebabkan oleh kegagalan menangkis persepsi dan salah faham hingga akhirnya memberi kesan negatif kepada kerajaan dalam kalangan komuniti Cina. Kedua, isu kasut hitam yang menjadi petanda awal betapa kurangnya pengalaman pemimpin kerajaan baru memberi penerangan berkesan. Walaupun niatnya baik dan turut bersama dengan dasar-dasar pendidikan yang komprehensif, isu ini telah ditular secara negatif hingga akhirnya Dr Maszlee meletak jawatan pada hari pertama persekolahan dibuka pada tahun 2020. Apabila Dr Mahathir memangku jawatan menteri pendidikan, sekali lagi terdapat kontroversi baru apabila beliau mahu memperkenalkan kembali PSSMI. Ini memberi kesan ketara kepada sokongan komuniti Melayu kepada kerajaan PH.

## Berakhirnya Sebuah Kerajaan

Tidak dapat dinafikan secara keseluruhannya terdapat isu persepsi dan prestasi dalam menganalisis kerajaan PH. Kerajaan PH telah kalah dalam usaha menangani isu ini.

Isu-isu manifesto menjadi antara cabaran besar kerajaan PH. Janji seperti menghapuskan tol, walaupun sudah nampak usaha ke arahnya, telah menjadi antara kritikan rakyat Malaysia terhadap kerajaan PH. Ini ditambah dengan kekeliruan pelaksanaan dasar berkaitan hutang PTPTN. Persepsi yang tercipta adalah kerajaan PH akan menghapuskan hutang pengajian berkenaan. Ini tidak berlaku kerana janji sebenarnya adalah berlainan daripada yang dipersepsikan. Penghapusan cukai seperti GST juga walaupun terlaksana, diganti dengan cukai SST yang tidak memberi impak secara langsung kepada kos sara hidup yang semakin meningkat. Dalam keadaan PH masih bergantung dengan kempen isu seperti 1MDB, sokongan pemilih dilihat mula menurun terutama di kawasan majoriti Melayu. Kegagalan PH mencari solusi selain daripada menyalahkan hutang yang terpaksa ditanggung daripada pentadbiran lama mengakibatkan rakyat semakin menolak PH.

Kegagalan sebahagian besar kementerian untuk memberi keyakinan kepada rakyat menjadi lebih parah apabila PH dilihat tidak berjaya menjalin hubungan baik dengan para birokrat. Dari awal, hubungan ini penuh dengan prasangka dan dinyatakan sendiri oleh Dr Mahathir. Namun, PH sendiri gagal meyakinkan kakitangan awam yang merupakan pelaksana dasar kerajaan terutama menerusi wujudnya jurang besar antara kedua-dua entiti ini. Ketiadaan konsultasi menyebabkan para birokrat tidak bekerjasama dan akhirnya memberi impak buruk kepada imej PH dalam kalangan rakyat biasa.

Walau apa pun alasan yang diberi, barometer sebenar adalah keputusan setiap PRK. Tanjung Piai umpamanya adalah mesej jelas daripada rakyat. Ini merupakan kekalahan paling teruk sepanjang sejarah PRK di Malaysia. Dalam melihat kepada prestasi pilihanraya kecil pasca 2018, ternyata PH tidak mempunyai calon-calon yang mampu ditampilkan terutama di kawasan PRK majoriti Melayu. Ini berlaku dalam suasana UMNO dan PAS telah mengambil keputusan

untuk bekerjasama secara rasmi. Ini memberi kelebihan cukup besar kepada gabungan PAS dan UMNO untuk mendapat undi pemilih Melayu Islam.

PH juga kehilangan pengundi atas pagar sewaktu PRU 14. Malah, terdapat peratus tinggi undi protes dalam kalangan pemilih yang tidak berpuas hati dengan prestasi PH. Keadaan ini diburukkan dengan isu kaum dan agama yang sangat berjaya dieksplotasi oleh UMNO dan PAS. Kegagalan ini banyak disumbang oleh sistem penyaluran maklumat yang amat tidak efektif dan kerap memaksa kerajaan untuk bertindak dalam mod bertahan.

Keadaan tidak menentu berkaitan transisi kepimpinan dari Dr Mahathir ke Anwar Ibrahim merupakan satu lagi punca yang signifikan. Kegagalan ini memberi impak negatif yang bukan kecil kepada pandangan rakyat terhadap PH. Ruang ini digunakan sepenuhnya oleh elemen *deep state* hingga akhirnya membawa kejatuhan kerajaan ini. Anak muda terutamanya melihat transisi ini sangat penting dalam memastikan kesinambungan pentadbiran berlaku dan terdapat ruang yang mencukupi buat perdana menteri berikutnya meletakkan dan melaksanakan asas pemikiran beliau dalam membina semula negara ini.





# **API DALAM SEKAM**

*Hamdan Mohd Salleh*

**S**ebuah empayar seperti Rom, Parsi atau Uthmaniah tidak runtuh dengan serta merta tetapi secara perlahan-lahan mereput akibat cabaran dalaman dan luaran yang tidak dapat dibendung. Begitu juga dengan sebuah negara atau kerajaan tidak runtuh dengan hanya satu peristiwa tetapi beberapa peristiwa walaupun pendek pemerintahan kerajaan tersebut.

Kerajaan PH akan sentiasa tercatat dalam sejarah sebagai salah satu pemerintahan yang paling singkat dapat bertahan. Namun, tidaklah sesingkat pentadbiran Pedro Lascurain sebagai Presiden Mexico ke-34 yang tidak melebihi 56 minit! Atau Siaka Stevens yang menjadi perdana menteri Sierra Leone pada 21 Mac 1967 tetapi digulingkan beberapa minit selepas tamat mengangkat sumpah. Bukan juga seperti Roger LaFontant yang menjadikan dirinya Presiden Haiti hanya untuk beberapa jam dalam suatu rampasan kuasa pada 7 Januari 1991. Bab ini menilai beberapa faktor penting di sebalik kejatuhan PH, pemerintahan yang singkat dan penuh dengan cabaran.

## **Konsensus Awal**

Dalam melihat peristiwa-peristiwa utama yang membawa kepada tumbangnya kerajaan PH, adalah penting disoroti kembali Muafakat PH yang ditandatangani oleh kesemua presiden parti komponen PH pada 6 Februari 2018. Tiga konsensus utama adalah seperti butiran berikut:

## KHIANAT

1. Melantik Dr Mahathir Mohamad sebagai calon perdana menteri dan Dr Wan Azizah sebagai calon timbalan perdana menteri apabila PH mendapat mandat rakyat untuk membentuk Kerajaan Persekutuan selepas Pilihan Raya Umum ke-14;
2. Memperkuuh kepimpinan kerajaan PH dan memperteguh muafakat antara parti-parti anggota, proses undang-undang untuk mendapatkan Pengampunan Diraja bagi membebaskan Anwar Ibrahim akan dimulakan segera selepas PH mengambil alih pentadbiran negara, agar Anwar Ibrahim dapat segera berperanan dalam Kerajaan Persekutuan dan kemudian diangkat sebagai calon perdana menteri ke-8;
3. Memutuskan pengagihan kerusi-kerusi kawasan Parlimen sebagai persiapan PH menghadapi dan memenangi PRU 14 bagi Semenanjung iaitu yang melibatkan 165 kerusi seperti berikut:
  - i. Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) – 52 kerusi
  - ii. Parti KEADILAN Rakyat (KEADILAN) – 51 kerusi
  - iii. Parti Tindakan Demokratik Malaysia (DAP) – 35 kerusi
  - iv. Parti Amanah Negara (Amanah) – 27 kerusi

## Kemenangan PH PRU ke-14

Pilihanraya Umum 2018 pada 9 Mei 2018 telah dimenangi oleh PH yang mendapat sebanyak 113 kerusi Parlimen. Rakan PH, Warisan turut menang lapan kerusi di Sabah menjadikan jumlah yang dimenangi adalah 121 kerusi dari jumlah keseluruhan sebanyak 222 kerusi.

Walaupun semua parti komponen PH menggunakan logo Parti KEADILAN dan parti itu turut memenangi kerusi terbanyak dalam PH iaitu 49 kerusi, Parti KEADILAN menepati janji yang telah disepakati iaitu memilih Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri. Malah, jawatan menteri kabinet diagihkan sama rata dalam kalangan parti-parti komponen PH.

Anwar Ibrahim kemudian dibebaskan dan diberi pengampunan penuh pada 16 Mei 2018. Amat penting untuk ditegaskan bahawa

beliau dibebaskan dari penjara menerusi pengampunan penuh tanpa syarat. Dalam erti kata lain, beliau diberi kebebasan daripada hukuman disebabkan oleh fitnah dan salah guna kuasa serta perkara yang bercanggah dengan prinsip Keadilan.

## **PRK Port Dickson**

PRK berkenaan yang dikenali sebagai ‘Langkah PD’ diadakan pada 13 Oktober 2018 bagi membuka ruang untuk Anwar Ibrahim kembali ke Parlimen. Beliau telah menang dengan majoriti 23,560 dengan menewaskan calon PAS dan lima calon bebas. Kembalinya beliau ke Parlimen sepatutnya membuka ruang untuk memudahkan proses peralihan kuasa dari Dr Mahathir.

## **UMNO, PAS dan Perikatan Nasional**

Usaha penyatuan UMNO dan PAS telah mula mendapat perhatian sebaik sahaja selesai PRU ke-13. Persaingan tiga penjuru dengan PH ternyata merugikan PAS dan UMNO apabila berlaku perpecahan undi. Banyak kerusi majoriti Melayu jatuh ke tangan PH apabila berlaku pertandingan tiga penjuru. Ini tentu merugikan kedua-dua belah pihak. Jalinan kerjasama tidak rasmi mula menampakkan perkembangan menarik apabila kedua-dua parti paksi Melayu berkenaan mengadakan perhimpunan besar iaitu Himpunan Aman Bantah ICERD pada 8 Disember 2018.

Setelah sekian lama berbincang untuk bekerjasama, UMNO dan PAS akhirnya mengumumkan jalinan kerjasama menerusi Piagam Muafakat Nasional pada 14 September 2019. Jalinan kerjasama ini kemudian menjadi antara pemangkin tumbangnya kerajaan persekutuan dan seterusnya kerajaan PH di negeri Perak, Melaka dan Johor.

## **Konflik Dalaman Parti KEADILAN**

Konflik dalaman dalam KEADILAN bukanlah perkara baharu. Antara punca utama adalah pemilihan kepimpinan parti. Persaingan dalam

proses pemilihan saban kali pasti menimbulkan cabaran sangat besar kepada KEADILAN terutama kerana proses yang cukup panjang, terbuka dan melibatkan semua ahli KEADILAN.

Namun, pemilihan kali ini memberi petanda perpecahan lebih besar akan berlaku disebabkan persaingan antara Dato' Seri Azmin dan Rafizi Ramli. Pemilihan yang bermula pada 22 September 2018 hingga 11 November 2018 telah menjarakkan lagi dua kumpulan yang saling bersaing antara satu sama lain. Rafizi dan pasukannya yang dilihat pro-Anwar telah tewas dalam semua peringkat kecuali jawatan Ketua AMK. Rafizi sendiri tewas dalam pertandingan peringkat Timbalan Presiden apabila mendapat 68,730 undi berbanding Azmin Ali yang mendapat 71,635 undi.

Keputusan pemilihan membesarakan lagi jurang antara dua kem dalam KEADILAN. Konflik menjadi semakin parah apabila pimpinan pusat melantik naib-naib presiden dan ketua-ketua pimpinan negeri yang tidak menyokong kepimpinan Azmin Ali.

Hubungan Anwar Ibrahim dan Azmin Ali semakin renggang apabila muncul edaran klip video intim yang diedarkan pada 11 Jun 2019. Tambah mengejutkan, keesokan harinya bekas Ketua AMK Santubong membuat pengakuan bahawa beliau adalah salah seorang individu dalam klip tersebut. Isu ini menimbulkan perang mulut antara Anwar Ibrahim dengan Azmin Ali. Ia bermula apabila Anwar Ibrahim mengatakan seandainya video itu sahih pelakunya Azmin Ali, maka Azmin Ali perlu meletak jawatan. Ini dibalas oleh Azmin Ali yang menyatakan bahawa Anwar Ibrahim perlu melihat cermin dan bermuhasabah diri. Konflik ini menjadi lebih serius apabila 27 anggota Majlis Pemimpin Pusat (MPP) dan ahli parliment KEADILAN menegur kenyataan Anwar Ibrahim terhadap Azmin Ali.

## **Konflik Kongres Melaka 2019**

Kongres pada 7-8 Disember 2019 ini merupakan kemuncak sengketa dua pihak ini. Walaupun terdapat usaha damai apabila mereka berbincang di Parlimen pada 5 Disember 2019, ia tidak kekal lama apabila Azmin Ali dan kumpulannya memboikot hari kedua kongres apabila tidak berpuas hati dengan perjalanan kongres yang dilihat mengkritik beliau.

Keadaan diburukkan lagi apabila Azmin Ali dan kumpulannya menganjurkan Majlis Makan Malam Wawasan Kemakmuran Bersama pada 8 Disember 2018 di Kuala Lumpur. Pentas majlis digunakan sepenuhnya untuk mengkritik Anwar Ibrahim yang didakwa gagal mengawal ahli parti.

## **Isu Peralihan Kuasa**

Anwar Ibrahim pada 8 Mac 2020 menegaskan bahawa janji peralihan kuasa perdana menteri telah dibuat sejak 2018 dan turut ditandatangani secara rasmi. Namun, Dr Mahathir telah beberapa kali membuat kenyataan yang tidak konsisten berkaitan isu peralihan kuasa ini. Bermula daripada janji untuk melepaskan dalam masa dua tahun hingga selepas Sidang APEC pada penghujung 2020.

Isu ketidakpastian ini memberi kesan kepada kestabilan kerajaan kerana terdapat desakan daripada sebahagian pimpinan PH untuk Dr Mahathir meneruskan hingga akhir penggal. Keadaan ini kemudian menjadi antara pemungkin kepada kejatuhan kerajaan PH pada bulan Februari 2020.

## **Daulah Terpendam**

*Deep state* merupakan antara isu menarik terutama penciptaan persepsi bahawa “Cina telah memerintah Malaysia”. Elemen “negara di dalam negara” menarik perhatian dan sangat provokatif untuk dibicarakan dalam aspek politik di Malaysia. Bekas Menteri Luar yang kini Menteri Komunikasi dan Multimedia dalam kerajaan baru pada 7 April 2019 telah membangkitkan usaha *deep state* yang dianggap mengganggu usaha PH dalam melaksanakan reformasi tadbir urus negara. Malah Dr Mahathir beberapa kali mengutarakan isu ini terutama berkaitan dengan dakwaan bahawa terdapat usaha menggunakan raja-raja Melayu dalam membatalkan ICERD. Malah, pada 8 Disember 2019 beliau memaklumkan akan menyiasat dakwaan terdapat usaha melaksanakan agenda *deep state* ini dalam kalangan pegawai kerajaan.

Isu yang dibawa cukup sistematik dengan fokus utama adalah peranan DAP dalam menafikan hak Melayu. Lantikan Peguam Negara

antara isu paling awal menjadi tumpuan apabila Tommy Thomas dilantik menjadi peguam negara pada 4 Jun 2018. Isu seperti Tabung Haji, kes kematian Allahyarham Adib, MARA, Felda serta isu-isu yang berkaitan telah ditonjolkan sebagai hal ehwal kepentingan orang Melayu yang terancam oleh orang Cina/DAP. Isu pengaruh Komunis dan LTTE juga disensasikan dan dipolitikkan. Naratif perkauman cukup berjaya untuk memberi impak besar kepada kemerosotan sokongan terhadap kerajaan PH.

Isu-isu provokatif yang dijadikan elemen untuk menggugat populariti PH adalah seperti berikut:

- i. Lagu Negaraku dalam Bahasa Mandarin didakwa bahawa rakaman adalah pada 26 September 2018 di sebuah sekolah di Seremban, Negeri Sembilan.
- ii. Isu pendakwah Dr Zakir Naik yang berlindung di Malaysia daripada perintah ekstradisi Kerajaan India.
- iii. Kematian anggota bomba, Muhammad Adib.
- iv. Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong ditular foto memakai seragam komunis sewaktu memeriksa perbarisan RAMD.
- v. Sivarasa Rasiah menguasai MARA.
- vi. Lim Guan Eng mempengaruhi mesyuarat Tabung Haji
- vii. Pembebasan suspek LTTE.
- viii. Bantuan Kementerian Kewangan kepada kolej swasta Cina.
- ix. Isu penolakan tulisan Jawi di sekolah SJKC.
- x. Bantahan terhadap ICERD.
- xi. Penerbitan dan pengedaran komik *Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama* berbahasa Mandarin.
- xii. Isu Jalur Gemilang digantung terbalik.
- xiii. Insiden-insiden pemandu mabuk.

## Ke Arah Krisis Besar

Desas-desus mula kedengaran pada 5 Oktober 2019 bahawa terdapat komplot belakang tabir antara beberapa pemimpin PH bekerjasama

dengan Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein untuk menubuhkan kerajaan baharu tanpa DAP dan parti Amanah. Walaupun perkara ini telah dinafikan oleh beliau, foto percutian keluarga bersama Azmin Ali di Maghribi yang ditular pada 30 Disember 2018 mula mendapat perhatian sekali lagi.

Isu peralihan kerajaan ini semakin dikuatkan dengan pendedahan pertemuan sekitar 20 ahli parlimen UMNO di rumah Azmin Ali pada 19 November 2019. Pertemuan ini turut melibatkan dua ahli parlimen dari KEADILAN yang kemudiannya antara yang bertindak keluar dari parti berkenaan selepas Langkah Sheraton. Terdahulu juga laporan dari beberapa portal yang mendakwa ia merupakan satu usaha Azmin Ali bagi mendapatkan sokongan daripada sekurang-kurangnya 30 Ahli Parlimen BN bagi menafikan cubaan menjatuhkan perdana menteri Dr Mahathir Mohamad melalui undi tidak percaya.

Lebih ironis, PAS telah mengumumkan pada 8 Feb 2020 berkaitan usaha membawa usul ke Dewan Rakyat bagi menyokong agar Dr Mahathir kekal sebagai perdana menteri sehingga habis penggal. Ini cukup unik kerana belum pernah berlaku satu keadaan yang mana parti oposisi cuba membuat usul menyokong perdana menteri yang tentunya berlainan parti.

## **Insiden 21 Februari 2020**

Mesyuarat Presiden PH pada 21 Februari 2020 merupakan tarikh yang paling ditunggu oleh khalayak umum kerana ramai menjangka akan berlaku pengumuman tarikh peralihan kuasa dari Dr Mahathir kepada Anwar Ibrahim. Mesyuarat *pre-council* Presiden PH pada kali ini agak luar biasa kerana turut melibatkan Dr Wan Azizah yang bukan salah seorang presiden parti komponen PH. Diskusi utama tentunya berkisar sekitar isu peralihan PM dari Dr Mahathir ke Anwar Ibrahim seperti perjanjian yang termeterai pada 7 Jan 2018.

Isu berkenaan menjadi lebih besar dalam mesyuarat utama PH selepas itu yang turut dihadiri semua wakil parti komponen. Terdapat diskusi hangat berkaitan tarikh, keperluan dan kesesuaian diadakan peralihan. Anwar Ibrahim dalam usaha meredakan keadaan, mencadangkan bahawa tarikh peralihan diserahkan kepada budi

bicara Dr Mahathir. Hasilnya, Dr Mahathir memaklumkan dalam siding media berkenaan selepas mesyuarat berkenaan bahawa hanya beliau yang akan membuat keputusan berkaitan tarikh peralihan kuasa. Tindakan berhikmah Anwar Ibrahim pada malam berkenaan telah menyelamatkan PH daripada berpecah. Matlamat utama memecahkan PH gagal pada malam berkenaan kerana tindakan Anwar Ibrahim tidak mahu berkeras yang akhirnya membawa mudharat kepada PH.

Malah, tiada berlaku tanda-tanda pada malam berkenaan bahawa akan berlaku pengkhianatan yang dilakukan menerusi Langkah Sheraton.

## **Insiden 22 Februari 2020**

Sehari selepas mesyuarat Presiden PH, terdapat rancangan untuk mengadakan sidang media oleh tiga kumpulan yang berkomplot untuk menggagalkan usaha peralihan kuasa ini.

- (i) Sidang media di Ibu Pejabat parti Bersatu di Bangunan Yayasan Selangor.
- (ii) Sidang media di Hotel Sheraton Petaling Jaya yang dijadualkan pada jam 3 petang.
- (iii) Sidang Media di Hotel Sheraton yang dijadualkan pada jam 9 malam.

Mesyuarat parti Bersatu pada hari berkenaan tidak berakhir dengan sidang media. Walaupun terdapat ura-ura bahawa berlaku usaha membawa keluar Bersatu dari PH pada pagi berkenaan, ia gagal apabila tidak dipersetujui oleh Dr Mahathir. Mengikut perancangan asal, Azmin Ali sepatutnya mengumumkan keluar dari parti KEADILAN pada sidang media jam 3 petang di Hotel Sheraton. Sidang media jam 9 malam juga tidak berlaku akibat kegagalan menujuhkan kerajaan baharu selepas beberapa pemimpin menghadap yang di-Pertuan Agong.

Dalam usaha memantau insiden-insiden yang berlaku, ahli parlimen parti KEADILAN telah bermesyuarat bagi membincangkan agenda di sebalik perkumpulan ahli-ahli parlimen pro-Azmin di Hotel

Sheraton. Pada 24 Februari 2020, Majlis Pimpinan Pusat KEADILAN membuat keputusan memecat Azmin Ali dan Naib Presiden, Zuraida Kamaruddin. Sebaik sahaja pemecatan diumumkan, Azmin Ali sendiri membuat pengumuman keluar parti dengan diikuti oleh Zuraida Kamaruddin dan sembilan lagi ahli parlimen KEADILAN.

Krisis ini sampai ke puncak apabila Dr Mahathir meletak jawatan sebagai perdana menteri dan kemudian dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai perdana menteri sementara (interim). Tindakan ini telah menumbangkan kerajaan persekutuan yang diberi mandat oleh rakyat 22 bulan sebelum itu. Ia juga memulakan proses tertubuhnya kerajaan PN hasil daripada keluarnya Parti Bersatu dan 11 ahli parlimen KEADILAN yang bergabung dengan Pas, UMNO dan kemudian GPS.



# **GELORA POLITIK GABUNGAN**

*Madhi Hasan*

**S**elepas 22 bulan memerintah Malaysia, Kerajaan PH akhirnya tumbang pada penghujung bulan Februari 2020. Sejarah yang berlaku 11 tahun lalu iaitu kejatuhan kerajaan Pakatan Rakyat (PR) di Perak yang hanya bertahan selama 11 bulan seakan-akan berulang. Mengapakah hal ini terjadi? Bagi memahami mengapa kerajaan PH tumbang, kita perlu menjelaskan beberapa permasalahan dalam politik gabungan yang berlaku di dalam PH.

## **Cabaran Penggabungan**

PH adalah sebuah entiti gabungan yang merupakan kelahiran semula Pakatan Rakyat. Pada 22 September 2015, iaitu ketika Dr Mahathir dan Muhyiddin Yassin masih lagi berada di dalam UMNO, PH ditubuhkan oleh KEADILAN, DAP dan Amanah bagi menggantikan Pakatan Rakyat yang telah terkubur. Walaupun PH tidak pernah mengumumkan sebarang ideologi, secara umumnya ia adalah gabungan parti-parti moderat dan *centrist*. Setelah PAS yang dikuasai kumpulan ulama meninggalkan Pakatan Rakyat, pemimpin-pemimpin progresif dalam PAS telah menubuhkan Parti Amanah Negara sebagai sebuah parti Islamis yang moderat. Pada hari penubuhan PH tersebut, KEADILAN, DAP dan Amanah turut mengumumkan Anwar Ibrahim yang sedang terpenjara sebagai calon perdana menteri bagi PH. Fakta sejarah tersebut, iaitu calon perdana menteri yang pertama yang diumumkan oleh PH ialah Anwar Ibrahim, sering dilupakan. Hakikatnya. penamaan Dr Mahathir sebagai calon perdana menteri PH pada 7

Januari 2018 adalah dilakukan kerana calon asal iaitu Anwar Ibrahim masih lagi terpenjara pada waktu itu.

Dalam sistem pilihan raya *first-past-the-post*, pembinaan gabungan sebelum pilihan raya adalah suatu keperluan yang munasabah agar parti-parti politik boleh melakukan *vote-pooling* (kongsi undi). Namun begitu, sejarah menunjukkan betapa sukarnya gabungan parti pembangkang di Malaysia bertahan lama kerana kegagalan pembangkang memenangi kerajaan pusat. Sejak tsunami politik pada PRU12 tahun 2008, kewujudan Pakatan Rakyat dianggap sebagai pencetus kepada permulaan sistem dua gabungan di Malaysia. Dalam sejarah Malaysia, Anwar Ibrahim adalah pemimpin politik yang paling berjaya dalam menyatukan parti-parti pembangkang. Di bawah pimpinan beliau, Pakatan Rakyat mampu mengalahkan Barisan Nasional dari segi undi popular pada tahun 2013. Strategi yang digunakan oleh Anwar Ibrahim adalah dengan menarik PAS dan DAP ke tapak tengah manakala partinya sendiri iaitu KEADILAN bertindak sebagai *lynchpin*.

Apabila beliau dipenjarakan pada bulan Februari 2015, Pakatan Rakyat kehilangan *coalition manager*. PAS kembali mengambil haluan sebagai parti agama yang konservatif dan meninggalkan tapak tengah yang menjadi teras persefahaman dalam Pakatan Rakyat. Dengan meninggalkan Pakatan Rakyat, PAS dijangka akan memecahkan undi pembangkang lantas mencetuskan *spoiler effect* yang akan menguntungkan Barisan Nasional. Sekitar tahun 2015 dan 2016, PH berdepan dengan prospek yang kelam dalam menghadapi PRU14. Keadaan itu berlaku kerana dua faktor utama iaitu tindakan PAS yang kelihatan nekad untuk menjadi *spoiler* kepada undi pembangkang serta ketiadaan Anwar Ibrahim sebagai pemimpin utama dan calon perdana menteri untuk PH.

## Permufakatan Paksaan

Pengubah permainan berlaku apabila skandal 1MDB menyebabkan beberapa tokoh UMNO yang diketuai oleh Dr Mahathir dan Muhyiddin Yassin berkonfrantasi dengan Najib Razak. Ia disusuli dengan penubuhan parti serpihan UMNO iaitu PPBM yang

kemudiannya memohon dan diterima untuk menyertai PH. Kemasukan Dr Mahathir dan PPBM memberi PH penyelesaian dua masalah besar yang mereka hadapi sejak tahun 2015. Pertama, Dr Mahathir boleh mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Anwar Ibrahim sebagai pemimpin utama dalam PH. Kedua, kewujudan PPBM dijangka dapat mencuri sebahagian undi Melayu daripada UMNO lantas mengurangkan bahana *spoiler effect* yang dicetuskan oleh PAS. Asas kepada penerimaan PPBM ke dalam PH ialah perdamaian antara Anwar Ibrahim dan Dr Mahathir. Walaupun sukar dari sudut peribadi, Anwar Ibrahim bersedia menyambut salam perdamaian politik daripada Dr Mahathir dan menerima PPBM ke dalam PH.

Setelah mengambil tempat sebagai ketua *de facto* bagi PH, sedikit sebanyak Dr Mahathir cuba membentuk struktur PH mengikut model Barisan Nasional. Namun begitu, ini sukar dilakukan kerana model pakatan dalam Barisan Nasional adalah berbeza dengan PH. Permuafakatan dalam BN adalah diasaskan kepada apa yang dipanggil sebagai permuafakatan paksaan (*coercive consociationalism*). Selepas tahun 1969, permuafakatan antara parti-parti perkauman dalam Barisan Nasional adalah berasaskan kedudukan UMNO yang tidak tergugat sebagai satu-satunya parti dominan dalam gabungan tersebut. Kedudukan UMNO sebagai parti dominan diperkuuh pada era pentadbiran Dr Mahathir melalui pemusatan kuasa yang berlebihan kepada perdana menteri dan badan eksekutif.

Setelah Dr Mahathir menyertai PH, keadaannya amat berbeza. PH pada asasnya adalah kesinambungan kepada kerjasama dan setiaikan yang dibina bertahun-tahun oleh parti-parti pembangkang di dalam Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat. Meminjam istilah Meredith Weiss, *coalitional capital* yang dikongsi bersama antara KEADILAN, DAP dan Amanah telah dikumpulkan melalui satu proses yang panjang iaitu hasil daripada tekanan berterusan yang dihadapi oleh parti-parti pembangkang. Dr Mahathir terpaksa menerima hakikat bahawa beliau dan PPBM tidak akan boleh mendominasi PH sebagaimana beliau dan UMNO mendominasi Barisan Nasional satu ketika dahulu. Walaupun Dr Mahathir diangkat sebagai Pengerusi PH, beliau terpaksa menyesuaikan diri untuk berkongsi kedudukan tertinggi dengan Anwar Ibrahim sebagai Ketua Umum.

## Model Sentripetalisme

Ujian sebenar kepada PH timbul apabila gabungan parti ini memenangi PRU 14 pada 9 Mei 2018. Setelah segala euphoria kemenangan berakhir, kekurangan *coalitional capital* antara Dr Mahathir dan PPBM dengan rakan-rakannya dalam PH mulai terserlah. Pada peringkat asas, PPBM adalah sebuah parti bagi kaum Melayu/Bumiputera. KEADILAN, DAP dan Amanah kesemuanya mengaku sebagai parti berbilang kaum walaupun pada hakikatnya hanya KEADILAN yang sebenar-benarnya bersifat majmuk. Oleh itu, KEADILAN, DAP dan Amanah lebih selesa dengan agenda perjuangan berteraskan kemajmukan budaya dan bangsa. Sebahagian penganalisis menganggap bahawa model gabungan yang dipakai oleh Pakatan Rakyat dan PH adalah apa yang dinamakan sebagai sentripetalisme. Sentripetalisme merujuk kepada satu strategi politik yang bertujuan mencairkan elemen-elemen perkauman dalam politik dengan cara menarik parti-parti dan ahli-ahli politik untuk mengambil tapak tengah.

Apabila Dr Mahathir datang bersama PPBM, persoalan tentang falsafah dan dasar perjuangan PH tidak pernah dibincangkan secara mendalam. Strategi Dr Mahathir ialah menumbangkan Najib Razak terlebih dahulu dan membiarkan perkara-perkara lain dihadapi kemudian. Akibatnya, setelah memenangi PRU14, PH tidak cukup bersedia dari segi kesatuan fikiran dalam menekankan dan mengutamakan sesuatu set polisi berbanding set polisi yang lain. Kebangkitan politik perkauman dan agama yang digerakkan oleh UMNO dan PAS menyebabkan Dr Mahathir bersikap defensif dan melakukan pusingan U dalam beberapa agenda reformasi institusi yang telah dipersetujui dalam manifesto PH.

Namun begitu, pertembungan ideologi bukanlah pergeseran utama yang menjelaskan hubungan antara parti dalam PH. Pertembungan utama yang sebenarnya ialah persaingan antara PPBM dan KEADILAN untuk menjadi parti dominan. Di dalam Barisan Nasional, persoalan ini tidak pernah berbangkit kerana UMNO tidak membernarkan mana-mana parti Melayu menyaingi kedudukannya. PAS pernah menjadi pesaing UMNO dalam Barisan Nasional antara tahun 1973 dan 1977 yang berakhir dengan PAS dinyahkan daripada

gabungan itu. Dalam PH, KEADILAN memenangi jumlah kerusi yang jumlahnya hampir empat kali ganda lebih banyak berbanding PPBM. Namun begitu, KEADILAN bersedia memberikan jawatan perdana menteri kepada Dr Mahathir demi menghormati perjanjian.

## **Defisit Kepercayaan**

Setelah menjadi perdana menteri ke-7, Dr Mahathir menggunakan dua pendekatan utama bagi mencapai dominasi dalam PH. Pendekatan pertama ialah dengan mengambil ahli-ahli parlimen yang melompat parti dari UMNO bagi meningkatkan kekuatan angka iaitu jumlah kerusi PPBM. Kaedah kedua ialah dengan melemahkan KEADILAN sendiri dengan cara memperkuat kedudukan politik Azmin Ali. Dalam kalangan pimpinan tertinggi KEADILAN, ketaatsetiaan Azmin Ali kepada Anwar Ibrahim dan Dr Wan Azizah telah mula diragui sejak beliau menjadi Menteri Besar Selangor. Dalam perlantikan jawatan kabinet, Azmin Ali dan beberapa orang penyokong kuatnya dalam KEADILAN telah diberikan jawatan-jawatan yang penting oleh Dr. Mahathir.

Pemilihan kepimpinan parti pada tahun 2018 yang dijalankan hanya beberapa bulan selepas PRU14 telah menyebabkan perpuakan dalam KEADILAN menjadi lebih parah. Ini kerana pertaruhan politik bagi semua pihak yang bertanding menjadi lebih signifikan setelah KEADILAN menjadi parti pemerintah. Malangnya sistem pemilihan terus dengan kaedah satu anggota satu undi telah membuka ruang untuk pelbagai bentuk manipulasi. Pembelahan antara dua puak merebak ke akar umbi sehingga menimbulkan fenomena parti dalam parti pada setiap peringkat. Dalam sistem pemilihan KEADILAN, pihak yang mempunyai sumber kewangan yang banyak mempunyai peluang yang lebih cerah kerana kunci kemenangan adalah kemampuan memobilisasi pengundi secara besar-besaran. Peluang menggunakan kuasa sebagai alat politik telah menyemarakkan budaya politik penaungan dalam KEADILAN, terutama oleh kumpulan yang terdapat di dalamnya ramai menteri dan timbalan menteri.

Keputusan pemilihan menunjukkan kumpulan Azmin Ali memenangi lebih banyak jawatan dalam Majlis Pimpinan Pusat

KEADILAN berbanding dengan kumpulan Rafizi Ramli. Keadaan tersebut menggambarkan yang Azmin Ali sudah semakin hampir untuk mencabar kedudukan ikonik Anwar Ibrahim di dalam KEADILAN. Selepas pemilihan, perpuakan dalam KEADILAN menjadi lebih parah apabila kumpulan Azmin Ali semakin menonjolkan kekuatan mereka. Parti tidak dapat berfungsi dengan normal kerana Azmin Ali dan kumpulannya seringkali mencabar disiplin kepartian dengan tidak menghadiri mesyuarat-mesyuarat pimpinan pusat.

Apabila sesuatu parti dalam gabungan kelihatan mencampuri politik dalaman parti komponen yang lain maka gabungan tersebut sudah pasti akan bermasalah. Sewaktu di dalam Pakatan Rakyat, kumpulan ulama dalam PAS pernah menuduh DAP mencampuri politik dalaman PAS dengan cara memberi sokongan kepada kumpulan profesional dalam parti tersebut. Perkara tersebut sukar dibuktikan tetapi persepsi yang terbentuk akan menjaskan rasa saling percaya di dalam sesuatu parti gabungan. Keistimewaan dan kelebihan yang diberikan oleh Dr Mahathir kepada Azmin Ali menimbulkan kecurigaan penyokong-penyokong Anwar Ibrahim dalam PH. Isu utama yang menimbulkan defisit kepercayaan sesama ahli PH ialah tentang keikhlasan Dr Mahathir untuk menghormati perjanjian menyerahkan kuasa kepada Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri. Berbeza dengan kenyataan-kenyataannya pada tahun 2018, kenyataan-kenyataan Dr Mahathir berkenaan peralihan kuasa menjadi semakin samar dan berubah-ubah.

## **Kemuncak Perang Dingin**

Kemuncak kepada perang dingin antara Anwar Ibrahim dan Azmin Ali ialah apabila rakaman video yang dikaitkan dengan Azmin Ali tersebar melalui media sosial. Penyokong-penyokong Azmin Ali menuduh yang penyebaran video tersebut adalah satu konspirasi dalaman untuk membunuh karier politik beliau. Pada pihak yang satu lagi, penyokong-penyokong Anwar Ibrahim menuduh yang Azmin Ali mendapat perlindungan daripada perdana menteri kerana beliau dilihat terlepas daripada apa-apa tindakan bersabit perbuatan tersebut.

Setelah setahun pemerintahan PH, keyakinan pelbagai pihak kepada kepimpinan Dr Mahathir semakin merosot. Jolokan ‘Kerajaan Sepenggal’ yang diberikan oleh pembangkang kepada PH seolah-olah bakal menjadi kenyataan. Pembangkang mendapat lonjakan keyakinan selepas berlakunya penyatuan UMNO-PAS atas nama Muafakat Nasional serta kekalahan PH dalam lima pilihan raya kecil. Di dalam PH, parti yang merasa paling tidak selamat dengan perkembangan ini ialah PPBM. Penyatuan UMNO-PAS dijangka akan menyebabkan PPBM disapu habis dalam PRU15 kerana parti tersebut bertanding di kawasan-kawasan majoriti Melayu. KEADILAN dan DAP agak kurang terjejas kerana parti-parti tersebut bertanding di kawasan pengundi campuran dan kawasan majoriti Cina. Sejak kemenangan PRU 14, kekuatan teras yang dimiliki oleh PPBM ialah jawatan perdana menteri yang disandang oleh Dr Mahathir. Ketakutan utama di dalam PPBM ialah mampukah parti itu mempertahankan survivalnya jika jawatan perdana menteri berpindah tangan kepada parti terbesar di dalam PH iaitu KEADILAN?

Langkah Sheraton yang berlaku pada 23 Februari 2020 merupakan kemuncak kepada gelora politik gabungan yang membayangi prestasi kerajaan Malaysia Baharu sejak Mei 2018. Amalan dan budaya politik lama merupakan perkara yang biasa pada sebahagian besar elit politik bagi mengekalkan dan memperolehi kuasa. Angkara ini telah merosakkan aspirasi politik baharu yang merupakan sebahagian daripada perjuangan reformasi. Antara amalan buruk politik lama yang menjadi motivasi kepada Langkah Sheraton ialah politik perkauman, politik penaungan, politik feudal, politik transaksional dan politik wang. Pergeseran untuk survival politik sama ada pada peringkat parti atau pada peringkat individu telah mendorong berlakunya perbuatan khianat kepada rakan-rakan seperjuangan.

Walau apapun alasan yang diberikan, membentuk pakatan dan membina kerajaan secara pintu belakang bersama musuh-musuh adalah amat tidak bermoral. Ironinya, pengkhianatan kepada idealisme politik baharu telah dikepalai oleh seorang pemimpin KEADILAN, iaitu parti yang lahir daripada kebangkitan idea politik baharu pada penghujung 1990-an. KEADILAN dan PH perlu membina kekuatan fikrah perjuangan yang lebih kukuh dalam kalangan semua peringkat pimpinan jika ia mahu membina Malaysia Baharu yang berlandaskan politik baharu pada masa akan datang.



# **LANGKAH SHERATON**

*Ismail Yusop*

**K**emuncak drama yang mengakibatkan tumbangnya PH sebagai kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat pada 9 Mei 2018 adalah plot utama yang diberi jolokan sebagai ‘Langkah Sheraton’.

Babak yang berlaku di Hotel Sheraton ini bermula pada 21 Februari 2020 dan kononnya bertujuan untuk ‘mengagalkan konsipirasi’ peralihan kuasa perdana menteri yang ke-8 daripada Dr Mahathir Mohammad kepada Anwar Ibrahim .

Oleh itu, kefahaman kepada orang awam terhadap pergolakan politik ini yang dianggap sebagai pengkhianatan terhadap mandat rakyat perlu diperjelas agar sejarah hitam ini tidak akan dikelirukan atau dilupakan untuk diambil sebagai pengajaran serta pembelajaran proses kematangan politik di Malaysia. Atas prinsip ‘Suara Rakyat, Suara Keramat’, hak rakyat perlu dibela dan tidak sewajarnya dipermainkan oleh pemimpin-pemimpin politik yang berhasrat untuk berkuasa demi agenda peribadi.

## **Konspirasi atau Konsensus?**

Secara umumnya, ‘Langkah Sheraton’ melibatkan kerjasama antara parti PAS, UMNO, PPBM dan GPS yang diterajui oleh Azmin Ali dan kemnya daripada KEADILAN. Kenyataan Azmin Ali tentang ‘Langkah Sheraton’ yang dilakukan adalah jelas akan tujuannya (*Berita Harian Online*, 24 Februari 2020):

“Kami yakin bahawa percubaan memaksa Perdana Menteri menentukan tarikh peralihan kuasa sebagai usaha jahat untuk menjadikan Perdana Menteri sebagai *lame duck* PM (Perdana Menteri tanpa kuasa). Justeru itu, kami mengambil langkah proaktif untuk menggagalkan konspirasi bagi menjatuhkan Perdana Menteri di tengah-tengah penggal. Langkah yang kami lakukan adalah untuk menjamin keyakinan rakyat dan pelabur terhadap kestabilan dan kelangsungan dasar kerajaan bertujuan meningkatkan tahap sosio-ekonomi rakyat seperti yang terkandung dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”.

Berdasarkan kenyataan yang diberi kepada rakyat oleh Azmin Ali, ‘Langkah Sheraton’ ini merupakan usaha beliau untuk menghalang peralihan kuasa atau istilah yang digunakan oleh beliau “konsipirasi bagi menjatuhkan perdana menteri di tengah-tengah penggal”.

Namun begitu, konspirasi yang dinyatakan oleh beliau merupakan konsensus yang dipersetujui oleh semua parti komponen sebagai asas kepada penubuhan PH untuk menumbangkan pemimpin kleptokrat pada PRU14 yang lalu dan kerana konsensus ini jugalah, antara faktor rakyat memberi kepercayaan kepada PH.

Pada 7 Januari 2018, PH bersetuju dan mengumumkan Dr Mahathir Mohammad sebagai calon perdana menteri, Dr Wan Azizah sebagai calon timbalan perdana menteri, Pengampunan Diraja dipohon bagi Anwar Ibrahim agar beliau dapat segera berperanan dalam kerajaan persekutuan serta beliau diangkat sebagai calon perdana menteri kelapan sekiranya pembangkang menerima mandat daripada rakyat pada PRU 14 (*Harian Metro*, 7 Januari 2018).

Oleh itu, menurut laporan *Berita Harian Online*, Mesyuarat Majlis Presiden PH pada 22 Februari 2020 telah bersetuju menyatakan proses peralihan kuasa perdana menteri akan berlaku selepas APEC (Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik) dan semuanya terpulang kepada Dr Mahathir untuk menentukan tarikh dan sama ada beliau akan melepaskan jawatan atau tidak. Anwar Ibrahim juga menyatakan bahawa keputusan yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Presiden PH itu adalah secara konsensus dan beliau menggesa ahli-ahli parti menghormati keputusan tersebut kerana tumpuan perlu

diberi terhadap ekonomi dan penularan koronavirus (COVID-19) (Astro Awani, 22 Februari 2020).

Justeru, jelas di sini Mesyuarat Majlis Presiden PH tersebut telah memutuskan bahawa peralihan kuasa akan berlaku selepas APEC dan pendirian yang diambil oleh Anwar Ibrahim adalah menyatakan sokongan penuhnya terhadap Dr Mahathir Mohammad sebagai perdana menteri sehingga peralihan kuasa yang akan ditentukan kelak. Tidak dinafikan, pelbagai pandangan serta pendapat yang diberikan terhadap isu peralihan kuasa ini. Namun begitu, setiap konsensus dan keputusan yang telah diputuskan sewajarnya diterima, kerana asas terhadap nilai demokrasi itu haruslah dihormati.

Oleh itu, apakah matlamatsebenarnya Azmin Ali dengan ‘Langkah Sheraton’ untuk menghalang peralihan kuasa yang seharusnya akan berlaku? Sedangkan Majlis Presiden PH juga telah memutuskan proses peralihan kuasa itu akan berlaku selepas APEC?

## **Kabilah Politik**

Secara amnya, ahli-ahli parti serta majoriti rakyat mengetahui bahawa sememangnya Azmin Ali mempunyai perselisihan faham dengan Anwar Ibrahim yang kemuncaknya adalah pada Pemilihan Parti KEADILAN Rakyat 2018 yang berpunca daripada ketidaksenangan Azmin Ali terhadap keputusan-keputusan yang tidak memihak kepada beliau.

Tidak dinafikan pelbagai insiden berlaku dalam Pemilihan KEADILAN 2018 yang dipercayai kerana wujudnya kem-kem yang berbeza yang diistilahkan sebagai “Kartel” atau “Invoke”. Bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi, kem-kem atau kumpulan-kumpulan di dalam parti politik ini merupakan perkara yang dihadapi oleh semua parti di negara ini. Hal ini kerana perbedaan pendapat antara ahli-ahli parti sehingga wujudnya ‘semangat kabilah’ ini. Namun begitu, hal ini seharusnya diambil tanggungjawab oleh semua ahli parti dalam menguruskan perbezaan dengan baik dan berhemah agar dapat membentuk satu budaya demokrasi politik yang matang.

Membasmi pengkhianatan yang jelas terhadap perjuangan lebih mudah daripada membendung gerak-gerak politik yang dapat

merosakkan kredibiliti dan imej kepimpinan parti. Perselisihan pendapat Azmin Ali dan Rafizi Ramli memuncak pada Pemilihan KEADILAN 2018 yang memberi kesan sehingga ke akar umbi. Namun, ia turut memberi kesan terhadap kepimpinan Anwar Ibrahim sebagai presiden parti yang disebabkan berlainan persefahaman antara Azmin Ali dan Rafizi.

Apabila meneliti perkembangan Parti KEADILAN Rakyat selama 20 tahun semenjak ditubuhkan, Azmin Ali merupakan pemimpin politik yang diberi kepercayaan penuh oleh Anwar Ibrahim sewaktu beliau berada di penjara. Perlantikan beliau sebagai Dato' Menteri Besar Selangor pada tahun 2014 juga adalah sebagai batu lonjatan perkembangan karier politiknya selepas pemecatan Tan Sri Khalid Ibrahim serta setelah Anwar Ibrahim dihalang daripada bertanding di Pilihan Raya Kecil Kajang susulan kes dakwaan fitnah Saiful Bukhari dipercepat.

‘Langkah Kajang’ merupakan satu percaturan yang dibuat berdasarkan cita-cita untuk menjadikan negeri Selangor sebagai model *launchpad* urus tadbir yang memberi keadilan serta kebaikan kepada ekonomi serta rakyat terbanyak yang akan diterajui oleh Anwar Ibrahim.

Disebabkan kes dakwaan fitnah terhadap beliau dipercepat, kelayakannya untuk bertanding telah terjejas. Sokongan penuh diberikan kepada Dr Wan Azizah sebagai calon seterusnya oleh ahli-ahli parti serta majoriti rakyat di Kajang. Namun begitu, Istana menolak pencalonan Dr Wan Azizah sebagai calon Menteri Besar dan Istana memperkenan Azmin Ali dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baru ketika itu.

Pada 16 Jun 2015, Pakatan Rakyat berpecah. DAP keluar pakatan. Manakala PAS mengadakan muktamar dengan keputusan tidak ada lagi ikatan politik dengan KEADILAN. Ini terjadi atas faktor perselisihan faham dan konflik antara PAS dengan DAP terutama mengenai isu pelaksanaan undang-undang Syariah yang menyebabkan PAS berpecah daripada Pakatan Rakyat.

Langkah seterusnya diambil oleh KEADILAN dengan membuat satu gabungan baru iaitu PH yang terdiri daripada parti KEADILAN,

DAP dan Amanah. Parti Amanah tertubuh pada 16 September 2016 yang merupakan ahli parti PAS yang berbeza pendapat dan tidak bersetuju dengan pendirian parti tersebut. Rundingan dibuat selama seminggu dan mereka bersetuju untuk bergabung atas dasar mengambil kira kepentingan rakyat dan ingin menghapuskan ‘Pimpinan Kleptokrat’ ketika itu.

PH meneruskan rundingan dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). PPBM merupakan sebuah parti politik Malaysia yang lahir selepas pemecatan Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir serta penggantungan Shafie Apdal daripada UMNO pada 24 Jun 2016. Dr Mahathir merupakan Pengurus PPBM yang juga membawa satu tujuan yang sama iaitu ingin menjatuhkan Kerajaan Pimpinan Kleptokrat itu. Dengan kata lain, mulai 22 September 2017, PH akan berfungsi sepenuhnya sebagai sebuah pakatan politik yang jitu untuk membela rakyat dan berdepan dengan UMNO-BN.

## **Mandat Rakyat Dikhianati**

Pada saat PH ditubuhkan, sebelum bermulanya PRU14 lagi, Azmin Ali bersama Zuraida Kamaruddin merupakan antara individu-individu yang paling kuat menentang dan tidak bersetuju terhadap keputusan parti yang mengangkat Dr Mahathir Mohammad sebagai perdana menteri Ketujuh. Selain itu, walaupun PAS telah keluar daripada Pakatan Rakyat, Azmin Ali, sebagai Menteri Besar Selangor ketika itu, masih mengelakkan barisan Exco daripada PAS atas alasan, “Ini mandat rakyat”.

Bagaimana pula dengan “Langkah Sheraton”? Tidakkah ia jelas menunjukkan beliau bukan sahaja mengkhianati prinsip perjuangan, malah turut mengkhianati mandat rakyat dengan berkompromi bersama individu-individu yang korup dan salah laku penyelewengan duit rakyat? ‘Mandat Rakyat’ yang dijajarkan sebelum ini sekali lagi jelas menunjukkan beliau sebenarnya mempunyai agenda peribadi dalam perkembangkan empayar politiknya sebagai keutamaan berbanding mengutamakan keadilan dan kesejahteraan untuk negara serta rakyat keseluruhan.

Ini dapat dibuktikan apabila Rais Husin, Ketua Biro Strategi dan Dasar PPBM yang mengatakan rundingan yang dibuat antara ahli-ahli serta parti-parti yang terlibat dalam ‘Langkah Sheraton’ adalah untuk hanya menubuhkan kerajaan perpaduan secara *en bloc* dan perlu dilaksanakan dengan segera. Sudah terang lagi bersuluh, terbukti bahawa ‘Langkah Sheraton’ bukanlah untuk rakyat tapi atas dasar dendam, kebencian serta kuasa yang menjadi asas kepada perjuangan. Rakyat terus dimomokkan dengan isu perkauman serta mewujudkan persepsi *the blame game* dengan mengkhianati perjuangan, sahabat serta rakyat keseluruhan dalam memastikan mereka untuk terus kekal berkuasa.

Iktibar perlu diambil sebagai pengajaran dan peringatan khususnya kepada ahli-ahli politik untuk mengutamakan agenda negara dan rakyat sebagai asas kepada perjuangan. Keretakan dan perpecahan politik khususnya dalam PH ini perlu diperbaiki semula. Proses bermuhasabah adalah *urgency* buat semua. Pengkhianatan serta politik-politik yang merosakkan parti serta kepimpinan parti perlu dihentikan dengan segera. *Enough with the blame game!*





# **PENGKHIANATAN, PEMBELOTAN DAN PEMUNGKIRAN JANJI DALAM POLITIK MALAYSIA**

*Mohammad Redzuan Othman*

*Ikhwaniata Taib*

Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 9 Mei 2018 telah melakarkan landskap baharu politik Malaysia apabila buat kali pertama dalam sejarah, Barisan Nasional yang ketika itu dipimpin oleh Dato' Sri Najib Razak mengalami kekalahan. Barisan Nasional bukan sahaja kalah, tetapi juga gagal membentuk kerajaan di peringkat persekutuan. Kekalahan ini menjadi lebih tragis apabila Barisan Nasional yang memerintah negara ini selama lebih 60 tahun turut kehilangan enam buah negeri, iaitu Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah, selain Pulau Pinang dan Selangor yang masih berjaya dikekalkan di bawah pemerintahan Pakatan Harapan. Kemenangan bergaya PH yang merupakan gabungan yang terdiri daripada Parti KEADILAN Rakyat (KEADILAN), Democratic Action Party (DAP), Parti Amanah Negara (Amanah) dan Parti Pribumi Malaysia (PPBM) telah disumbangkan oleh faktor-faktor yang menarik sokongan kepada parti-parti tersebut dan faktor-faktor yang menolak sokongan ke atas Barisan Nasional.

Penerimaan pengundi terhadap Agenda Reformasi yang diperjuangkan oleh Anwar Ibrahim sejak tahun 1998 dan gabungan parti yang dipimpin oleh Dr Mahathir Mohamad, ternyata berjaya memberikan keyakinan kepada pengundi Pilihan Raya Umum Ke-14 bahawa negara ini mampu diperintah oleh parti lain, selain Barisan Nasional. Faktor penolakan terhadap kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Najib Razak yang dicemari dengan penyalagunaan kuasa dalam isu 1MDB, ternyata bertukar menjadi “tsunami politik”

yang realitinya terpaksa diterima oleh pemimpin dan penyokong Barisan Nasional.

Kemenangan besar yang dicapai oleh gabungan parti-parti dalam PH banyak disumbangkan oleh keyakinan pengundi terhadap tawaran yang dijanjikan jika parti tersebut berjaya menguasai Putrajaya, selain strategi bertanding yang memperlihatkan kesepaduan dengan kompromi yang meyakinkan pengundi. Ini termasuklah kompromi yang membenarkan PPBM yang dipimpin Dr Mahathir bertanding paling banyak kerusi (sebanyak 52 kerusi Parlimen) di Semenanjung Malaysia dan kesemua parti bertanding dengan menggunakan satu logo, iaitu logo “Mata Lebam” KEADILAN. Sebagai presiden parti, Dr Wan Azizah diberikan kepercayaan menandatangani watikah bagi membolehkan kesemua calon bertanding atas tiket KEADILAN dan menggunakan logo parti tersebut

Meskipun pengundian diadakan pada hari Rabu (pertengahan minggu dan hari bekerja), namun usaha tersembunyi menyulitkan proses pengundi keluar mengundi ternyata gagal menyekat hasrat rakyat menggunakan hak mereka dalam sistem demokrasi yang diamalkan. Pengundi beramai-ramai keluar mengundi dengan peratus keluar mengundi melebihi 80 peratus di semua pusat pembuangan undi dan seterusnya menumbangkan kerajaan yang dilabelkan sebagai dikuasai oleh pemimpin kleptokrat. Hasil kemenangan yang dicapai dalam PRU14 ini, Dr Mahathir telah dilantik menjadi perdana menteri Ketujuh berdasarkan perjanjian yang telah dimeterai oleh pimpinan PH pada 7 Januari 2018. Dalam perjanjian tersebut, secara jelas dinyatakan bahawa semua pemimpin keempat-empat parti yang bergabung dalam PH bersetuju melantik Dr Mahathir menjadi perdana menteri dan Dr wan Azizah dilantik menjadi timbalan perdana menteri apabila gabungan tersebut berjaya menguasai Putrajaya dan membentuk kerajaan. Anwar Ibrahim yang masih merengkok dalam penjara pula akan dilantik menjadi perdana menteri Kelapan menggantikan Dr Mahathir selepas beliau bebas dari penjara dan layak untuk bertanding untuk menjadi seorang ahli parlimen.

Walaupun janji demi janji dilaungkan berulang kali bahawa Anwar Ibrahim akan dilantik menjadi perdana menteri Kelapan, namun ternyata di sebaliknya, Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin di

sekeling beliau sebenarnya tidak berhasrat untuk menunaikan janji ini. Sebaliknya, mereka berusaha dan berkomplot untuk memastikan dalam apa jua keadaan Anwar Ibrahim mesti dihalang untuk menjawat jawatan ini. Komplot terancang ini juga turut didalangi oleh pemimpin dalam parti yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim sendiri, KEADILAN. Ini berlaku apabila Azmin Ali mengetuai sekumpulan anggota parlimen bersekongkol dengan kumpulan yang anti Anwar Ibrahim yang mengelilingi Dr Mahathir. Pada 1 Mac 2020 lengkaplah episod pemungkiran janji, persekongkolan dan pengkhianatan dalam era baharu politik Malaysia apabila Muhyiddin mengangkat sumpah sebagai perdana menteri Kelapan. Ini sekaligus menafikan hak dan janji yang dipersetujui sebelum ini yang secara sepakat bersetuju mengangkat Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri Kelapan.

## **Pengkhianatan Terhadap Anwar Ibrahim**

Selepas dibebaskan dari penjara dan seterusnya mendapat pengampunan di-Raja, Anwar Ibrahim bertanding dalam Pilihan Raya Kecil Parliment Port Dickson yang diadakan pada 13 Oktober 2018. Beliau berjaya mendapat mandat rakyat untuk menjadi wakil di Parliment apabila berjaya menang besar dengan mendapat majoriti sebanyak 23,560 undi. Kemenangan besaryang diterima menunjukkan bahawa rakyat, khususnya pengundi Port Dickson mahukan beliau menjadi perdana menteri sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian yang disepakati oleh pemimpin Pakatan Harapan. Sebagai seorang ahli Parliment yang berpengalaman dan berpengaruh, beliau kemudian dilantik mengetuai Kaukus Pembaharuan dan Tadbir Urus Parliment. Berdasarkan persetujuan yang dicapai, Anwar Ibrahim sepatutnya mengambil alih tampuk kepimpinan negara sebagai perdana menteri Malaysia Kelapan daripada Dr Mahathir pada bulan Mei 2020, iaitu dua tahun selepas kemenangan dicapai oleh PH dalam PRU14. Namun begitu, pelantikan Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri Kelapan tidak kesampaian apabila pembelotan, pengkhianatan dan pemungkiran janji menyerlahkan wajah sebenar mereka yang selama ini mendapat tempat dalam dunia politik secara langsung atau tidak langsung melalui peranan yang disumbangkan oleh Anwar Ibrahim.

Kini terbongkar bahawa komplot yang menghalang Anwar Ibrahim daripada menjadi perdana menteri Kelapan sebenarnya didalangi sendiri oleh orang yang tidak lain dan tidak bukan ialah Dr Mahathir sendiri. Dr Mahathir yang sebelum ini menagih sokongan dengan menumpang bersama dalam arus gelombang reformasi yang diperjuangkan Anwar Ibrahim sehingga membolehkan parti PPBM yang berusia setahun jagung menggunakan logo KEADILAN untuk bertanding dalam PRU14. Hasrat Dr Mahathir yang membuatkan supaya Najib Razak dan BN dikalahkan ternyata menjadi titik pertemuan bagi dua orang pemimpin politik yang berseteru hampir dua dekad. Walaupun ramai dalam kalangan pemimpin dan penyokong KEADILAN sukar untuk penerima kepimpinan Dr Mahathir, lantaran ‘dosa-dosa’ yang dilakukan pada masa lampau, namun mereka bersedia untuk memaafkan beliau atas keperluan berpadu tenaga dan menggabung strategi bagi mengalahkan Najib Razak dan kerajaan BN.

Sebaik-baik dilantik menjadi perdana menteri, bermulalah komplot Dr Mahathir menghalang Anwar Ibrahim menjadi penggantinya. Ini dapat dikesani sejak awal apabila beliau seringkali berdolak-dalik tentang tarikh sebenar Anwar Ibrahim akan dilantik sebagai perdana menteri Kelapan. Perjanjian yang telah dibuat sebelum PRU14 tidak dipedulikannya; sebaliknya Dr Mahathir terus mengukuhkan kedudukannya demi memastikan kuasa yang dimilikinya tetap kekal dalam genggaman. Ini berbeza sama sekali dengan pendirian yang diambil oleh Dr Wan Azizah sebaik-baik sahaja PH diisytiharkan memenangi PRU 14, apabila menolak jawatan perdana menteri yang ditawarkan oleh Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V. Walaupun Dr Wan Azizah merupakan pemimpin parti yang memenangi paling banyak kerusi dan kesemua calon yang memenangi pilihan raya bertanding atas tiket KEADILAN, namun beliau menolak tawaran yang diberikan atas semangat PH. Ini adalah bagi memenuhi janji menyerahkan jawatan perdana menteri kepada Dr Mahathir dan beliau sendiri dilantik menjadi timbalan perdana menteri sebagaimana yang dipersetujui.

Sepanjang menjadi timbalan perdana menteri, walaupun merupakan Presiden kepada gabungan parti PH dan sumbangan besar

yang diberikan oleh KEADILAN dalam memenangkan PH dalam PRU Ke-14, namun Mahathir tidak menghormati kedudukan Dr Wan Azizah sebagai timbalannya apabila tidak diajak berunding dalam membuat keputusan-keputusan penting, khususnya dalam pelantikan jawatan-jawatan utama dalam kerajaan. Begitu juga dengan pelantikan menteri kabinet apabila keputusan dibuat sepenuhnya oleh Dr Mahathir dengan hanya mengambil kira pertimbangan politiknya sahaja. Dalam pelantikan menteri kabinet, Dr Mahathir merancang agenda politiknya dengan melantik pemimpin-pemimpin KEADILAN yang tidak sealiran dan memperlihatkan potensi untuk menentang Anwar Ibrahim untuk mengisi jawatan menteri dan timbalan menteri. Pendekatan pecah dan perintah dilakukan dengan melantik mereka yang dilantik mengisi jawatan ini dalam kalangan ahli parlimen KEADILAN dari kem Azmin Ali dengan Timbalan Presiden KEADILAN ini sendiri diberikan portfolio menteri yang paling kanan. Selain Azmin Ali, turut dilantik menjawat jawatan menteri adalah Zuraida Kamaruddin, Baru Bian dan lain-lain ahli Parlimen KEADILAN yang sudah mula memperlihatkan sikap ingin membina empayar politik sendiri. Melalui jawatan menteri dan timbalan menteri yang dipegang, mereka yang tidak sealiran dengan kepimpinan Anwar Ibrahim berjaya mengukuhkan kedudukan masing-masing dan cuba secara terancang berkomplot menghakis pengaruh beliau dalam parti yang dipimpinnya.

Penghakisan pengaruh politik Anwar Ibrahim melalui perancangan licik Dr Mahathir bukan sahaja melibatkan pemunggiran mereka yang dikategorikan sebagai kelompok penyokong Anwar Ibrahim, tetapi juga melalui pemberian keistimewaan ke atas ahli parlimen daripada parti gabungan yang lain yang menganggotai barisan kabinet beliau. Walaupun memenangi kerusi yang jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan KEADILAN, namun Parti Amanah (11 kerusi), Parti PPBM (13 kerusi) diberikan jawatan-jawatan penting dalam kabinet. Hampir kesemua ahli parlimen Parti Amanah (kecuali dua orang) dilantik ke jawatan menteri, dan timbalan menteri, termasuklah seorang senator yang turut dilantik menjadi timbalan menteri.

Begitu juga dengan PPBM yang turut mendapat keistimewaan di bawah pemerintahan Dr Mahathir apabila hampir sebahagian besar

ahli parlimennya dilantik ke jawatan menteri dan timbalan menteri, selain pelantikan beberapa orang senator untuk memenuhi jawatan dalam kabinet. DAP pula diberikan keistimewaan, apabila Lim Guan Eng dilantik menjawat jawatan Menteri Kewangan dengan beberapa ahli parlimen yang lain diberikan jawatan menteri kanan. Disebabkan pemberian kedudukan istimewa melalui pendekatan pecah dan perintah oleh Dr Mahathir, ketiga-tiga parti ini ada ketikanya memperlihatkan sikap berbelah bagi dalam pendirian mereka menyokong Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri Kelapan selepas dua tahun kemenangan PH. Ini disebabkan terdapat kekhawatiran dalam kalangan mereka yang dilantik sebagai menteri atau timbalan menteri akan kehilangan jawatan apabila Anwar Ibrahim dilantik menjadi perdana menteri. Dalam kalangan penyokong PPBM, seolah-olah terdapat kata sepakat menyokong supaya Dr Mahathir terus kekal menjadi perdana menteri memerintah selama lima tahun. Begitu juga dengan kem Azmin Ali dalam kabinet Dr Mahathir yang turut menyuarakan sentimen yang sama. Selain itu, terdapat dalam kalangan mereka yang menganggotai kabinet yang berhasrat supaya Dr Mahathir mengekalkan jawatannya untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun bagi membolehkan mereka yang menjawat jawatan politik layak menikmati bayaran persaraan kerana dengan memenuhi tempoh ini sahaja mereka layak menerima keistimewaan tersebut.

Ternyata ketika menjawat jawatan perdana menteri bagi kali kedua selama 22 bulan, Dr Mahathir tidak lagi mempunyai kemampuan dan aura sebagaimana dengan pemerintahannya selama 22 tahun sebelum ini ketika menjadi perdana menteri Keempat. Ketika itu, beliau mempunyai ramai penyokong setia, birokrasi yang dengan padu memihak kepadanya dan usia yang secara relatif masih mempunyai banyak kemampuan. Dengan usia yang semakin lanjut Mahathir banyak bergantung kepada nasihat dan maklumat yang diberikan oleh Tun Daim Zainudin (penasihat yang paling dipercayai) dan Zahid Mat Arip (Setiausaha politik) dalam membuat keputusan, termasuklah keputusan yang penting. Dengan bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang terbatas ini Dr Mahathir amat percaya bahawa Anwar Ibrahim sedang berkomplot untuk menjatuhkannya, walaupun

Anwar Ibrahim berkali-kali menegaskan kesetiaan dan keikhlasan serta memberi ruang sepenuhnya kepada beliau untuk mentadbirkan negara sebagai perdana menteri.

Ketika polemik dan percanggahan pandangan bila tarikh sebenar Dr Mahathir akan menyerahkan jawatannya kepada Anwar Ibrahim, akhirnya satu kesepakatan dicapai dalam kalangan pemimpin parti-parti, terutamanya Parti Amanah dan DAP supaya tempoh Dr Mahathir sebagai perdana menteri dilanjutkan sehingga selepas Persidangan Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) yang dijadualkan berlangsung pada bulan November 2020. Walaupun begitu, bila tarikh sebenar Dr Mahatir akan menyerahkan jawatan kepada Anwar Ibrahim selepas persidangan ini tidak ditetapkan dan masih menjadi tanda tanya.

## **Agenda Mahathir Mengukuhkan Dominasi Politik**

Walaupun Anwar Ibrahim merengkok di dalam penjara, termasuklah ketika Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2018, namun ini tidak menghalang beliau cakna dengan perkembangan politik negara ketika keseorangan dalam sel penjara. Ketika PH mencapai kemenangan besar pada 9 Mei 2018, beliau sedang menjalani rawatan di Bahagian Rehabilitasi, Hospital Cheras. Ketika Anwar Ibrahim berada dalam penjara saya pernah mengutus surat kepada Zahid Hamidi kerana kedudukan beliau sebagai timbalan perdana menteri dan juga sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Tujuannya bagi mendapat kebenaran beliau membenarkan saya dan Dato' Dr. Siddiq Fadzil mengunjungi Anwar Ibrahim di Penjara Sungai Buluh. Kunjungan ini bukan merupakan kunjungan biasa kerana beberapa hari sebelum keputusan Mahkamah Rayuan menolak rayuan sabitan hukuman ke atas beliau dan seterusnya di hantar ke Sungai Buluh, Anwar Ibrahim ada menyuarakan hasratnya untuk menulis pengalaman politiknya jika beliau dipenjarakan kali ini. Saya mencadangkan supaya tulisannya dijadikan sebagai sebuah kajian akademik di peringkat Doktor Falsafah dengan saya dan Dr Siddiq Fadzil menjadi penyelia. Walaupun beberapa komunikasi diusahakan, namun menteri

berkenaan memberikan pelbagai alasan yang menjadikan hasrat untuk bertemu dengan Anwar Ibrahim tidak kesampaian sehingga BN dikalahkan dalam PRU14.

Pada hari Selasa, 15 Mei 2018 kira-kira seminggu selepas PRU14, saya bersama-sama dengan Tuan Haji Ahmad Azam Abdul Rahman dan Dr Siddiq Fadzil, berpeluang bertemu dengan Anwar Ibrahim di Hospital Cheras. Dalam perjalanan memasuki ruang legar hospital, rombongan kami bertembung dengan rombongan yang terdiri daripada Gobind Singh Deo (DAP), Syed Saddiq (PPBM) dan Mohamad Sabu (Amanah) yang baru sahaja selesai berunding dengan Anwar Ibrahim yang difahamkan berkisar kepada usaha mendapatkan restu Anwar Ibrahim bagi jawatan dalam kabinet yang bakal dibentuk oleh Dr Mahathir, khususnya bagi jawatan Menteri Kewangan. Dalam pertemuan di katil hospital, Anwar Ibrahim menyatakan bahawa beliau meminta supaya cadangan melantik Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan dikaji sedalam-dalamnya terlebih dahulu kerana perlu mengambil kira sensitiviti orang Melayu. Namun begitu, ternyata Mahathir sudah membuat keputusan dan pertemuan dengan pemimpin yang mewakili PH yang dihantar ke hospital menemui beliau hanyalah sekadar memenuhi syarat sahaja. Ketika kami masih di hospital tidak beberapa lama selepas itu, Dr Mahathir muncul di kaca televisyen mengumumkan senarai anggota kabinet yang dikategorikan sebagai Menteri Kanan. Dengan pelantikan yang dilakukan ini Dr Mahathir berjaya mendapat sokongan padu daripada partinya sendiri PPBM, DAP dan Amanah yang diberikan jawatan kabinet yang penting tanpa mengambil kira pandangan Anwar Ibrahim.

Selain melantik Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan dan pemimpin DAP yang lain dalam kabinetnya, Dr Mahathir juga turut melantik Waytha Moorthy Ponnusamy sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri (Jabatan Perpaduan Negara dan Intregrasi Nasional). Bekas pemimpin HINDRAF yang mempunyai rekod pernah menimbulkan kemarahan orang Melayu kerana tuntutan yang berunsur perkauman melampau mendapat tempat dalam kabinet Dr Mahathir apabila dilantik menjawat jawatan menteri bagi mendapat sokongan masyarakat India. Selain itu, Dr Mahathir mempunyai agenda politiknya yang tersendiri dengan membuat

pelantikan ini. Selain bagi mengukuhkan kedudukan politiknya, Dr Mahathir seolah-olah sengaja melantik mereka yang mempunyai rekod pernah menimbulkan kemarahan orang Melayu ini dengan tujuan untuk menunjukkan pendiriannya yang terbuka dan jika timbul isu perkauman mereka yang dilantik inilah yang sepatutnya dipersalahkan.

Sepanjang penglibatannya dalam politik Malaysia, orang Melayu berjaya ditanamkan dengan pandangan negatif terhadap DAP. Beberapa percubaan melalui Barisan Alternatif, Pakatan Rakyat dan PH dilakukan bagi mengubah imej DAP di mata orang Melayu. Walaupun terdapat banyak kemajuan dalam mentranformasikan imej DAP di mata orang Melayu, namun secara umumnya masyarakat Melayu masih menganggap DAP masih kekal dengan faham perkauman yang tebal dengan sentimen kecinaannya. Walaupun begitu, ini tidak bermakna bahawa orang Melayu tidak menyukai orang Cina sebagai rakan kongsi mereka dalam politik. Dalam konteks politik Malaysia sejak Pilihan Raya Persekutuan Pertama pada tahun 1955 orang Melayu boleh menerima calon Cina daripada parti MCA atau Parti Gerakan. Selain itu, orang Melayu juga boleh menerima calon Cina daripada KEADILAN. Tetapi atas persepsi mempunyai fahaman perkauman yang tebal, kecuali dalam beberapa pilihan raya, orang Melayu secara umum masih sukar menerima kehadiran DAP.

Penolakan orang Melayu terhadap DAP turut disumbangkan oleh sikap dan pendirian DAP sendiri dalam beberapa isu yang menimbulkan kemarahan orang Melayu. Dalam kemelut politik yang berlaku yang membawa kepada pelantikan Muhyiddin sebagai perdana menteri Kelapan, ternyata isu yang berkaitan sikap dan pendirian DAP yang rasis turut menjadi perkara utama sehingga berlakunya penolakan terhadap partisipasi DAP dalam politik dan pentadbiran. Hampir kesemua parti, termasuk di Sabah dan Sarawak, secara konsensus menolak sebarang bentuk kerjasama dengan DAP atas alasan pernah mengalami pengalaman pahit apabila bekerjasama dengan parti tersebut. DAP sewajarnya sedar bahawa hanya KEADILAN dan Amanah serta Anwar Ibrahim sahaja secara terbuka dan konsisten menyakini kerjasama politik dengan DAP. Dalam kemelut yang berlaku adalah wajar perkara ini menjadi

pengajaran yang berguna kepada DAP supaya bermuhasabah dengan tindak-tanduk sehingga mereka ditolak. Ini termasuklah penolakan pegawai-pegawai kanan Melayu di kementerian yang dikuasai DAP atas layanan yang diberikan kepada mereka.

Ternyata dengan menjadikan isu DAP yang kedudukan mereka diperkasakan oleh Dr Mahathir di bawah pentadbirannya sepanjang 22 bulan memerintah, PH yang dibentuk selepas PRU14 telah menjadi pakatan yang tidak PPBM. Ini berlaku apabila dominasi DAP berjaya digembar-gemburkan sebagai faktor merosotnya sokongan orang Melayu kepada kerajaan PH. Bukan sahaja pembangkang berjaya memainkan isu ini, dan malahan dalam PH sendiri, terutamanya PBBM berpendirian serupa sehingga terdapatnya ura-ura supaya DAP disingkirkan daripada pakatan ini. Sebelum ini berlaku, kerajaan PH tumbang dan tidak dapat diselamatkan.

## **Harapan Kepada Pengakhiran Sebuah Pakatan**

Keghairahan memegang jawatan menteri, timbalan menteri dan jawatan-jawatan yang berkaitan politik di bawah kerajaan PH direntap dengan mengejut berikutan perletakan Mahathir sebagai perdana menteri pada 24 Februari 2020. Dengan perletakan jawatan sebagai perdana menteri, kesemua menteri, timbalan menteri dan mereka yang menjawat jawatan politik tergugur dengan sendiri daripada jawatan yang disandang. Ini merupakan sesuatu perkara yang tidak sama sekali diduga dan berlaku dalam sekelip mata.

Memandangkan kesemua mereka yang memegang jawatan politik memiliki pelbagai keistimewaan, terdapat sebahagian daripada mereka yang sudah mula menjauhkan diri daripada landasan perjuangan yang didukung selama ini. Kegiatan yang melibatkan parti semakin berkurangan kerana sibuk dengan jawatan masing-masing. Rakan-rakan yang selama ini pernah bersama-sama jatuh bangun di dalam perjuangan pula semakin diketepikan dan dilupakan. Jika sebelum ini, panggilan telefon atau mesej dibalas, walaupun adakalanya agak lewat, namun kini keadaan berlaku sebaliknya apabila masing-masing sibuk dengan jawatan. Jika sebelum ini ketika bertemu disambut dengan ramah dan mesra, tetapi kini penampilan menjadi semakin

‘keras’ kerana tidak ada masa lagi untuk melayani rakan-rakan lama, lantaran teramat sebok dan kawalan keselamatan yang semakin ketat. Peranan media sosial yang semakin penting menjadikan mereka selebriti politik yang menarik perhatian ramai sehingga berduyun-duyun ingin bergambar atau berswafoto. Kehilangan jawatan yang begitu mendadak ini meninggalkan kesan kerana sejak memegang jawatan pelbagai komitmen telah dibuat dan bagi mereka ini bukanlah suatu yang mudah untuk diatiaskan.

Pelantikan Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri Kelapan bermakna harapan untuk Anwar Ibrahim menjadi perdana menteri sudah berakhir dan jika masih berpeluang ialah dengan menjadi perdana menteri Kesembilan. Persoalan yang sering ditimbulkan mengapa terdapat begitu banyak pihak amat mencurigai Anwar Ibrahim dan cuba seboleh mungkin menghalang beliau menjadi perdana menteri. Dalam kalangan masyarakat Malaysia, terdapat beberapa kelompok yang dikenal pasti tidak mahu melihat Anwar Ibrahim menjadi perdana menteri. Kelompok ini merangkumi kumpulan yang diketuai sudah tentu oleh Dr Mahathir sendiri, golongan yang berkepentingan dalam UMNO dan kumpulan dalam PAS yang di bawah kepimpinan Haji Abdul Hadi Awang. Bagi kelompok ini mereka akan berbuat apa sahaja bagi menggagalkan usaha Anwar Ibrahim memegang tumpuk tertinggi politik Malaysia.

Faktor utama golongan ini tidak ingin melihat Anwar Ibrahim menjadi perdana menteri adalah mereka khuatir kerajaan yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim akan mengambil tindakan ke atas mereka dan membongkar salah laku yang selama ini disembunyikan. Sudah diketahui umum, sesetengah pemimpin ini, khususnya dalam kalangan UMNO memiliki kekayaan yang cukup luar biasa. Bukan sahaja mereka, anak-anak dan isteri serta ahli keluarga masing-masing turut mempunyai kekayaan yang di luar daripada kemampuan biasa. Cara hidup ramai kalangan mereka ini sejak lama dipersoalkan dan jika dibuat perbandingan amat jauh sekali perbezaannya dengan anak-anak Anwar Ibrahim. Begitu juga dengan isterinya Wan Azizah dengan penampilan yang sederhana jika dibandingkan umpamanya dengan isteri Najib Razak iaitu Rosmah Mansor.

Dalam kalangan pimpinan PAS, khususnya Haji Abdul Hadi Awang, walaupun melaungkan perjuangan yang berlandaskan Islam, namun amat tidak senang melihat kemaraan Anwar Ibrahim untuk menjadi perdana menteri. Walaupun PAS bukan daripada gabungan Pakatan Harapan, namun mereka dilihat amat ghairah mencaturkan masa depan politik negara setelah ditolak pengundi dalam PRU14. Haji Abdul Hadi Awang mempunyai alasan tersendiri mengapa beliau menolak kepimpinan Anwar Ibrahim. Kedudukan Haji Abdul Hadi Awang sebagai pemimpin gerakan Islam mewakili rantau sebelah sini sering dibayangi oleh pengaruh Anwar Ibrahim yang dilihat lebih berwibawa dan berketrampilan sebagai seorang tokoh gerakan Islam. Tokoh-tokoh gerakan Islam seperti Sheikh Ahmad al-Raysuni, Yusuf al-Qaradawi dan Recep Tayyip Erdogan merupakan rakan karib Anwar Ibrahim dan sejak sekian lama mengiktiraf kepimpinan beliau daripada Haji Abdul Hadi Awang sebagai pemimpin Gerakan Islam. Bagi kelompok ini, mereka turut bersekongkol menolak kepimpinan Anwar Ibrahim kerana mempersoalkan moral beliau sama seperti alasan yang diberikan oleh Dr Mahathir dan Najib Razak.

Selain kelompok ini, beberapa kelompok yang berpegang kepada ideologi liberal dan cenderung kepada fahaman sosialis juga menolak kepimpinan Anwar Ibrahim dan menolak usaha beliau menjadi perdana menteri. Golongan ini termasuklah Hishamuddin Rais dan Dato Ambiga Sreenevasan yang lantang mengkritik Anwar Ibrahim, meskipun sebelum ini turut merupakan mendukung PH. Bagi kelompok ini, Anwar Ibrahim dilihat tidak cukup liberal kerana cenderung mendukung fahaman Islamis. Pelantikan Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri dan kerajaan PN yang didominasikan oleh pemimpin Melayu membuka mata kepada kelompok ini bahawa untuk negara Malaysia yang diterima oleh semua pihak kepimpinan, Anwar Ibrahim merupakan yang terbaik.

# **KHIANAT DAN MUNAFIK: PEROSAK KEMURNIAN ISLAM**

*Hasri Harun*

**P**engkhianatan dalam konteks Islam bukanlah suatu yang baru. Pengkhianatan amat keji dan sangat ditolak oleh Islam. Jika kita telusuri sejarah perjuangan Rasulullah SAW, banyak episod pengkhianatan berlaku terhadap perjuangan Islam.

Khianat adalah berlawanan dengan erti amanah. Jika amanah membawa maksud melaksanakan kewajiban yang sudah disanggupi, maka khianat adalah sebaliknya iaitu sifat curang atau mengurangi, atau membatalkan sesuatu kewajiban yang disepakati. Al-Qurtubi dalam Kitab *Jami' li Ahkamil Quran* menterjemahkan makna khianat sebagai curang dan menyembunyikan sesuatu. Manakala Imam al-Zahabi dalam kitabnya *al-Kabair* mentakrifkan khianat sebagai perbuatan keji dalam segala sesuatu, namun sebahagiannya lebih buruk daripada yang lain. Contohnya orang yang berkhianat kepadamu dalam hal wang, tidak seperti orang yang berkhianat kepadamu dalam keluargamu, hartamu, dan melakukan perbuatan-perbuatan dosa yang sangat besar.

## **Khianat dan Munafik**

Menurut al-Asfahani, khianat secara terminologi mempunyai pengertian yang sepadan dengan kata *nifaq*:

Khianat satu pengertian dengan *nifaq*, namun kata khianat memiliki konotasi curang terhadap janji dan amanat, sementara nifak berkonotasi curang terhadap ajaran



agama, jadi (antara khianat dan *nifaq*) saling melengkapi makna. Dengan demikian, khianat adalah perbuatan yang menyalahi kebenaran dengan merosak ikatan perjanjian dalam keadaan tersembunyi”

Tingkat keislaman seseorang muslim tidak hanya diukur dengan tindakan-tindakan ibadah yang ia lakukan, seperti solat, puasa, zakat atau haji bagi yang mampu, Namun ia dikuatkan dengan sebuah peribadi yang ditandai dengan kesetiaan terhadap ajaran-ajaran agama Islam sehingga orang tersebut dibezakan dengan nilai dan sikap-sikap utamanya. Muslim yang baik memiliki sikap baik dalam hubungan dengan orang lain dan tidak berkhianat, namun sentiasa bersikap baik antara satu sama lain.

Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 38 yang bermaksud,

إِنَّ اللَّهَ يُدَافِعُ عَنِ الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ حَوَّانٍ كَفُورٍ

Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap seorang yang khianat, lagi tidak bersyukur.

Sayyid Quthub menerangkan bahawa sifat khianat kaum musyrikin menjadikan Allah membenci orang-orang kafir kerana mengkhianati amanat keagamaan dan tidak mensyukuri nikmat-Nya. Sesungguhnya Allah tidak menyukai kaum musyrikin Makkah dan setiap pengkhianat yang kufur nikmat walau di mana pun mereka berada. Allah juga melarang perbuatan khianat dan membela orang-orang yang melakukan perbuatan khianat. Ayat ini melarang berdebat dan membela orang-orang yang khianat. Firman Allah SWT yang bermaksud: (Surah an-Nisa': ayat 107)

وَلَا تُحَاجِلْ عَنِ الَّذِينَ يَخْتَالُونَ أَنفُسَهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ حَوَّانًا أَثِيمًا

“Dan janganlah engkau berdebat membela orang-orang yang mengkhianati dirinya. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang selalu berkhianat lagi bergelumang dosa.”

Dan janganlah engkau, wahai Muhammad demikian juga umatmu, berdebat untuk membela orang-orang yang sengaja dan terus-menerus mengkhianati dirinya. Ayat ini merupakan ancaman yang serius terhadap orang yang berkhanat. Rasulullah SAW yang tinggi kedudukannya di sisi Allah dan yang dalam kehidupan sehariannya jelas melaksanakan hak dan menjauhi khianat, juga tetap diberi peringatan. Maka bagaimana dengan selain baginda dan bagaimana pula dengan yang mengetahui kebenaran tetapi menyembunyikannya serta membantu kebatilan

Hadis riwayat Ibnu Mas'ud, Ibnu Umar dan Anas RA, bahawa Nabi SAW bersabda,

“Setiap pengkhianat nanti pada hari kiamat mempunyai sebuah bendera yang bertuliskan, ‘Inilah pengkhianatan fulan. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

## **Mengapa Manusia Sanggup Berkhanat**

Pengkhianatan memberi kesan buruk yang besar kepada masyarakat. Golongan pengkhianat wajar ditangani dan masyarakat perlu dididik agar memahami punca-punca yang mengundang kepada pengkhianatan:

### **Pertama: Keghairahan menurut nafsu**

Perlakuan pengkhianatan berpunca daripada keghairahan diri dengan nafsu. Keghairahan itu adalah perasaan tidak senang hidup melainkan setelah memperoleh perkara tersebut. Keghairahan yang tidak terkawal boleh menyebabkan manusia melanggar fitrahnya sehingga sanggup pecah amanah dan melakukan khianat tanpa rasa berdosa. Manusia sentiasa dikelilingi dengan cabaran nafsu yang selalu mempengaruhi diri dan jiwa. Keinginan manusia tidak terbatas; apabila keinginan semakin tinggi, gelojak nafsu akan semakin ghairah.

### **Kedua: Keadaan terdesak**

Sewaktu terdesak, tidak semua orang sanggup menanggung keadaan itu sekiranya ada peluang untuk melepaskan diri termasuklah dengan

melakukan perkara yang haram dan melakukan jenayah. Mungkin keadaan terdesak itu berbeza mengikut keadaan dan mengikut tahap kesusahan, namun secara umumnya, nafsu manusia cenderung untuk mementingkan diri sendiri berbanding orang lain. Apabila semakin terdesak dan tertekan, lonjakan untuk melepaskan diri semakin kuat. Dalam keadaan lemas, kita mencapai apa saja benda yg boleh menyelamatkan kita. Begitu juga manusia yang telah tercemar dirinya dengan khianat akan melakukan setiap sesuatu dengan nekad demi mencapai matlamat diri mereka. Apa jua alasan akan dibentuk untuk menjustifikasi setiap tindakan mereka.

### **Ketiga: Tunduk pada tipu daya dan bisik rayu Syaitan**

Syaitan adalah makhluk yang paling licik untuk menyesatkan manusia. Dia bukan sahaja boleh memperdaya manusia, tetapi telah berjaya memperdaya bapa manusia iaitu Adam dan Hawa. Helah yg dikemukakan oleh Iblis berjaya melentokkan Hawa dan seterusnya Adam. Sejarah perjuangan ini tidak lain untuk menilai sejauh mana kuatnya manusia dalam menghadapi ujian kesyaitanan yang memang membesar dalam dunia ini.

### **Keempat: Ego dan kegagalan memberi hujah**

Apabila manusia gagal untuk berhujah dan berhadapan secara berani, namun masih tidak berpuas hati dan tidak dapat menerima hujah berkenaan maka jalan pintas untuk berhadapan dengan situasi itu adalah dengan cara khianat, fitnah dan menjatuhkan orang.

Semua mengenali Abdullah bin Ubai merupakan ketua orang munafiq yang tidak berpuas hati apabila tidak dilantik sebagai ketua Kaum Aus dan Khazraj. Walaupun telah dipersetujui oleh kedua belah pihak untuk menjadi ketua tetapi apabila Rasulullah SAW datang ke Madinah, mereka memberi laluan pada Rasulullah SAW dan menggenepikan Abdullah bin Ubay. Kejadiannya ini telah menyebabkannya tidak berpuas hati dan berdendam sehingga banyak berbuat khianat dan memfitnah Rasulullah SAW dan orang Islam. Oleh sebab itu Islam amat menitikberatkan persoalan menyerahkan amanah kepada mereka yang benar-benar layak sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Nisa ayat 58;

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ إِنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظِّمُ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha melihat.

## **Bentuk-bentuk khianat**

Bagi memahami apakah bentuk-bentuk pengkhianatan yang berlaku dalam masyarakat maka sewajarnya kita memahami bentuk-bentuk pengkhianatan yang boleh mengundang kepada keburukan sama ada kepada individu atau organisasi. Antaranya;

### **Pertama: Melanggar Janji**

Melanggar janji adalah akhlak *mazmumah* (tercela) bukan akhlak mulia (*al-akhlaq al-karimah*), iaitu menyalahi perjanjian yang telah disepakati dengan sengaja. Janji harus ditunaikan, dan jika tidak maka ia ingkar dan yang melakukannya termasuk khianat. Muslim hakiki ialah menepati janji dan tidak ingkar janji. Firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 91 mengingatkan kita akan menepati janji;

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقِضُوا الْأَيْمَانَ إِنْ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ

Dan tepatilah janji dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu melanggar sumpah setelah diikrarkan, sedangkanmu telah menjadikan Allah sebagai saksimu (terhadap sumpah itu). Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu perbuat.

### **Kedua: Mensia-siakan Amanat**

Amanat dapat diertikan sebagai kesetiaan, ketulusan hati, kepercayaan (*tsiqah*) atau kejujuran yang merupakan lawan kepada khianat. Amanat merupakan tanggungjawab dan bila seseorang tidak menjalankan

amanat secara konsisten, maka ia adalah khianat. Siapa yang diberi amanat atau tanggungjawab dalam suatu urusan, hendaklah dijalankannya dan jangan dilanggar atau disia-sikan. Amanat mempunyai pengertian yang luas, misalnya suatu tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang atau titipan yang diserahkan kepadanya untuk diserahkan kembali kepada orang yang berhak. Amanat juga bererti kejujuran dalam melaksanakan tanggungjawab. Apabila amanat disia-sikan akan terjadi penyimpangan. Firman Allah dalam surah al-Nisa 58 kita diingatkan:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ  
إِنَّ اللَّهَ يُعْلَمُ مَا يَعْمَلُونَ

Sungguh, Allah Menyuruhmu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkan dengan adil. Sungguh, Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sungguh, Allah Maha Mendengar, Maha Melihat.

### **Ketiga: Menyembunyikan Kebenaran**

Menyembunyikan kebenaran (*al-haq*) lebih cenderung menampakkan kebatilan (*al-batil*), termasuk wujudnya khianat. Yang demikian ini merupakan pendustaan terhadap ajaran agama, yang diistilahkan dengan *al-kizb* (pendustaan), iaitu menutupi kebenaran. Menyembunyikan kebenaran boleh bermaksud pedustaan terhadap sendi-sendiri utama ajaran agama secara keseluruhan. Kebenaran yang dimaksudkan terutama yang terkait dengan keimanan, iaitu kebenaran akan adanya Allah, utusan-Nya, kitab-kitab-Nya, dan hari kebangkitan kelak. Firman Allah dalam surah al-Fathir ayat 4 menjelaskan:

وَإِنْ يُكَذِّبُوكُ فَقَدْ كُذِّبْتُ رُسُلٌ مِّنْ قَبْلِكُ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ

Dan jika mereka mendustakan engkau (setelah engkau memberi peringatan), maka sungguh, rasul-rasul sebelum engkau telah didustakan pula. Dan hanya kepada Allah segala urusan dikembalikan.

## **Kesimpulan**

Betapa besarnya keburukan terhadap mereka yang melakukan pengkhianatan sama ada kepada Allah dan Rasul atau kepada manusia. Perbuatan khianat adalah perkara yang ditolak oleh Islam. Kejujuran dan keikhlasan penting untuk membawa setiap tindakan berada dalam kerangka syarak. Manusia akan hilang maruah jika mereka tidak berpegang kepada amanah dan janji yang mereka telah tetapkan.

Mari kita renungi peringatan Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 135 akan tindakan yang wajar diambil bagi mereka yang mengkhianati amanah yang telah diberikan kepada mereka.

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاجْحَنَّ أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَعْفُرُ  
الذُّنُوبُ بِإِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا تَعَلَّمُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Dan (juga) orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menzalimi diri sendiri, (segera) mengingat Allah, lalu memohon ampun atas dosa-dosanya, dan siapa (lagi) yang dapat mengampuni dosa-dosa selain Allah? Dan mereka tidak meneruskan perbuatan dosa itu, sedang mereka mengetahui.



# KRISIS POLITIK NEGERI: ANTARA JANJI DAN KEMARUK KUASA

*Amidi Abdul Manan*

*Ab. Razak Arifin*

Perikatan Nasional adalah gabungan baru yang berjaya memecahkan gabungan PH sehingga kerajaan itu dengan rasminya tumbang pada 24 Februari 2020. Apabila meneliti ketumbangan kerajaan-kerajaan negeri yang dikuasai PH, satu kesimpulan yang jelas dapat dibuat, bagi menyatakan perbezaan asas persepkatan antara kedua-dua kerjasama politik iaitu:

1. PH adalah pemuaafakan yang berteraskan pelunasan janji atau kesepakatan antara parti-parti yang bergabung.
2. PN adalah pemuaafakan yang berteraskan survival kuasa antara parti-parti yang bergabung.

Jelas di sini perbezaan asas kerjasama antara PH dan PN. Perkara ini bukanah suatu yang mengejutkan jika kita meneliti latar belakang lahirnya pemuaafakan antara parti-parti politik dalam gabungan berkenaan. Bagi menjelaskan lagi premis ini maka eloklah kita meneliti satu-persatu negeri atau lebih tepat lagi kerajaan negeri yang terkesan langsung daripada krisis politik 2020.

Negeri-negeri yang dilihat terkesan dengan teruk adalah negeri-negeri yang dikuasai PH terutamanya yang bermenteribesarkan Parti Peribumi Malaysia atau Parti PPBM. Terdapat tiga negeri yang ketuai oleh Parti PPBM iaitu Johor, Perak dan Kedah. Melaka juga turut terkesan apabila dua ADUN daripada DAP dan KEADILAN memilih untuk keluar parti dan menjadi ADUN Bebas menyokong PN. Bagi meneliti kesan terhadap negeri-negeri tersebut maka eloklah jika kita berbincang secara khusus setiap negeri yang terbabit.

## Johor

Johor Darul Takzim merupakan Kerajaan Negeri PH yang pertama tumbang setelah semua ADUN Parti PPBM mengumumkan keluar daripada PH dan membentuk pemuaafakatan politik baharu bersama PN. Secara rasminya Kerajaan PH di Johor terbubar pada 24 Februari 2020.

Sebelum itu Dato' Dr Sahruddin Jamal, ADUN Bukit Kepong merupakan Menteri Besar daripada Parti PPBM yang kedua, yang menggantikan Dato' Osman Sapian, ADUN Kempas. Kerajaan PH membentuk Kerajaan Negeri Johor dengan memperoleh 36 kerusi Dun manakala BN memperoleh sembilan kerusi dan PAS mendapat 1 kerusi sahaja.

Dato' Haji Hasni Mohammad, ADUN Benut telah dilantik apabila mendapat perkenan DYMM Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, setelah dipercayai telah memperolehi sokongan majoriti ADUN di Dewan Undangan Negeri Johor dengan PN 28 kerusi manakala PH hanya mempunyai 26 kerusi DUN..

Peralihan jawatan Menteri Besar daripada Parti PPBM kepada UMNO yang mewakili BN adalah disebabkan parti itu mempunyai kerusi terbanyak di DUN iaitu 19 kerusi. Walaupun wujud sedikit kekurangan apabila Mazlan Bujang ADUN Puteri Wangsa tidak hadir bersama dengan ADUN Parti PPBM yang lain ketika dititahkan mengadap DYMM Sulatan Ibrahim, Sultan Johor.

Beliau menegaskan bahawa beliau tidak sempat bersama dengan ADUN Parti PPBM yang lain kerana bertemu dengan Dr Mahathir bagi mendapatkan penjelasan tentang situasi politik terkini. Mazlan Bujang merupakan Pengerusi Parti PPBM Negeri Johor.

Sebenarnya, ketika ini pergolakan di peringkat nasional masih belum benar-benar selesai. Mazlan Bujang telah mengadap Sultan Johor pada sebelah malam. Seorang lagi ADUN yang tidak hadir adalah Salahudin Ayub yang mewakili Parti Amanah. Namun beliau telah menyatakan sokongan beliau terhadap PH.

Setelah barisan Exco Kerajaan Negeri Johor diumumkan, timbul pula rasa tidak puas hati dalam kalangan pimpinan PAS apabila ADUN

PAS tidak dilantik sebagai Exco Kerajaan Negeri Johor pimpinan UMNO. PAS hanya mempunyai satu kerusi iaitu DUN Bukit Pasir yang diwakili oleh Najib Lep. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa kerjasama antara parti dalam PN lebih berasaskan kuasa dan jawatan politik.

## **Melaka**

Pergolakan di Melaka agak menarik. Kerajaan PH dapat bertahan selama beberapa hari selepas majlis angkat sumpah perdana menteri pada 1 Mac 2020. Ia belaku kerana tiada pihak yang mampu meyakinkan TYT bahawa mereka mempunyai sokongan majoriti ADUN.

Pada 29 Februari 2020, dua orang ADUN Parti PPBM telah menyatakan untuk membentuk kerjasama dengan BN Melaka. Mereka adalah Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen (Paya Rumput) dan Datuk Noor Effandi Ahmad (Telok Mas). Namun pada ketika ini kedudukan PH dan BN-PPBM terikat masing-masing dengan 13 kerusi DUN. Timbul tanda tanya bagaimana perkara ini harus diselesaikan. Pada 2 Mac 2020, Adly Zahari telah menghadap TYT Melaka bagi mencadangkan agar Dewan Undangan negeri Melaka dibubarkan kerana keadaan yang tidak stabil.

Pada hari yang sama, dua ADUN Melaka masing-masing daripada Parti DAP dan KEADILAN telah mengumumkan keluar daripada parti masing-masing dan menjadi ADUN Bebas. Meraka ialah Datuk Muhammad Jailani Khamis (Rembia) dan Datuk Norhizam Hassan Baktee (Pengkalan Batu). Mereka juga mengumumkan untuk menyokong PN. Pada ketika ini Kerajaan PH Melaka dengan rasminya tumbang berikutan kekurangan jumlah kerusi majoriti di DUN Melaka.

Namun kemelut di Melaka tidak semudah kemelut di Johor. Ini kerana Parti PPBM Melaka menginginkan jawatan Ketua Menteri Melaka menjadi milik mereka. Ia membuka lembaran baru dalam pertelingkahan antara UMNO dan PPBM. Pertelingkahan ini sampai kepada kemuncaknya apabila PN memutuskan hubungan atau dengan kata lain menyingkirkan ADUN PPBM daripada gabungan. Kini ADUN PPBM tersebut menjadi ADUN Bebas.

Pertelingkahan UMNO dan PPBM di Melaka berterusan apabila kedua-dua parti mencadangkan nama yang berbeza sebagai Ketua Menteri. Keadaan yang rumit ini memaksa Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Presiden UMNO untuk campur tangan dan turun ke Melaka.

Beliau mengadakan pertemuan dengan pimpinan UMNO Melaka dan mengadap TYT Melaka pada 4 Mac 2020. Perbalahan ini menyebabkan upacara angkat sumpah terpaksa ditangguhkan dari 6 Mac 2020 ke 9 Mac 2020. Beliau juga mengadakan pertemuan dengan ADUN UMNO Melaka. Akhirnya pihak TYT mengumumkan YB Datuk Sulaiman Md Ali (Lendu) daripada UMNO sebagai Ketua Menteri Melaka yang baharu.

Bil.	Parti	Kerusi
1	Pakatan Harapan	11
2	Muafakat Nasional (BN + PAS)	13
3	Bebas yang menyokong Muafakat Nasional	2
4	Bersatu (Bebas)	2

#### *Kedudukan Dun Melaka*

## **Perak**

Kerajaan PH di Perak secara rasminya masih bertahan sehinggalah Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (Chenderiang) menyatakan bahawa beliau bersama-sama dengan Datuk Zainol Radzi (Sg. Manik), Datuk Abdul Yunus Jamhari (Kuala Kurau) dan Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi (Tualang Sekah) menyatakan sokongan kepada Perikatan Nasional. Serentak dengan itu Ahmad Faizal Azumu meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Perak. Perletakan jawatan beliau tidak terhenti setakat itu sahaja. Beliau juga menyembahkan kepada DYMM Sultan Perak, bahawa beliau adalah calon PN bagi jawatan MB Perak.

Tanpa diduga UMNO mengadap DYMM Sultan Perak selepas itu dengan menyembahkan calon MB Perak daripada pihak mereka. UMNO mencadangkan ADUN Kota Tampan iaitu Dato' Shaarani

Mohd yang juga merupakan Pengerusi Perhubungan UMNO Perak. PAS pula mencadangkan Pesuruhjaya PAS Perak iaitu Razman Zakaria ADUN Semanggol sebagai calon MB.

Pada 13 Mac 2020, jam 3:00 petang, Ahmad Faizal Azumu mengangkat sumpah jawatan MB Perak kali ke-13 setelah Baginda Sultan Perak berpuas hati mengenai jumlah majoriti sokongan ADUN kepada beliau.

## **Kedah**

Di Kedah kerajaan PH bersama PPBM masih bertahan sehingga artikel ini ditulis. Tiada perubahan seperti yang digembar-gemburkan. Terdapat khabar angin Mukhriz Mahathir akan beralih arah dengan menerima tawaran jawatan timbalan perdana menteri dan melepaskan jawatan MB Kedah. Namun sehingga kini masih belum jelas siapa yang akan menggantikan beliau kerana dilihat PAS sememangnya berminat dengan jawatan MB Kedah ini kerana mempunyai 15 kerusi Dun manakala UMNO hanya memeliki dua kerusi.

## **Negeri Sembilan**

Kerajaan PH di Negeri Sembilan juga sebenarnya belum benar-benar selamat. Dengan majoriti kecil iaitu hanya empat kerusi, pelbagai perkara boleh berlaku. Dato' Seri Aminuddin Harun terus berusaha untuk mempertahankan kerajaan PH. Kerajaan PH akan jatuh sekiranya ada tiga ADUN yang melompat parti lalu menghapuskan majoriti yang diperolehi oleh Kerajaan PH Negeri Sembilan.

<b>Bil.</b>	<b>Parti</b>	<b>Jumlah Kerusi</b>
1	BN	16
2	KEADILAN	6
3	AMANAH	3
4	DAP	11

*Kedudukan DUN Negeri Sembilan*

## Pulau Pinang

Kerajaan PH Pulau Pinang dilihat stabil kerana majoriti besar berada bersama PH. PH mempunyai 37 kerusi (DAP 19, KEADILAN 14, PPBM 2, Amanah 2) manakala pembangkang pula hanya mempunyai tiga kerusi, satu kerusi PAS dan dua kerusi BN.

Namun Dr Afif Bahardin meletakkan jawatan Exco Kerajaan Pulau Pinang. Tiada alasan jelas yang diberikan, namun beliau menyatakan perletakan jawatan itu dibuat setelah bertemu dengan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

## Selangor

Majoriti PH di Selangor adalah melebihi dua pertiga. Pembangkang di Selangor hanya ada enam kerusi iaitu lima kerusi UMNO dan satu kerusi PAS daripada 56 kerusi DUN Selangor.

Namun setelah terbentuknya kerajaan PN di peringkat persekutuan, Kerajaan PH Selangor telah menyingkirkan kesemua lima ADUN PPBM. Namun empat orang ADUN PPBM telah kembali menyokong PH dan tinggal hanya seorang iaitu Datuk Abdul Rashid Bin Asari (Selat Klang) yang bersama dengan pembangkang di Selangor.

Bil.	Parti	Kerusi
1	Pakatan Harapan	KEADILAN
2		DAP
3		AMANAH
4		BERSATU
5	Muafakat Nasional	UMNO
6		PAS

*Kedudukan Dun Negeri Selangor*

## **Kemaruk Kuasa**

Secara jelas hujah-hujah yang dikemukakan oleh pimpinan UMNO sama ada di peringkat negeri maupun di peringkat nasional adalah jumlah kerusi yang dikuasai mengikut parti yang bergabung dalam PN. Datuk Seri Abdul Rauf Yusoh, Pengurus Perhubungan UMNO Melaka mendakwa bahawa UMNO sewajarnya memegang jawatan Menteri Besar atau Ketua Menteri kerana jumlah kerusi yang dimiliki oleh UMNO melebihi jumlah kerusi PPBM.

Ini secara langsung memberi tekanan kepada Presiden PPBM iaitu Muhyiddin Yassin yang ditempelak secara berdepan oleh pimpinan UMNO walaupun beliau merupakan perdana menteri. Babit awal pergeseran telah kelihatan apabila Presiden UMNO, Zahid Hamidi telah turun ke Melaka, bertemu dengan pimpinan UMNO Melaka dan seterusnya mengadap TYT Negeri Melaka, tanpa menghiraukan permintaan Muhyiddin Yassin agar Rafiq dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka yang baharu.

Kejadian di Perak juga memperlihatkan situasi yang serupa. Walaupun pada akhirnya Ahmad Faizal Azumu dikekalkan sebagai Menteri Besar Perak tetapi tindakan UMNO dan PAS yang mencalonkan ahli masing-masing bagi jawatan Menteri Besar Perak dilihat sebagai tidak menghormati kedudukan Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri dan Presiden Parti PPBM.

Perkara sebegini tidak terjadi sewaktu bersama pentadbiran PH. Terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan semangat setiakawan antara parti dalam PH iaitu:

1. Perlantikan perdana menteri: Dilaporkan dalam pelbagai media bahawa Dr Wan Azizah mengakui bahawa beliau telah ditawarkan jawatan perdana menteri memandangkan beliau adalah Presiden PH secara rasmi.
2. Menteri Besar Perak: Kedudukan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti dalam Pakatan Harapan, setelah PRU14 adalah tiga kerusi KEADILAN, satu kerusi PPBM, tujuh kerusi DAP dan dua kerusi Amanah. Jika dilihat jumlah kerusi sudah tentu DAP lebih layak memandangkan jumlah kerusi DAP adalah yang terbanyak berbanding parti lain dalam PH.

3. Menteri Besar Kedah: Di Kedah, PPBM hanya mampu memenangi lima kerusi berbanding dengan KEADILAN lapan kerusi, manakala Amanah dua kerusi dan DAP pula dua kerusi.
4. Jawatan Menteri Kabinet: Walaupun gabungan KEADILAN dan DAP membentuk 73.6 peratus daripada jumlah kerusi Parlimen kerajaan PH, namun jumlah anggota kabinet daripada kedua-dua parti itu hanya 50 peratus sahaja. Selebihnya iaitu 50 peratus lagi adalah daripada PPBM dan Amanah walaupun hanya membentuk 26.4 peratus jumlah kerusi Kerajaan PH.

Sikap UMNO selaku parti yang terbesar dalam Perikatan Nasional memang terserlah dari awal lagi. Ini dapat dilihat di Johor dan juga Melaka apabila UMNO secara terang-terangan mengetepikan ADUN PPBM. Sikap ini juga terserlah di peringkat pusat apabila rasa tidak puas hati disuarakan oleh Timbalan Presiden UMNO, Mohamad Hasan, bahawa lantikan kabinet memberi keuntungan yang besar kepada PPBM dan blok Azmin Ali sama ada dari sudut jumlah mahupun kepentingan kedudukan jawatan kabinet tersebut.

## Masa Depan PN

Tarikh rasmi penubuhan PN adalah kabur. Ada yang menyatakan ia bersamaan dengan tarikh angkat sumpah Perdana Menteri ke-8 iaitu pada 1 Mac 2020. Kekaburan dari sudut pentadbiran, pengurusan dan penyelarasan PN diakui sendiri oleh Tan Sri Annuar Musa, Setiausaha Agung UMNO. Beliau juga menyatakan bahawa tertubuhnya PN bukanlah melalui perancangan yang rapi.

Oleh yang demikian adalah sesuatu yang terlalu awal untuk kita memperkatakan tentang kekuahan gabungan ini. Secara jelasnya ia tertubuh untuk menjatuhkan kerajaan PH dan sekaligus menghalang Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri Malaysia seperti yang dijanjikan dalam manifesto PH ketika PRU 14.

Kelangsungan PPBM dalam PN juga adalah sesuatu yang kritikal. Jika UMNO berterusan mengambil pendirian bahawa jumlah kerusi menentukan penguasaan sesebuah parti dalam kerajaan, maka secara jelas PPBM akan menjadi parti minoriti dan diketepikan. Tambahan

pula pergeseran yang berterusan antara kem Dr Mahathir dan kem Muhyiddin Yassin akan memberikan kesan yang buruk terhadap PPBM. Pengumuman Mukhriz Mahathir untuk mencabar Muhyiddin Yassin bagi jawatan Presiden PPBM jelas menampakkan keretakan dalaman PPBM.

## **Implikasi Krisis**

Kita dihidangkan dengan suatu krisis yang tidak pernah berlaku dalam era moden politik Malaysia. Pergeseran ini mengasak sehingga ke tahap maksimum kuasa dan pertimbangan YDPA serta kebijaksanaan dan kecekapan tiga pihak iaitu ahli legislatif, eksekutif dan kehakiman dalam menangani kemelut politik ini. Ini suatu pendedahan betapa setiap pihak sememangnya mempunyai peranan yang penting bagi melaksanakan pentadbiran demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan di Malaysia. Ia juga memperihalkan keutuhan konsep federalisme antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Percaturan strategi dan permainan politik ini walau bagaimanapun menimbulkan kebosanan dan kekecewaan rakyat terhadap sikap para pemain politik negara. Jelas terlalu banyak perkara yang perlu diberi tumpuan daripada sibuk membicarakan ‘survival’ politik masing-masing. Para politikus ini sanggup menyeret negara ke kancang perpolitikan melampau yang meragut masa dan daya usaha memajukan negara.

Adam Smith menulis dalam bukunya *Theory of Moral Sentiments* (1759) menekankan bahawa manusia obses dengan perhatian dan pengiktirafan daripada orang ramai terhadap kekuatan atau kelebihan dirinya. Jika mereka adalah golongan hartawan maka mereka akan mencari perhatian dengan memamer harta dankekayaan mereka. Begitu juga dengan ahli politik yang suka mempamerkan kuasa dan pengaruh yang mereka ada.

Dalam konteks percaturan politik Malaysia terdapat suatu obsesi dalam setiap kelompok dalam mempamerkan pengaruh masing-masing. Sikap Dr Mahathir sendiri sukar difahami kerana beliau meletakkan jawatan perdana menteri tetapi meminta agar dirinya dicalonkan dan dilantik sekali lagi sebagai perdana menteri dalam

usia yang sangat lanjut. Sesetengah pemerhati berpendapat beliau seolah-olah mahu agar namanya terpahat sebagai ahli politik yang handal dalam memanipulasikan sistem kenegaraan Malaysia dengan segala helah dan muslihat. Ramai juga yang berpandangan bahawa krisis ini masih belum benar-benar tamat kerana ia diperpanjang dengan pemilihan kepimpinan dalam Parti PPBM pada Jun 2020 dan Sidang Dewan Rakyat yang dijadualkan pada 18 Mei 2020.

Sementara menantikan kesudahan krisis ini beberapa kesimpulan awal boleh kita buat, antaranya:

1. Masa depan PN masih kabur kerana struktur pemuaafakan ini masih belum jelas.
2. Pemuafakan dalam PN hanyalah semata-mata kerana kuasa dan jawatan politik tanpa asas yang cukup jelas.
3. Pertembungan antara PPBM dan UMNO boleh menggoncangkan kestabilan PN sekaligus kerajaan; sama ada di peringkat nasional maupun negeri.
4. Perpecahan dalaman PPBM mampu menggoncang kestabilan kerajaan.
5. Terdapat perbezaan yang jelas antara PH dan PN dalam membentuk pemuaafakan.

## **Penutup**

Ketamakan kuasa dan kerakusan politik yang dipamerkan pada hari ini adalah menifestasi kemunafikan jati diri dan kebobrokan akal budi atas nama demokrasi. Penguasa yang mabuk kuasa dan pemimpin pilihan rakyat yang mengkhianati mandat rakyat adalah satu gambaran yang dinukilkan oleh Dato' Dr Siddiq Fadzil sebagai orang yang menafikan hak dan martabat kemanusiaan rakyat hanya dilayani sebagai makhluk kerdil yang tidak berhak untuk mempunyai sebarang hak; mereka hanya boleh mengharap kurniaan orang atasan tetapi tidak boleh menuntut apa-apa termasuk Keadilan. Inilah gambaran kemelut yang berlaku kini.

Rakyat hanya menjadi penonton yang dibisukan, melihat gelagat pemabuk kuasa yang rakus mengoyak mandat rakyat dan mereka lebih berminat untuk menjadi penguasa daripada menjadi pemimpin. Ada penguasa yang sekaligus pemimpin; ada pemimpin yang tiada kuasa dan ada penguasa yang tidak memimpin. Penguasa sentiasa sibuk dengan kuasa yang dimiliki dan berusaha untuk memonopoli kuasa sementara pemimpin sibuk dengan kepimpinan dan yang dipimpinnya. Ini semua tergantung dengan nilai yang tertanam dalam jiwa dan sanubari seseorang pemimpin itu.



# **MENGKHIANATI MANDAT RAKYAT ATAU MENJAGA KESTABILAN NEGARA**

*Hasri Harun*

Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan sulungnya sebagai perdana menteri menyebut bahawa beliau menawarkan diri sebagai PM adalah untuk menyelamatkan negara daripada ketidakstabilan. Menurut beliau, tindakannya bukan suatu pengkhianatan kerana beliau bersama-sama dengan pemimpin PPBM keluar daripada PH untuk bersama-sama dengan pakatan baru bagi memastikan politik negara berada di landasannya.

Betul atau tidak kenyataan ini, Muhyiddin Yassin sahaja yang mengetahui. Saya tidak berhajat untuk membuat tafsiran sendiri apakah benar tujuan ini atau ada tujuan lain. Hanya Allah yang Maha Mengetahui. Sebagai peneliti dan sebagai rakyat Malaysia kewajaran yang disebut oleh beliau menimbulkan tandatanya.

Jika benar beliau ingin mempertahankan kestabilan negara kenapa harus bersama-sama kumpulan pakatan lain untuk membina negara? Bukankah ketika perkara ini berlaku tim yang diketuai oleh beliau adalah pakatan dalam kerajaan? Dan bukankah sudah ada ketetapan yang diputuskan bersama-sama? Adakah ini sebenarnya berlaku dengan tiba-tiba atau memang telah ada perancangan sulit untuk keluar daripada pakatan sedia ada lalu meruntuhkan kerajaan yang telah diberi mandat pada PRU14 lalu?

## **Agenda Melayu Islam?**

Pembentukan pakatan baru dikatakan sebagai langkah untuk mengembalikan kepimpinan Islam dan Melayu. Kenyataan ini

sememangnya menjadi tandatanya. Apakah pemimpin politik Melayu Islam ini sengaja untuk memainkan isu perkauman dalam konteks pembinaan politik negara? Apakah kita masih lagi berada dalam tahun 60-70-an dalam konteks negara bangsa. Pemimpin Melayu di negara ini nampaknya terperangkap dengan proses pembinaan negara dan sentiasa terbelenggu dengan sentimen pertembungan budaya dan perkauman. Sikap sedemikian bukan sahaja merugikan bangsa masalah negara.

Cuba fikirkan bagaimana pemimpin Melayu di negara ini masih berada dalam kepompong perkauman? Demi mencapai matlamat sesuatu kaum, mereka membina pertembungan dengan kaum lain dan menggunakan sentimen perkauman untuk memperjuangkan hak mereka. Sepatutnya dalam konteks negara bangsa bukanlah dengan menggadaikan hak dan masa depan bangsa tetapi berusaha untuk hidup bersama-sama dalam masyarakat majmuk negara ini.

Ada kalangan pemimpin Melayu Islam selalu berfikir mengapa kita harus memberi muka kepada kaum lain, inikan negara Malaysia, orang Melayu ketua negara ini? Begitulah antara pemikiran sesetengah pemimpin. Paling menyedihkan apabila ada yang sanggup mengeluarkan kata-kata kesat semata-mata mempertahankan hak masing-masing. Pada saya bukanlah maknanya kita tidak boleh mempertahankan hak orang Melayu namun hak-hak kaum lain juga tidak wajar diketepikan begitu sahaja. Negara ini mempunyai peraturan dan undang-undang. Mana mungkin setiap tindakan hanya berpaksi kepada sentimen dan emosi yang tidak berkesudahan. Di manakah cara untuk kita hidup bersama dengan rasa hormat-menghormati jika sentimen perkauman terus dimainkan?

## **Hidup Bersama dalam kepelbagaian**

Hakikatnya kita hidup atas realiti dan bukan sentimen dan semangat yang tidak berkesudahan. Kalau bangsa Melayu sekadar berfikir untuk hidup dalam kalangan orang Melayu mana mungkin secara realitinya dapat dilaksana. Hidup bersama ini bukan bermakna menggadai nilai dan jati diri tetapi mengangkat sikap saling hormat, saling memahami dan tidak menimbulkan pertelingkahan sesama kaum. Apalah

untungnya jika pertembungan kaum, budaya dan agama berlarutan walhal kita duduk di bawah bumbung yang sama.

Mencari titik persamaan dibawah bumbung Malaysia ini tidaklah bermakna menggadai nilai bangsa tetapi mencari persamaan untuk duduk menghormati dan melakukan sesuatu mengikut undang-undang. Mana mungkin bangsa Melayu yang kuat akan di hormati oleh bangsa-bangsa lain jika orang Melayu tidak memperlihatkan sikap yang baik kepada bangsa lain. Disini kita harus berfikir. Kita bertempik untuk mempertahankan masa depan negara tetapi hakikatnya sikap membina tembok pemisah antara kaum dan bangsa juga menjadi matlamat sesetengah pemimpin.

## ***Agenda Rahmatan Lil Alamin***

Islam yang dijadikan pegangan sepenuhnya oleh orang Melayu adalah agama kesejahteraan dan tidak sewajarnya digambarkan sebagai agama kekerasan dan kekasaran. Malangnya banyak tindakan orang Islam tidak melambangkan sifat sejahtera bukan sahaja kepada orang Islam lain malah kepada orang bukan Islam juga.

Oleh sebab sifat yang dilambakkan dengan pemikiran politik yang sempit dan berkepentingan diri maka sifat Islam yang *rahmah* itu terkorban. *Rahmah* kepada orang Islam dianggap oleh sesetengah pihak sebagai sikap dan fahaman liberal. Mana mungkin *Rahmah* jika membiarkan golongan liberal ini berleluasa? Inilah antara justifikasi menentang agenda *Rahmah* ini. Memang hakikatnya dalam negara pelbagai kita akan berdepan dengan kelompok anti Islam, tetapi tidaklah menjadi sebab untuk kita terus menolak hakikat kesejateraan dan bagaimana dakwah juga wajar ditampilkannya dengan nilai dan bentuk sejahtera dan *rahmah*.

Rasulullah SAW telah menunjukkan pelbagai cara untuk menangani sesuatu masalah mengikut situasi yang dihadapi baginda. Adakala baginda bersikap keras dan adakala baginda mengambil pendekatan yang lembut. Di sinilah cabaran kerajaan pada hari ini iaitu bagaimana untuk mendepani cabaran-cabaran ini. Semoga tidak ada sentimen ini dibakar demi mencapai matlamat politik sempit.

Hakikatnya, apa pun yang berlaku kerajaan hari ini harus melihat kembali bagaimana memimpin sebuah negara dengan pelbagai cabaran dalam pelbagai bidang. Apa-apa yang dilaksanakan untuk membawa agenda kesejahteraan akan dinilai oleh rakyat sama ada tindakan pemimpin benar-benar dilakukan mengikut lunas akhlak dan peraturan. Justeru mandat rakyat yang diberi pada PRU14 tidak boleh dikhianati. Pemimpin-pemimpin kerajaan yang berada di tumpuk pemerintahan dan pentadbiran telah dipilih oleh majoriti rakyat mengikut wadah dan parti tertentu. Jadi, tentulah tidak wajar jika pemimpin-pemimpin ini beralih wadah untuk mencapai agenda dan kepentingan masing-masing tanpa memikirkan rakyat yang memilih mereka.

# **KEMELUT POLITIK PAKATAN HARAPAN: PERSPEKTIF KAUM BUKAN MELAYU**

*Ng Ming Yip*

**P**erubahan kerajaan hasil PRU14 adalah suatu harapan yang sangat dinantikan bukan sahaja oleh masyarakat Cina tetapi juga semua kaum di Malaysia. Sebanyak 95% orang Cina bersepakat membuang undi untuk menyokong pakatan pembangkang dalam keadaan undi orang Melayu terpecah kepada tiga. Faktor pengundi kaum Cina telah menjadi penentu yang penting dalam penumbangan rejim sedia ada.

Bab ini menilai respons kaum bukan Melayu khususnya Cina dan India terhadap beberapa isu seperti persoalan tentang UEC dan Tulisan Jawi yang menjadi perdebatan hangat dalam kalangan pelbagai kaum. Selain itu, bab ini juga menganalisis respons kaum bukan Melayu terhadap kemelut politik ini sebagaimana yang diungkapkan oleh media tempatan bukan Melayu.

## ***Unified Examination Certificate***

Kerajaan PH di bawah Dr Mahathir Mohamad melantik lebih banyak jawatan Kabinet dalam kalangan bukan Melayu (38%). Masyarakat Cina umumnya memberi respons positif kepada langkah Dr Mahathir dengan harapan beberapa isu besar melibatkan kepentingan mereka dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, DAP sebagai wakil majoriti masyarakat Cina dilihat tidak memberi respons yang terbaik kepada masyarakat Cina dalam beberapa isu kepentingan masyarakat Cina terutamanya pengiktirafan *Malaysia Unified Examination Certificate* (UEC) atau Sijil Peperiksaan Bersama.

Sebagai usaha kerajaan PH untuk menunaikan janji manifesto mengenai UEC. Mesyuarat Kabinet pada 29 Ogos 2018 telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji pelaksanaan UEC. Walau bagaimanapun, laporan oleh jawatankuasa khas sekali lagi ditunda sehingga mungkin akan terhenti sendiri dengan berlakunya perubahan kerajaan. Sebenarnya isu UEC sangat rumit. Ini bukan soal akademik semata-mata tetapi merangkumi elemen politik. Dalam isu UEC ini, PH perlu bertindak dengan berhati-hati kerana persoalannya bukan sahaja tentang patut atau tidak patut, tetapi ia juga perlu mengambil kira respons, sentimen dan persepsi masyarakat Melayu.

DAP sebelum menjadi kerajaan berjanji akan terus mengiktiraf UEC selepas kemenangan, dan Persatuan Cina Malaysia (MCA) terus menjadi bahan ejekan serta kritikan masyarakat Cina atas sebab tidak dapat menyelesaikan isu ini semasa berada dalam kerajaan. Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan bahawa pengiktirafan UEC perlu mengambil kira perasaan masyarakat Melayu, dan Bekas Menteri Pendidikan Maszlee Malik memaklumkan kerajaan PH perlu mengambil masa lima tahun untuk mengkaji pengiktirafan UEC.

Isu ini mendapat perhatian serius dalam kalangan masyarakat Cina kerana soal pendidikan merupakan antara perkara yang sangat penting bagi mereka. Kegagalan mana-mana parti politik Cina menguruskan isu ini akan menerima kesan dari segi sokongan undi dalam pilihan raya. Namun demikian, isu ini sangat sensitif dan jika tidak diuruskan secara bijaksana, konflik yang berpanjangan akan berlaku sehingga menjelaskan keharmonian kaum.

## **Tulisan Jawi**

Disebabkan DAP tidak dapat memainkan peranannya untuk menangani penolakan orang Cina dan menyelesaikan isu yang timbul akibat pengenalan tulisan jawi, sekali lagi DAP menjadi sasaran untuk kemarahan dan kritikan. Dalam PRK pada bulan November 2019, Datuk Seri Dr Wee Jeck Seng yang mewakili MCA menang dengan majoriti lebih daripada 15,000 undi. Isu tulisan jawi dilihat menjadi faktor penting dalam PRK tersebut. DAP dalam situasi “dibelasah”,

tidak mampu bertindak balas. Isu yang telah dimanipulasikan oleh orang politik ini secara tidak langsung menyebabkan sokongan masyarakat Cina kepada DAP menurun.

Pengkhianatan yang terjadi ada sebahagian besarnya merupakan tanggungjawab Dr Mahathir. Beberapa tindakan dalam politik negara secara tidak langsung menyumbang kepada kemerosotan sokongan PH. Ini termasuk kerjasama UMNO dengan PAS melalui penubuhan Muafakat Nasional yang menengahkan kerjasama politik orang Melayu Islam. Masyarakat Melayu mendakwa kerajaan PH dikawal oleh DAP dan Dr Mahathir tunduk kepada parti Cina. Krisis dalam KEADILAN juga menyumbang kepada persepsi pengundi. DAP dilihat terus berada dalam keadaan terbawah. Parti ini tidak mendapat tempat dalam hati masyarakat Melayu selepas pelbagai isu perkauman dimainkan, malah masyarakat Cina sendiri juga marah dan mengkritik secara terbuka parti yang disokong mereka sebelum ini.

## **Respons Media Berbahasa Cina**

Sepanjang tempoh krisis yang dicetuskan bermula dengan Langkah Sheraton, pelbagai parti politik kaum Cina melalui pemimpinnya telah memberi pelbagai respons seiring dengan perkembagaan politik semasa. Melalui tinjauan di pelbagai platform media termasuk media sosial dan media perdana elektronik, umumnya respons masyarakat Cina terhadap krisis yang berlaku boleh dirumuskan seperti berikut:

- Dr Mahathir adalah antara faktor utama menyebabkan krisis yang berlaku dan ketidaktentuan politik negara.
- Anwar Ibrahim harus diberi peluang untuk menjadi perdana menteri seperti yang dijanjikan dalam PH bagi menghentikan segala krisis yang berlaku.
- Menolak kerajaan pintu belakang yang cuba dibentuk dengan mengkhianati mandat rakyat.
- Pengkhianatan yang dilakukan oleh beberapa pemimpin politik sebagai politik tidak bermoral.

- Mandat harus dipulangkan kepada rakyat untuk memilih semula kerajaan.
- Tidak peduli apa yang berlaku, berikan fokus kepada isu ekonomi dan penyakit sosial.
- Kebimbangan wujudnya pemerintah baharu yang didominasi oleh satu parti politik atau ideologi.

Berdasarkan rumusan di atas, masyarakat bukan Melayu boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan dengan fahaman berbeza, iaitu:

- (i) Kumpulan yang menolak krisis .
- (ii) Kumpulan yang menyokong perubahan kerajaan .
- (iii) Kumpulan yang tidak ambil peduli.

Kumpulan yang menolak krisis adalah mereka yang mengcam tindakan beberapa pemimpin politik yang mencetuskan krisis politik ini dan mengelar mereka ini sebagai pengkhianat kepada mandat rakyat. Kumpulan ini adalah kumpulan majoriti dalam masyarakat Cina. Majoriti mereka yang menyokong perubahan kerajaan adalah daripada kalangan ahli parti gabungan blok pembangkang. Manakala terdapat juga segelintir masyarakat bukan Melayu yang tidak ambil kisah apa yang berlaku kerana mereka lebih mementingkan keadaan ekonomi yang merosot, penularan penyakit Covid-19 dan isu sosioekonomi yang lain.

## **Respons DAP**

DAP melalui Setiausaha Agung YB Lim Guan Eng pada 24 Februari 2020 mengeluarkan kenyataan mengutuk perbuatan khianat beberapa pemimpin dan Ahli Parlimen PH yang mencuba untuk menubuhkan kerajaan melalui pintu belakang bagi menggantikan kerajaan sedia ada yang dipilih secara demokratik. DAP menyifatkan tindakan khianat ini sebagai manipulasi politik yang telah menjelaskan usaha kerajaan untuk menangani isu ekonomi dan kos sara hidup yang sedang dihadapai oleh rakyat Malaysia. Dalam situasi ini, DAP memuji pegangan berprinsip Dr Mahathir untuk menolak kerjasama dengan

UMNO atas alasan pemimpin UMNO terbabit dengan amalan-amalan rasuah yang telah menyebabkan Malaysia dilabelkan sebagai “kleptokrasi global yang terburuk”.

Dalam kenyataan yang sama juga, DAP memuji tindakan peletakan jawatan Dr Mahathir sebagai perdana menteri atas prinsip untuk menegakkan integriti dan melawan rasuah. Bagi menghadapi krisis politik yang berlaku, DAP telah mengesyorkan kepada Majlis Presiden PH supaya Dr Mahathir terus kekal sebagai perdana menteri agar PH dapat terus memenuhi dan menyampaikan janji-janji dalam manifesto.

Pada 27 Februari 2020, satu perbincangan telah diadakan antara pemimpin utama PH bersama Dr Mahathir pada 25 Februari 2020 di Pejabat Perdana Menteri. Dalam pertemuan tersebut, Dr Mahathir telah menolak untuk kekal sebagai perdana menteri PH dan menolak untuk terus memenuhi janji-janji manifesto PH.

Cadangan Dr Mahathir untuk menuuhkan kerajaan perpaduan telah ditolak oleh DAP kerana cadangan kabinet kerajaan perpaduan ada kecenderungan menyenaraikan mereka yang sama yang mencetuskan krisis ini. Begitu juga ahli-ahli Parlimen daripada UMNO dan PAS. Hasilnya yang terbentuk adalah kerajaan Mahathir dan bukannya kerajaan PH, justeru janji-janji yang terkandung di dalam manifesto PH tidak ditunaikan.

Menurut sumber DAP, mereka telah menjemput Dr Mahathir untuk menghadiri mesyuarat Majlis Presiden PH untuk membincangkan keprihatinan mereka terhadap cadangan tersebut. Namun perdana menteri interim itu menolak. Oleh itu, para pemimpin PH memutuskan untuk mempertahankan mandat rakyat yang diberikan kepada kerajaan PH dan menunaikan janji-janji dalam manifesto dengan mencalonkan Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri PH.

Gabungan blok pembangkang pada 25 Februari 2020 menyatakan bahawa Parlimen harus dibubarkan bagi menyelesaikan kemelut politik dan pendirian itu juga dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Presiden MCA Dr Wee Ka Siong dalam kenyataan pada 26 Februari 2020 mengulangi pendirian untuk menyerahkan kepada rakyat bagi menentukan siapa pucuk pimpinan negara menerusi pembubaran Parlimen.

Presiden MCA itu juga tidak setuju dengan cadangan kerajaan perpaduan kerana bimbang adanya kecenderungan untuk melenyapkan proses semak dan imbang terhadap kerajaan pemerintah. Dalam kenyataan sama, Presiden MCA menyatakan pendirian tidak setuju dengan berubahnya sistem *Westminister* yang sekian lama dilaksanakan di negara menjadi sistem Presiden sehingga Presiden mempunyai kuasa mutlak untuk melantik individu menyertai Kabinet tanpa melalui parti komponen.

Pada 28 Februari 2020, BN telah mencalonkan Ahli Parlimen Pagoh, Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri kelapan. Keputusan tersebut telah disokong oleh 42 orang Ahli Parlimen BN yang turut terdiri daripada tiga orang Ahli Parlimen bukan Melayu iaitu dua Ahli Parlimen MCA dan seorang Ahli Parlimen MIC.

## **Respons Parti Gerakan**

Timbalan Presiden Parti Gerakan Oh Tong Keong dalam satu kenyataan pada 26 Februari 2020 menyeru semua pihak supaya memberi peluang kepada Dr Mahathir terus menerajui kerajaan. Langkah tersebut penting bagi negara ini yang sedang menghadapi pelbagai krisis ekonomi dan penularan penyakit Covid-19.

Pada 27 Februari 2020, Datuk Dominic Lau melalui kenyataan mengkritik Lim Guan Eng kerana menolak tanggungjawab PH yang tidak dapat menunaikan janji dalam manifesto kepada Dr Mahathir. Presiden Gerakan itu mengkritik Setiausaha Agung DAP itu yang dikatakan senyap dan tidak berani bersuara ketika menjadi Menteri dan sebaliknya mengeluarkan kata-kata selepas kerajaan PH tumbang. Datuk Dominic Lau mengingatkan Lim Guan Eng tentang prinsip kolektif Kabinet iaitu kesilapan kerajaan bukan ditanggung oleh perdana menteri sahaja tetapi kesemua ahli Kabinet.

## **Sokongan Parti Politik India**

Malaysian Advancement Party (MAP) dalam satu kenyataan pada 26 Februari 2020 menyokong aspirasi Dr Mahathir bahawa Kabinet yang seimbang merupakan pendekatan terbaik untuk memastikan

rakyat Malaysia benar-benar diwakili secara adil dalam kerajaan. Pengerusi MAP, Senator Waytha Moorthy percaya Kabinet yang menggabungkan ahli politik, pemimpin komuniti dan agama serta pakar ekonomi akan melambangkan kepimpinan inklusif dalam usaha untuk membina negara yang kuat. Pengerusi MAP itu percaya bahawa Dr Mahathir dapat menyelesaikan krisis dengan baik dan mampu membawa negara terus ke arah kemajuan.

Tambahan lagi pada 27 Februari dan 29 Februari 2020, Senator Waytha Moorthy melalui kenyataan media telah menzahirkan kesetiaan bersama Dr Mahathir. Menurut beliau, Dr Mahathir sahaja pemimpin yang mampu mentadbir negara menghadapi keadaan yang sangat mencabar kini. Justeru, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini menzahirkan sokongan terhadap Dr Mahathir untuk dilantik semula sebagai perdana menteri. MAP akan memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir bagi memastikan kestabilan negara berkekalan. Beliau yakin dengan wawasan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin negara. MAP juga bersedia mengerakkan ahlinya untuk menghadapi pilihan raya sekiranya Dr Mahathir menasihatkan YDPA untuk membubarkan Dewan Rakyat.

## **Kerisauan Kaum Bukan Melayu**

Selepas seminggu krisis politik berlaku, YDPA melantik Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada parti PPBM sebagai perdana menteri, PH menjadi pembangkang, dan Pakatan Nasional menjadi kerajaan. Secara umumnya, rakyat Malaysia mempunyai pendapat yang berbeza ke atas apa yang telah berlaku. Rakyat Malaysia terutamanya masyarakat Cina tidak berpuas hati dengan tindakan PN membentuk kerajaan melalui pintu belakang. Tetapi keadaan berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu; sebahagian mereka menyambut baik kelahiran satu kerajaan dengan gabungan parti-parti Melayu dan Bumiputera.

Kerajaan baharu dibentuk dengan majoriti pemimpin Melayu dan pemimpin dalam kalangan bukan Melayu menjadi minoriti dalam pakatan itu. Keadaan ini berbeza dalam PH yang menunjukkan komposisi orang Melayu dan bukan Melayu adalah hampir sama.

Perasaan tentang keberadaan orang bukan Melayu dalam kerajaan adalah lebih tinggi berbanding dengan keadaan dalam kerajaan yang dibentuk oleh PN. Oleh itu, majoriti orang bukan Melayu memilih untuk kekal bersama PH dan mengutuk segala langkah yang mempunyai unsur pengkhianatan. Bagi mereka, PH sebagai sebuah kerajaan yang dipilih secara demokratik melalui pilihan raya perlu diberi peluang dan masa untuk membetulkan negara.

Kerajaan baharu dengan model muafakat orang Melayu ini mendarangkan kerisauan orang bukan Melayu. Masyarakat bukan Melayu tertanya-tanya bagaimana pakatan yang menggabungkan dua parti politik terbesar orang Melayu iaitu UMNO dan PPBM, serta parti berasaskan agama iaitu PAS dapat menjaga kebijakan orang bukan Melayu. Orang bukan Melayu bimbang adakah kerajaan yang disertai oleh PAS akan menjadikan negara ini semakin konservatif dan tertutup, memandangkan masyarakat bukan Melayu akan diwakili oleh MCA dan MIC yang hanya merupakan minoriti dalam kerajaan. Contohnya, dalam menguruskan isu pendidikan, pemimpin masyarakat Cina bimbang pemerintah menggunakan pemikiran satu aliran untuk mengurus sekolah dan pendidikan yang pelbagai aliran (vernacular) di Malaysia.

## **Harapan**

Harapan masyarakat bukan Melayu adalah kerajaan perlu memerintah dengan semangat kesederhanaan, menetapkan dasar-dasar yang inklusif dan menjaga kebijakan semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Kita tidak mahu melihat PRU akan datang menjadi pertembungan orang Melayu dan bukan Melayu. Perpaduan yang merentasi fahaman politik perlu dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia supaya negara tercinta ini akan terus maju, aman dan sejahtera.





# **PERANAN ISTANA DAN PERLEMBAGAAN**

*Zairudin Hashim*

Ribut politik yang melanda negara di balik kegelisahan rakyat yang bergelut dengan isu ekonomi dan wabak penyakit (Covid-19), turut membawa bersamanya suatu hikmah. Jika sebelum ini terdapat segelintir rakyat yang tidak menghargai peranan yang dimainkan institusi beraja, kini semakin ramai yang membuka mata dan meraikan kepentingan yang dimainkan oleh institusi tersebut.

Ramai yang memuji dan menjunjung kasih usaha Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah dalam menangani kemelut ini secara bijaksana.

## **Raja Mutlak dan Raja Berperlembagaan**

Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Dalam sistem Beraja Mutlak, Raja mempunyai kuasa penuh dalam setiap aspek pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik. Raja adalah tonggak berpusatnya segala kuasa dan arahan perundangan. Raja juga adalah penyusun adat istiadat negara.

Dalam sistem Raja Berperlembagaan, Raja harus bertindak mengikut peruntukan perlembagaan yang telah ditetapkan dan sekaligus menutup ruang kepada kuasa mutlak. Menerusi sistem

Raja Berperlembagaan, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja-Raja bagi negeri hendaklah bertindak atas nasihat Majlis Eksekutif yang diketuai oleh Menteri Besar. Sementara pada peringkat Persekutuan, YDPA hendaklah bertindak atas nasihat Jemaah Menteri yang diketuai oleh perdana menteri dalam semua perkara kecuali dalam beberapa perkara yang disebut sebagai kuasa budi bicara.

Pemilihan YDPA sebagai pemerintahan tertinggi negara secara bergilir-gilir melambangkan kestabilan sistem pentadbiran yang diamalkan di Malaysia. Malaysia adalah satu daripada 43 buah negara di dunia yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Daripada 43 buah negara ini, 36 daripadanya mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan sementara lima yang lain mengamalkan sistem Beraja Kuasa Mutlak. Sementara itu, dua buah negara iaitu Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu mengamalkan sistem Beraja Campuran Mutlak serta Berperlembagaan.

## **Peranan YDPA Dalam Peruntukan Perlembagaan**

Terdapat beberapa pandangan dalam menanggapi peranan yang dimainkan oleh YDPA berlandaskan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Meskipun Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa pemerintahan bagi Malaysia adalah YDPA menurut Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan, Perkara 40 mengkehendaki YDPA menjalankan tugas dan fungsi Seri Paduka atas nasihat perdana menteri.

Walau bagaimanapun, YDPA itu hanya relevan sebelum Dewan Rakyat mencecah usia lima tahun kerana pada waktu tersebut, dewan akan terbubar dengan secara automatik. YDPA juga hendaklah memastikan bahawa calon tersebut bukan seorang yang mendapat taraf kewarganegaraan dengan cara pendaftaran atau naturalisasi di bawah Perkara 43(7).

Di bawah Artikel 43, YDPA hendaklah melantik perdana menteri yang pada pandangannya mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Jika perdana menteri telah hilang majoriti, beliau boleh mengadap YDPA dan memohon Parlimen dibubarkan. YDPA juga memiliki kuasa eksklusif untuk menolak permintaan perdana

menteri untuk membubarkan Parlimen dan mengarahkan PM meletak jawatan. YDPA mempunyai hak untuk tidak membubarkan Parlimen jika difikirkan tidak sesuai untuk kemaslahatan negara. Ini diperuntukkan di bawah Perkara 40(2)(b). Meskipun kuasa untuk membubar atau sebaliknya Parlimen adalah atas budi bicara YDPA, tetapi hanya selepas beberapa tatacara Perlembagaan dipatuhi, mengikut kesesuaian keadaan. Justeru, YDPA tidak mempunyai hak mutlak tetapi perlu mendapat nasihat daripada perdana menteri untuk berbuat demikian.

Jika dilihat kepada tindakan YDPA dalam melantik Dr Mahathir Mohamed selaku ‘perdana menteri Interim’, pelantikan itu adalah berdasarkan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, yang menyatakan bahawa “Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai perdana menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu”.

Perkara 55 menyentuh tentang tiga kuasa utama YDPA iaitu memanggil sidang Parlimen, memprorog (menangguh) Parlimen dan/atau membubarkan Parlimen. YDPA mempunyai kuasa sama ada untuk menangguhkan atau membubarkan Parlimen di bawah Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan. Namun, ada yang berpandangan bahawa Perkara 55(2) tidak perlu dibacakan bersama-sama Perkara 40 dan 43 yang menyatakan keperluan terhadap merujuk kepada nasihat dan permintaan daripada perdana menteri.

## **Kesimpulan**

Institusi Diraja merupakan identiti yang menjadi salah satu sistem dalam pentadbiran negara. Institusi beraja dalam sejarah dan amalannya patut menjadi sumber kekuatan untuk semua komuniti yang ada termasuk juga hal-hal berkaitan dengan keselamatan dan kemakmuran ekonomi. Dalam situasi semasa, keterampilan YDPA, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin al-Mustafa Billah Shah sebagai Ketua Utama Negara Malaysia dan ‘Payung Negara’ menjadi kunci utama yang diharap dapat meleraikan konflik politik yang melanda negara.

Selain itu, mana-mana pihak yang ingin menukar sesebuah kerajaan, haruslah dibuat berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan. Ini termasuklah menerusi usul undi tidak percaya di dalam Sidang Dewan Rakyat atau mana-mana saluran demokratik yang sah.

Dalam sebarang situasi, semua pihak perlu menjaga keharmonian dan tidak terlibat dalam permainan politik jijik yang merugikan rakyat tetapi berfokus pada usaha memelihara kebijakan serta membangunkan rakyat dan negara. Semua pihak harus mengambil iktibar daripada gelora politik yang berlaku akibat permainan politik kotor yang hanya akan memudaratkan negara dan rakyat serta mengganggu gugat kestabilan negara secara berpanjangan.

# **AMANAH MEMBENTUK SYAKSIAH TERPUJI**

*Mohammad Haizan Rozi*

*Hasri Harun*

**S**irah *nabawiyyah* telah merekodkan pelbagai kisah menarik mengenai peribadi Rasulullah SAW supaya dicontohi oleh manusia. Akhlak baginda bukan sahaja disenangi oleh umat Islam bahkan golongan bukan Islam. Antara sifat-sifat yang masyhur pada Rasulullah SAW ialah *siddiq*, *tabligh*, *fathanah* dan *amanah*. Keempat-empat sifat tersebut telah mengangkat diri Rasulullah SAW sebagai insan menjadi sosok teladan dalam semua aspek kehidupan seperti dalam bidang kepimpinan, kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan.

## **Tuntutan Sifat Amanah**

Sifat amanah adalah sesuatu yang dituntut dalam Islam. Seseorang muslim mempunyai amanah yang perlu dilaksanakan sama ada sebagai anak, pekerja, ketua keluarga mahupun ketua komuniti dan negara. Sifat amanah yang dinyatakan di dalam al-Quran adalah suatu bentuk taklifan kepada seluruh manusia.

Menurut ulama hadis, amanah iaitu suatu tugas yang dipertanggungjawabkan kepada manusia berdasarkan sabda Nabi SAW: “Tidak ada agama bagi sesiapa yang tidak ada amanah.” Peringatan Rasulullah SAW ini adalah suatu tamparan bagi kita semua yang menggalas amanah walaupun tidak memegang apa-apa jawatan kerana agama itu seiringan dengan amanah. Sekiranya dalam urusan *muamalah* impaknya sudah begitu, apakah lagi soal kepimpinan

dalam sesebuah negara atau organisasi. Allah SWT berfirman yang bermaksud (Surah al-Ahzab, ayat 72):

Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya, dan manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Apakah yang dimaksudkan al-Amanah tersebut? Al-Ghazali telah menukilkan pendapat al-Qurtubi bahawa al-Amanah itu adalah semua perkara yang berkaitan kewajipan dalam agama bahkan hal ini melibatkan ketidaksempurnaan iman bagi sesiapa yang tidak amanah. Perkara ini disebabkan oleh al-Amanah adalah perkataan yang diambil daripada al-Iman maka iman akan terjaga sekiranya amanah dipelihara. Justeru, keimanan itu bukan sahaja merangkumi ibadah yang wajib seperti menunaikan solat, mengeluarkan zakat dan berpuasa di bulan Ramadhan bahkan amanah adalah pembuktian yang menunjukkan seseorang itu benar-benar beriman kepada Allah SWT. Firman Allah SWT bermaksud: (Surah al-Nahl, ayat 93)

“Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat, tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang telah kamu kerjakan.”

Ayat ini merupakan peringatan yang jelas bahawa amanah itu bukan suatu kemuliaan tetapi suatu perkara yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana ia akan dinilai di akhirat kelak bahkan tiada suatu perkara pun yang dapat disembunyikan daripada penilaian Allah SWT. Firman Allah SWT bermaksud (Surah Yassin, ayat 65):

“Pada waktu itu Kami tutup mulut mereka dan tangan-tangan mereka pemberitahu Kami (tentang kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.”

Ayat tersebut menjadi pedoman bagi kita meskipun ia berkaitan dengan amalan orang kafir di dunia tetapi kita juga akan disoal di akhirat kelak lalu diukur tingkatan amalannya.

Terdapat beberapa hal yang disebutkan oleh Rasulullah SAW mengenai keadaan manusia apabila ditanya mengenai amalan mereka. Imam al-Ghazali telah merujuk sabda Rasulullah SAW (dalam Al-Bukhari, 2000, Kitab *fi al-Istiqrād wa Ada' al-Duyun wa al-Hajr wa al-Taflis*, Bab al-`Abd Ra`in fi Mali Sayyidihi wa la Ya`malu illa Biidhnihi, no hadis: 2409: 188):

“Daripada `Abd Allah ibn `Umar RA, bahawasanya dia telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan akan ditanya tentang orang yang dipimpinnya. Maka imam adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang rakyatnya. Dan lelaki (suami) di dalam keluarga adalah pemimpin dan akan ditanya tentang orang yang berada di bawah pimpinannya. Dan wanita (isteri) di rumah suaminya adalah pemimpin dan akan ditanya tentang apa yang dijaganya. Dan hamba yang menjaga harta tuannya adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang apa yang dijaganya.”

## **Amanah Mengikut Keahlian**

Oleh yang demikian, amanah yang perlu dilaksanakan bagi seorang pemimpin ialah menggerakkan usaha dakwah kepada masyarakat agar golongan yang berbuat salah dan zalim kembali taat dan insaf kepada Allah SWT dan menjaga kepentingan orang Islam serta kebijakan anak-anak yatim. Golongan agamawan dan para ulama diamanahkan untuk mendidik umat Islam manakala ibu bapa pula bertanggungjawab memberikan didikan kepada anak-anak mereka. Justeru, amanah perlu diberikan kepada mereka yang mempunyai kelayakan dan berkemampuan untuk melaksanakannya bukannya diberikan kepada mereka yang berkepentingan tertentu. Firman Allah SWT bermaksud (Surah al-Nisa ayat 58):

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.”

Imam al-Ghazali menceritakan sebuah kisah mengenai seorang lelaki Badwi yang membuat teguran kepada seorang Sultan. Dia mengingatkannya tentang beberapa individu yang berada di sekeliling Sultan yang hanya berkeinginan dan leka dengan nikmat dunia. Dia juga menegur bahawa Sultan akan dipertanggungjawabkan terhadap perlantikan yang dilakukannya kepada mereka yang tidak melakukan amanah. Dalam hal yang berkaitan ini, Rasulullah SAW juga menegaskan tentang tanggungjawab, kemampuan dan keahlian dalam memikul amanah sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dhar (Sahih Muslim):

“Daripada Abu Dhar RA berkata aku berkata kepada Rasulullah SAW, tidakkah anda menjadikanku sebagai pegawai (pentadbir)? Maka Rasulullah SAW menepuk bahuku ini dengan tangannya seraya bersabda: ‘Wahai Abu Dhar, kamu ini lemah (untuk mentadbir Jabatan) walhal Jabatan merupakan amanah. Pada hari kiamat ia adalah kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi sesiapa yang mengambilnya dengan hak dan melaksanakan tugas dengan benar’.”

Kesemua dalil al-Quran dan al-Hadis tersebut merupakan suatu peringatan yang tegas kepada kita bahawa amanah adalah suatu perkara yang berat dan bukannya nikmat yang perlu dimegah-megahkan di dalam kehidupan ini kerana kelak kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT.

## Pecah Amanah dan Rasa Malu

Perbuatan pecah amanah, ketidakjujuran dan tindakan khianat yang berlaku dalam kehidupan kita merupakan pelanggaran terhadap taklifan yang diberikan. Jika dibiarkan, angkara ini akan mengakibatkan kebencian, permusuhan dan akan mengganggu

keharmonian masyarakat. Khianat merupakan salah satu tanda munafiq yang jelas sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

“Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.”

Justeru, pecah amanah dan khianat terhadap tanggungjawab yang diberikan merupakan dosa besar di sisi Allah SWT kerana ia menunjukkan suatu keingkaran dan ketidakpedulian terhadap pandangan Allah SWT sehingga dia sanggup mengutamakan kehendak dirinya tanpa memikirkan rasa malu dan patuh kepada Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW, bermaksud:

“Dari Ibnu Umar, bahwa Nabi SAW bersabda: ‘Apabila Allah hendak membinasakan seorang hamba maka Dia akan memcabut rasa malu daripadanya. Apabila rasa malu sudah dicabut maka kamu akan mendapatinya dalam keadaan sangat dibenci. Jika kamu tidak mendapatinya melainkan dalam keadaan sangat dibenci, maka akan dicabut amanah daripadanya; apabila amanah telah dicabut, maka kamu tidak mendapatinya kecuali dalam keadaan menipu dan tertipu. Apabila kamu tidak menjumpainya melainkan dalam keadaan menipu dan tertipu, maka akan dicabut sifat kasih sayang, dan apabila dicabut daripadanya kasih sayang, kamu tidak akan menjumpainya kecuali dalam keadaan terlaknat lagi terusir; dan apabila kamu tidak menjumpainya melainkan dalam keadaan terlaknat lagi terusir, maka akan dicabut daripadanya ikatan Islam.’”

Amanah adalah suatu nilai yang amat berkait rapat dengan sifat malu kerana nilai malu akan memandu manusia dalam kehidupan sama ada dari sudut cara berfikir, bercakap dan apa juar tindakan dalam kehidupan. Imam al-Nawawi telah menyatakan dalam kitabnya yang berjudul Arbain al-Nawawi bahawa malu dapat menghalang manusia daripada melakukan perbuatan yang keji. Tidak cukup itu, apabila hilang rasa malu dalam diri maka berlakulah fitnah dalam menjalankan amanah.

### Sabda Rasulullah SAW:

“Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: ‘Sesungguhnya akan datang kepada manusia tahun-tahun penipuan, di dalamnya orang yang berdusta dipercayai sedangkan orang yang jujur didustakan; orang yang berkhanat diberi amanah sedangkan orang yang amanah dikhianati, dan di dalamnya juga terdapat Ar-Ruwaibidlah.’ Ditanya, “Apa itu Ar-Ruwaibidlah wahai Rasulullah?” Beliau bersabda: “iaitu orang bodoh yang berbicara (memberi fatwa) dalam urusan manusia.”

## KESIMPULAN

Amanah adalah tanggungjawab setiap individu. Semua manusia wajar memastikan sifat amanah utuh dalam diri agar mampu menghadapi cabaran dunia globalisasi. Amanah memerlukan kesabaran dalam melaksanakan sifat ini. Keyakinan bahawa semua perbuatan akan dihitung di akhirat kelak akan menjadikan manusia berhati-hati atas setiap tindakan dalam kehidupan.

Rasulullah SAW pernah menegaskan supaya kita menjauhi kebohongan kerana kebohongan cenderung kepada keburukan, dan keburukan akan membawa kepada neraka. Rasulullah juga bersabda bahawa jika seseorang berbohong dan terbiasa dalam kebohongan hingga di sisi Allah ia akan ditulis sebagai seorang pembohong. Manusia seterusnya diingatkan supaya jujur, kerana kejujuran membawa kepada kebaikan, dan jika seseorang berlaku jujur dan terbiasa dalam kejujuran hingga di sisi Allah ia akan ditulis sebagai orang yang jujur.

*Amanah Membentuk Syaksiah Terpuji*



# KISAH PELIK MUHYIDDIN \*

*Liew Chin Tong*

Dalam pesanan teks yang dikirimkan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada saya dalam empat tahun kebelakangan ini, beliau akan selalu menghantarnya dengan panggilan “Bro”. Oleh sebab saya lebih muda daripada beberapa anak-anaknya, saya pula selalu memanggil beliau dengan panggilan hormat “Tan Sri.”

Pengamatan peribadi saya terhadap lelaki yang lemah lembut ini mengingatkan saya kepada kisah Dr Jekyll dan Mr Hyde. Kisah ini cukup aneh tetapi mungkin itu adalah fitrah manusia ketika seseorang itu menghadapi godaan kuasa.

Kali pertama kami bertemu adalah pada 11 April 2016. Saya dan Anthony Loke, mewakili DAP, berbual lama dengan beliau selama dua jam lebih. Muhyiddin Yassin, yang dipecat sebagai timbalan perdana menteri pada 28 Julai 2015 kerana mempersoalkan penglibatan Najib Razak dengan skandal 1MDB, ketika itu dipantau dan diekori oleh Polis Cawangan Khas. Bagi mengelakkan diri daripada menarik perhatian, pegawainya telah menyewa sebuah bilik hotel di Petaling Jaya. Saya dan Anthony Loke masuk terlebih dahulu diikuti oleh Muhyiddin Yassin 10 minit kemudian. Apabila perjumpaan berakhir, beliau pergi dahulu. Kami pergi 10 minit kemudian. Pada 25 Julai 2016, Muhyiddin Yassin bertemu dengan Lim Kit Siang, juga di

---

\* Artikel ini pada asalnya terbit dalam *Malaysiakini* dalam dua bahagian dan dikemaskini pada 15 May 2020.

sebuah hotel, di Kuala Lumpur. Saya dan Anthony turut serta. Kami melalui proses yang sama. Kami masuk dulu, kemudian Muhyiddin Yassin masuk.

Hari ini saya sangat berharap Muhyiddin Yassin tidak akan menggunakan Cawangan Khas untuk memantau pemimpin PH sepetimana beliau sendiri menjadi mangsa ketika beliau tidak berada di tumpuk kuasa.

Sebagai konteks, pertama sekali, Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir telah dipecat daripada UMNO pada 24 Jun 2016. Kedua, Dr Mahathir mengadakan dua pertemuan strategi yang melibatkan semua pemimpin pembangkang dan beberapa pemimpin masyarakat sivil pada 28 Jun 2016 dan 14 Julai 2016 untuk membuka jalan kepada penubuhan parti baru. Dalam pertemuan dengan Kit Siang itu, Muhyiddin Yassin memberitahu bahawa parti barunya akan bertanding untuk 15 kerusi parlimen, sebaliknya dalam komunikasi kami dengan pihak Dr Mahathir, kami diberitahu Dr Mahathir sedang berusaha untuk bertanding bagi 40 kerusi.

Selepas pertemuan itu, Kit Siang berpandangan bahawa angka Dr Mahathir lebih realistik (akhirnya PPBM bertanding dalam 51 kerusi) kerana seseorang tidak sepertutnya membentuk parti nasional hanya untuk bertanding dalam 15 kerusi. Muhyiddin Yassin kurang bercita-cita tinggi pada masa itu kerana dia berpendapat partinya masih perlu bekerjasama dengan PAS, sedangkan Dr Mahathir telah menolak parti Islamis yang beliau anggap tidak lain hanyalah rakan subahat Najib.

Ketika pertemuan itu, Muhyiddin Yassin juga meminta Kit Siang untuk membantu parti barunya untuk memerangi Najib bersama-sama, dan veteran DAP itu berjanji akan menyokong beliau sepenuhnya. Pada 13 Disember 2016, Muhyiddin Yassin mengetuai kepemimpinan Parti Pribumi PPBM Malaysia ataupun PPBM yang baharu ke ibu pejabat KEADILAN di Petaling Jaya untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan PH. Usaha ini adalah percubaan rasmi pertama untuk menyelaraskan PPBM dengan Pakatan walaupun ketika itu Muhyiddin Yassin masih memikirkan untuk membentuk “Barisan Rakyat” sebagai platform baru untuk bekerjasama dengan PAS dan parti-parti PH.

Walau bagaimanapun, Dr Mahathir sudah menjelaskan pendiriannya lebih awal lagi. Pada 12 November 2016, dalam ucapannya kepada Konvensyen PH, mantan perdana menteri itu sudah menyatakan hasrat PPBM untuk menyertai PH. Dr Mahathir telah pun mendahului masa, manakala Muhyiddin Yassin dan Mukhriz akhirnya menolak PAS hanya pada Februari 2017.

## Siapa bakal PM?

Selepas upacara MOU itu, di sebuah bilik persendirian di ibu pejabat KEADILAN, seorang pemimpin NGO penting secara terbuka mengatakan di hadapan Muhyiddin Yassin dan Presiden KEADILAN ketika itu, Dr Wan Azizah, bahawa Dr Wan Azizah tidak sesuai untuk menjadi perdana menteri. Sebaliknya individu itu mencadangkan Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri dan Timbalan Presiden KEADILAN waktu itu Azmin Ali sebagai timbalannya. Mesyuarat itu tidak berakhir dengan baik.

Individu daripada NGO tersebut adalah orang sama yang menemui saya untuk makan tengah hari pada bulan April 2015 untuk meyakinkan saya bahawa Azmin Ali harus menjadi calon perdana menteri PH. Perkara ini berlaku hanya dua bulan selepas Anwar Ibrahim dipenjarakan pada 10 Februari 2015. Pada 9 dan 10 Januari 2017, akhbar *Sin Chew* menerbitkan wawancara eksklusif dua bahagian dengan Muhyiddin Yassin. Penerbitan wawancara tersebut jelas membawa agenda untuk menyemai rasa sangsi dalam kalangan pengundi Cina terhadap pemimpin PPBM.

*Sin Chew* memaparkan keraguan Muhyiddin Yassin mengenai pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC), secara langsung menanam perasaan tidak puas hati terhadap beliau dalam kalangan rakan-rakan Cinanya. Saya dan Muhyiddin Yassin terus berhubung. Beliau menjemput saya untuk sarapan pagi di sebuah restoran kegemarannya berdekatan dengan rumahnya pada 24 Januari 2017. Pertemuan ini merupakan kali pertama saya bersemuka dengan beliau secara perseorangan. Kami berbual selama tiga jam. Muhyiddin Yassin memberitahu saya bahawa beliau mahu memahami DAP dengan lebih mendalam, “memandangkan kita sekarang perlu bekerjasama.” Salah satu topik yang tidak dapat dielakkan adalah berkenaan jawatan perdana menteri.

Atas permintaan Muhyiddin Yassin, Kit Siang berjumba dengan beliau pada 7 Februari 2017. Muhyiddin Yassin meminta sokongan DAP supaya menyokong pencalonan beliau sebagai perdana menteri. Kit Siang menjelaskan kepada beliau bahawa perkara ini perlu dibincangkan dengan Anwar Ibrahim kerana pendirian DAP pada masa itu adalah untuk menyokong Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri. Beberapa bulan selepas itu, idea pasukan kepimpinan Muhyiddin Yassin-Azmin masih dicanangkan selepas PH menerima PPBM sebagai komponen parti secara rasmi. Mesyuarat pertama Majlis Presiden PH dengan kehadiran pemimpin PPBM telah diadakan pada 27 Mac 2017 di Tingkat 14, Parlimen Malaysia.

Pada April 2017, idea untuk memilih Dr. Mahathir sebagai perdana menteri telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat persendirian. Bagaimanapun, meletakkan Dr Mahathir semula sebagai perdana menteri adalah idea yang masih sukar diterima orang dalam sekeliling Anwar Ibrahim. Walaupun kem Muhyiddin Yassin menentang idea tersebut pada awalnya, tetapi populariti Dr Mahathir sebagai PM kian meningkat di peringkat akar umbi. Tidak lama selepas itu, Muhyiddin Yassin bagi pihak PPBM menyokong Dr Mahathir sebagai calon PM. Saya menghormati beliau kerana dapat melihat gambaran luas dan mengetepikan cita-cita peribadi beliau. Tindakan beliau ini cukup dihormati.

Pakatan mengambil masa beberapa bulan untuk memutuskan Dr Mahathir sebagai penggerusi. Rundingan tersebut hampir gagal, tetapi diselamatkan oleh Nurul Izzah Anwar yang bertemu dengan keluarga Mahathir di London semasa Hari Raya. Pada jam 12.30 malam, 14 Julai 2017, PH menamakan Dr Mahathir sebagai penggerusi, Anwar Ibrahim sebagai ketua umum dan Dr Wan Azizah sebagai Presiden. Fraksi Azmin Ali keluar, bimbang kerana persetujuan yang telah dicapai untuk memilih kerjasama Mahathir-Anwar akan menangguhkan perancangan Azmin Ali untuk menjadi perdana menteri. Tetapi, Muhyiddin Yassin menyokong keputusan tersebut tanpa mempedulikan ‘amukan’ Azmin Ali.

Isu tersebut tidak selesai di sini. Kegelisahan Azmin Ali kekal berterusan. Azmin Ali terus mendokong kombinasi Muhyiddin-Azmin sebagai PM-TPM, tetapi Muhyiddin Yassin tidak terlibat dengan

percaturan ini. Terdapat pertengkaran hangat antara ahli-ahli PH yang lain dengan Azmin Ali dan sekutunya di pemukiman Pakatan pada 1 hingga 2 Disember 2017, di Putrajaya. Dalam kalangan empat parti (Amanah, PPBM, DAP dan KEADILAN), tiga setengah parti bersetuju mengumumkan Dr Mahathir sebagai PM ke-7 dan Anwar sebagai PM ke-8, dengan tentangan kuat daripada fraksi (KEADILAN) Azmin Ali.

Perunding daripada setiap parti berlumba dengan masa untuk menyelesaikan rundingan pada 6 Januari 2018 bagi mengumumkan pencalonan Mahathir dan Anwar Ibrahim, dan pencalonan Dr Wan Azizah sebagai timbalan perdana menteri, di konvensyen PH pada 7 Januari 2018.

Sekali lagi, Muhyiddin Yassin membuktikan bahawa dia seorang yang budiman dengan menyokong persetujuan tersebut meskipun Azmin Ali dan sekutunya meneruskan bantahan keputusan konvensyen. Selain pencalonan untuk jawatan tertinggi, rundingan untuk kerusi Parlimen di kawasan Semenanjung Malaysia turut diumumkan dalam konvensyen tersebut. Perundingan ini merupakan pencapaian kali pertama dalam sejarah.

## **Percaturan Johor**

Muhyiddin Yassin, Salahuddin Ayub (Amanah), Nurul Izzah (KEADILAN), Anthony Loke (DAP), dan pemimpin PH Johor telah berjaya menyelesaikan rundingan kerusi Johor pada 18 Januari 2018, negeri pertama yang berjaya melakukannya. Muhyiddin Yassin meminta saya dan Anthony untuk mendapatkan persetujuan DAP untuk kekal bertanding bagi 14 kerusi demi kepentingan gabungan parti, dan kami pun bersetuju dengan permintaan tersebut.

Pada asalnya, DAP mahu bertanding dalam 16 kerusi negeri; Johor pada ketika itu masih merupakan kubu kuat BN. Sejak itu, Johor merupakan negeri barisan hadapan yang akan memenangkan PH di peringkat nasional; PH telah memenangi 18 kerusi parlimen (lebih tiga kali ganda berbanding 5 kerusi pada 2013) dan 36 kerusi negeri (dua kali ganda berbanding 18 kerusi pada pilihan raya 2013). Sebagai penggerusi DAP Johor waktu itu, saya bekerja rapat dengan Muhyiddin

Yassin. Beliau memutuskan untuk kekal bertanding di Pagoh dan tidak berpindah ke ‘kerusi yang lebih selamat’, suatu anjakan keyakinan untuk menyokong PH.

Pada PRU14, pilihan kerusi Muhyiddin Yassin, Mukhriz dan Dr Mahathir memberi satu isyarat kuat buat semua pengundi bahawa mereka sedang berjuang berhabis-habisan. Setelah melihat perangkaan, saya dan pegawai Muhyiddin Yassin yakin akan kemenangan Muhyiddin Yassin di Pagoh. Kawasan parlimen Pagoh mempunyai 64 peratus pengundi Melayu dan 36 peratus pengundi kaum lain. Saya memilih untuk bertanding di kerusi yang penuh cabaran, Ayer Hitam, untuk menekankan bahawa perjuangan ini soal “hidup atau mati.” Kami yakin Muhyiddin Yassin akan menang dengan sokongan pengundi bukan Melayu dan 40 peratus pengundi Melayu.

Akhirnya, beliau memperoleh 55.21 peratus undi, kemenangan bergaya buat PH di kawasan separuh bandar. Pada malam pilihan raya, saya bergerak dari Yong Peng di Johor ke Sheraton Hotel, Petaling Jaya, dan tiba pada tengah malam. Muhyiddin Yassin menenangkan saya atas kekalahan di Ayer Hitam. Pada malam yang penuh bersejarah, dapat saya rasakan keikhlasan yang disampaikan beliau.

## Jawatan Menteri Besar

Di Sheraton Hotel pada awal pagi 10 Mei 2018, Muhyiddin Yassin, yang dikenali dengan budi pekertinya yang lemah lembut, menarik saya dan Lim Kit Siang ke tepi untuk meminta DAP menyokong calon PPBM bagi jawatan Menteri Besar Johor. Beliau memerlukan bantuan supaya sumbangan beliau dalam menukar undi negeri tersebut kepada PH diperakui. Walaupun DAP telah memenangi bilangan kerusi yang terbesar di Dewan Undangan Negeri Johor pada PRU14, iaitu 14 kerusi, berbanding dengan Amanah (9), PPBM (8) dan KEADILAN (5), namun DAP tidak menuntut jawatan Menteri Besar.

Kit Siang terbuka untuk berbincang. Selepas Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berbincang dengan Presiden Amanah Mohamad Sabu, DAP bersetuju untuk menyokong calon Muhyiddin Yassin bagi jawatan Menteri Besar.

Pada 11 Mei 2018, DYMM Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar telah menitahkan sebuah kapal terbang untuk menjemput Muhyiddin Yassin dari Kuala Lumpur untuk menghadap baginda. Saya turut serta mengikuti beliau. Itu merupakan kali pertama saya menaiki jet peribadi. Tiga bulan sebelum itu, pada 8 Februari 2018, saya dan Muhyiddin Yassin membuat perjalanan bersama menaiki penerbangan tambang rendah Malindo sejurus selepas mesyuarat PH Johor. Beliau memberitahu saya bahawa, ketika beliau masih timbalan perdana menteri, satu pesawat kerajaan khas telah ditugaskan untuk perjalanan beliau.

Sebagai salah satu pemimpin pembangkang yang tidak memiliki apa-apa hak istimewa, Muhyiddin Yassin berasa senang hati melihat penghargaan rakyat terhadap perjuangan kami. Ketika beliau masih menganggotai Barisan Nasional, beliau tidak pernah mengalami situasi di mana orang ramai menawar diri untuk membayar makanan beliau di kedai kopi ataupun warung sebagai tanda sokongan mereka. Semangat rakyat ketika itu cukup memberangsangkan.

## **Hidup Sukar Antara 2015 - 2018**

Ketika penerbangan pada Mei 2018 itu, seorang pegawai Muhyiddin Yassin telah memberitahu saya bahawa itulah kali pertama mereka menjek kaki semula dalam jet peribadi semenjak bos mereka dipecat daripada jawatan TPM pada Julai 2015. Mereka berasa bangga dengan PRU14 kerana kami telah mencipta sejarah ketika itu dengan mengambil tindakan yang betul demi negara, walaupun, secara peribadi, Muhyiddin Yassin mengalami kehidupan yang sukar antara 2015 dan 2018. Pada hari seterusnya, iaitu 12 Mei 2018, PH telah memilih Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Dalam Negeri, Mat Sabu sebagai Menteri Pertahanan, dan Guan Eng sebagai Menteri Kewangan.

Pada 13 Mei 2018 pula, saya berjumpa dengan Muhyiddin Yassin di kediamannya; hanya kami berdua sahaja. Beliau berasa murung ketika itu. Beliau ingin meletakkan semua jawatan pada malam sebelumnya kerana kecewa tidak dilantik menjadi Menteri Kewangan

oleh Dr Mahathir. Beliau telah dipujuk untuk terus kekal dengan jawatannya. Beliau turut memberitahu saya, pada 1995, ketika beliau merupakan Timbalan Presiden UMNO yang meraih bilangan undi terbesar, dan setelah berkhidmat sebagai menteri besar Johor selama sembilan tahun, beliau berharap untuk memegang portfolio ekonomi kanan di peringkat kerajaan persekutuan.

Namun, Dr Mahathir yang merupakan perdana menteri ketika itu hanya melantik beliau sebagai Menteri Belia dan Sukan, suatu jawatan yang paling rendah. Kemudian, beliau diberitahu oleh Anwar Ibrahim untuk bersabar dan menunggu sehingga 1998, memberi bayangan bahawa Muhyiddin Yassin akan menjadi pilihannya untuk timbalan perdana menteri.

Dalam renungan beliau pada pagi yang tenang itu, Muhyiddin Yassin mengajukan soalan kepada saya, setelah 20 tahun lebih, selepas beliau berkhidmat sebagai timbalan perdana menteri selama enam tahun (2009-2015), adakah wajar beliau menjadi Timbalan kepada Anwar sekiranya berlakunya peralihan kuasa daripada Dr Mahathir kepada Anwar? Hanya kesepian menyahut persoalan itu.

Muhyiddin Yassin telah dikesan menghidap penyakit kanser pada Julai 2018. Saya menziarahi beliau di Hospital Mount Elizabeth, Singapura. Kali pertama saya pergi seorang; kali kedua saya mengikuti Guan Eng. Saya menganggap Muhyiddin Yassin sebagai sahabat berusia dan sangat bimbang dengan kesihatan beliau. Ketika beliau sedang beransur pulih, dalam kebanyakan pertemuan kami, beliau telah mengadu kepada saya tentang keinginannya untuk meletak jawatan. Penyakit tersebut telah mengubah perspektif beliau terhadap kehidupan.

## **Kebuntuan di Johor**

Pada 24 April 2019, setelah Muhyiddin Yassin dan Dr Mahathir bercanggah berkenaan pemilihan Mazlan Bujang sebagai ketua PPBM di Johor, saya berjumpa dengan Muhyiddin Yassin di pejabatnya di Kementerian Dalam Negeri.

Sekali lagi, beliau menzahirkan keinginannya untuk meletak jawatan kerana Dr Mahathir tidak menerima pandangannya

walaupun Johor merupakan negeri beliau. Muhyiddin Yassin merupakan pengurus Majlis PH Johor.

Muhyiddin Yassin berasa kecewa tetapi tidak menghalang pelantikan Mazlan. Beliau memberitahu saya, menurut perlembagaan PPBM, selaku Presiden beliau mesti berunding dengan dan menerima keputusan pengurus, iaitu Dr Mahathir. Ketika mesyuarat-mesyuarat kami pada bulan-bulan seterusnya, beliau berulang kali menyatakan kekecewaannya terhadap pemilihan Mazlan Bujang oleh pengurus PPBM.

Pada 2 Syawal (6 Jun 2019), Muhyiddin Yassin telah memberitahu saya, beliau sudah pun hampir pulih daripada penyakitnya. Doktor beliau turut menyatakan perkara yang sama ketika majlis rumah terbuka anak lelaki Muhyiddin Yassin. Saya cukup lega menerima berita itu.

Imbas ke hadapan, pada bulan Oktober 2019, percubaan untuk merampas kuasa oleh trio Azmin Ali, Hishammuddin Hussein, dan Hamzah Zainuddin telah menyemarakkan lagi api perkauman bagi pihak Melayu dan bukan Melayu. Usaha tersebut bertujuan mewujudkan satu kerajaan gabungan perpaduan Melayu baru tanpa melibatkan DAP dan Amanah.

Muhyiddin Yassin sangat bimbang akan “perbezaan pandangan antara kita kerana perbezaan ideologi dan kepercayaan kian jelas sekarang.” Daya maju hubungan gabungan PPBM-DAP sedang dipersoalkan dengan serius dan terdapat banyak tekanan daripada pihak yang agresif dalam PPBM agar beliau bertindak menentang DAP. Beliau menganjurkan acara makan malam kecil-kecilan antara pemimpin tertinggi PPBM dan DAP pada 29 Oktober 2019 bagi mencari jalan menyelamatkan gabungan parti. Kedua-dua parti bersetuju bahawa naratif melampau Melayu dan bukan Melayu menyebabkan kita menderita di jalan tengah. Kita harus melakukan lebih banyak lagi untuk menyelamatkan gabungan ini.

Mesyuarat tersebut berjaya mengatasi cubaan rampasan kuasa pada bulan Oktober oleh trio Azmin Ali, Hishamuddin dan Hamzah yang menggunakan DAP sebagai momokan. Tetapi kejayaan ini hanyalah untuk sementara. Imej PH tidak ditambah baik, terutama sekali apabila dimanipulasi pihak lawan dengan isu perkauman.

Pada malam 16 November 2019, saya berada di bilik gerakan bersama Muhyiddin Yassin dan beberapa orang dalamannya untuk menyaksikan siaran langsung keputusan Pilihan Raya Kecil Tanjong Piai. Muhyiddin Yassin yang kecewa mengatakan “ini lebih buruk daripada tsunami.”

Majlis Presiden PH khas diadakan pada 23 November 2019 dengan satu agenda untuk membincangkan pembentangan oleh Muhyiddin Yassin sebagai pengurus Jawatankuasa Kempen Pilihanraya PH. Beliau menggariskan beberapa cabaran politik yang berikut:

- Isu sentimen perkauman memberi kesan negatif terhadap PH.
- Orang Melayu menganggap PH dikuasai DAP.
- Orang Cina menganggap PH dikuasai PPBM dan Dr Mahathir.
- Isu peralihan kuasa antara PM7 dan PM8 menyebabkan rakyat beranggapan kerajaan PH tidak stabil.
- Kabinet PH dilihat tidak cekap.

***Cadangan beliau untuk Pakatan Harapan:***

- Tangani isu kaum dan agama secara bijaksana dengan mengambil sikap yang lebih moderat dan berhemah.
- Kikis imej anti-Melayu DAP; anti-Cina PPBM.
- Kuatkuaskan tindakan disiplin terhadap ahli parti yang mengkritik sesama sendiri atau mengkritik pimpinan parti anggota yang lain.
- Tangani isu peralihan kuasa antara PM7 dan PM8 secara bijaksana.
- Rombak kabinet supaya kabinet PH dilihat berprestasi tinggi.

Muhyiddin Yassin mencadangkan agar PH berusaha untuk mencapai tahap penilaian penerimaan 60 peratus dalam jangka masa setahun. Selepas mesyuarat khas itu dan parlimen masuk ke sesi rehat, Muhyiddin Yassin pun pergi ke luar negara pada akhir tahun bulan

Disember dan beberapa hari pada bulan Januari. Beliau kembali kelihatan sangat segar dan dalam keadaan sihat.

Mohamad Sabu bertemu Muhyiddin Yassin pada 22 Januari. Pertemuan mereka membuatkan Mohamad Sabu berasa sangat hairan. Menteri pertahanan ketika itu memberitahu saya bahawa dia bimbang Muhyiddin Yassin mempunyai idea baru yang bertentangan dengan prinsip asas Pakatan Harapan. Nampaknya Muhyiddin Yassin memikirkan suatu bentuk pemerintahan perpaduan Melayu, dan beliau tidak lagi berminat dengan Anwar untuk menjadi perdana menteri berikutnya. Pada 31 Januari 2020, saya dan Muhyiddin Yassin menghadiri Sambutan Tahun Baru Cina di Grisek, kawasan Pagoh. Selepas itu, saya mengunjungi Muhyiddin Yassin di rumahnya untuk berbual panjang pada 5 Februari 2020.

## **UMNO, PAS Mamah PPBM Hidup-hidup**

Seperti biasa, beliau peramah dengan saya. Tetapi, saya dapat mengesan terdapat sesuatu perubahan dalam pandangannya. Bagi beliau, jika tiada perubahan dalam PH, maka PPBM akan kalah teruk untuk pilihan raya akan datang.

Saya memberi hujah untuk menyanggah pendapat beliau dengan mengatakan PPBM akan dimamah hidup-hidup oleh UMNO dan PAS dalam gabungan penyatuan Melayu. Malah, rakan terbaik PPBM ialah DAP kerana pertindihan kawasan adalah minimum. Pada hari itu, saya pulang dengan suatu perasaan bahawa sesuatu yang aneh telah berlaku; sesuatu telah berubah dalam dirinya tetapi saya percaya beliau masih mempertimbangkan pilihannya.

Saya berpandangan bahawa dalam sosok tubuh itu masih wujud Muhyiddin Yassin yang terhormat, individu yang selalu melihat gambaran yang lebih besar dan bersedia untuk beralih dengan Dr Mahathir seperti pada tahun 2017.

Saya telah berharap agar Muhyiddin Yassin yang berulang kali berfikir untuk berhenti itu tidak tergoda oleh kedudukan duniaawi tetapi akan memikirkan legasinya.

Bagaimanapun, beliau hanyalah manusia. Mungkin, godaan tersebut terlalu hebat sehingga beliau tidak dapat menahannya. Boleh jadi, kekecewaan beliau terhadap Dr Mahathir, dorongan daripada trio Azmin Ali, Hishammuddin dan Hamzah, dan cita-citanya sendiri untuk menjadi PM akhirnya membuat beliau cenderung ke arah kudeta politik Sheraton pada 23 Februari 2020.

### **Momok DAP, Bakar Api Perkauman**

Saya sedih apabila sahabat lama saya yang berusia, Muhyiddin Yassin memilih jalan ini. Sikap baiknya ketika perlawanan epik menentang Najib Razak sang kleptokrasi telah memberi laluan kepada gambaran perebutan kuasa tanpa keabsahan. Mungkin Dr Jekyll telah bertukar menjadi Mr Hyde.

Terdapat beberapa pemimpin dan penyokong gabungan rapuh Perikatan Nasional (PN) diketuai Muhyiddin Yassin sekarang kembali dengan taktik jahat lama mereka dengan memomokkan DAP dalam usaha mereka membakar kebencian antara kaum.

Saya ingin berpesan kepada sahabat lama saya yang berusia ini, Muhyiddin Yassin. Saya ahli DAP. Dalam empat tahun, dari tahun 2016 hingga 2020, setiap kali anda meminta pertolongan daripada DAP, kami tidak pernah mengecewakan anda, kami lakukan semua perkara sedapat mungkin untuk membantu anda. Dengan memainkan sandiwara anti-DAP sebagai justifikasi kewujudan gabungan Perikatan Nasional, ini tidak lain hanyalah suatu hipokrasi.





# LUPAKAH MUHYIDDIN PADA ANWAR?\*

*Shamsul Iskandar Mohd Akin*

**A**da tiga peristiwa yang tidak diketahui sesiapa tentang Muhyiddin Yassin dan peristiwa-peristiwa ini tidak pernah diceritakan oleh Anwar Ibrahim kepada ahli-ahli parti KEADILAN sendiri. Sudah tiba masanya saya merasakan rakyat perlu tahu supaya mereka boleh membuat perbandingan mengenai prinsip perjuangan dan pengorbanan yang diambil antara kedua-dua tokoh ini.

## Peristiwa Pertama

Menjelang Pilihanraya Umum ke-14 pemimpin-pemimpin PH kerap membuat perbincangan mengenai siapakah yang akan diketengahkan sebagai calon perdana menteri ke-7. Oleh sebab ketika itu Anwar Ibrahim masih di dalam penjara manakala Dr Mahathir pula sudah agak lanjut usianya maka Muhyiddin Yassin merasai dirinya layak dicalonkan. Di sinilah bermulanya episod kerjasama di antara Muhyiddin Yassin dengan Azmin Ali.

Muhyiddin Yassin telah menemui Anwar Ibrahim di mahkamah untuk mendapatkan persetujuan beliau. Janji Muhyiddin Yassin kepada Anwar Ibrahim, beliau akan menjadi perdana menteri untuk tempoh dua tahun saja dan kemudian akan menyerahkan jawatan PM kepada Anwar Ibrahim sebaik selepas Anwar Ibrahim

---

\* Artikel ini dipetik daripada laman *Facebook* Shamsul Iskandar pada 6 Mac 2020

mendapat pengampunan dan kembali semula ke Parlimen. Anwar Ibrahim dengan berlapang dada bersetuju dan menyokong cadangan Muhyiddin Yassin. Anwar Ibrahim seterusnya meminta Muhyiddin Yassin membawa cadangan tersebut dan berbincang dalam mesyuarat Majlis Presiden PH. Lim Kit Siang juga difahamkan pernah mengusulkan nama Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri ke-7 sementara menunggu Anwar Ibrahim dibebaskan dari penjara. (Saya juga dimaklumkan Lim Kit Siang dan juga DAP tidak pernah secara rasmi bersetuju untuk menyokong Muhyiddin Yassin sebagai calon PM ke-7)

Bagaimanapun, sebelum cadangan ini dibawa ke Majlis Presiden PH, Muhyiddin Yassin terlebih dahulu membentangnya dalam satu mesyuarat Majlis Tertinggi PPBM. Di situ, Muhyiddin Yassin turut memberitahu mesyuarat tersebut bahawa Azmin Ali akan dilantik sebagai timbalan perdana menteri jika PH berjaya membentuk kerajaan dalam PRU14. Namun malangnya cadangan Muhyiddin Yassin itu tidak mendapat restu dan sokongan majoriti ahli MKT PPBM lantas perdebatan hangat telah berlaku antara penyokong Dr Mahathir dengan Muhyiddin Yassin. Pertikaman lidah turut berlaku antara Setiausaha Politik Dr Mahathir iaitu Muhammad Zahid Mat Arip dengan Muhyiddin Yassin sehingga Dr Mahathir terpaksa mencelah.

Dr Mahathir meminta supaya mesyuarat tidak lagi membincangkan isu siapa yang harus menjadi perdana menteri dan timbalan perdana menteri kerana apabila tiba masanya beliau dan Tun Daim akan berbincang dengan Anwar Ibrahim sendiri. Perancangan awal Muhyiddin-Azmin inilah antara punca utama mengapa Azmin menolak cadangan Majlis Presiden PH kemudiannya apabila Majlis Presiden PH telah menamakan Dr Mahathir sebagai calon perdana menteri ke-7. Dikhabarkan bahawa Azmin Ali dengan marah dan muka merah bertindak meninggalkan dewan mesyuarat. Justeru, tindakan Azmin Ali yang diketahui ramai sekarang iaitu meninggalkan Dr Mahathir dan menyokong Muhyiddin Yassin bukanlah sesuatu yang mengejutkan.

## **Peristiwa Kedua**

Peristiwa ini berlaku selepas PH memenangi PRU14. Sebaik sahaja SPR mengumumkan kemenangan PH, Dr Mahathir terus bertanya kepada Muhyiddin Yassin jawatan apakah yang beliau mahu. Muhyiddin Yassin ketika itu meminta jawatan Menteri Kewangan atas alasan beliau adalah bekas timbalan perdana menteri dan pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan. Dr Mahathir bersetuju dengan permintaan Muhyiddin Yassin itu. Setelah mendengar persetujuan dan janji Dr Mahathir itu, Muhyiddin Yassin dengan penuh yakin pulang ke Johor Bahru untuk mempersesembahkan nama calon Menteri Besar Johor kepada Baginda Sultan.

Sekembalinya Muhyiddin Yassin ke Kuala Lumpur beliau mendapat tahu bahawa jawatan Menteri Kewangan telah diberikan Dr Mahathir kepada Lim Guan Eng manakala beliau pula diberikan jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri. Muhyiddin Yassin bergegas untuk bersemuka dengan Dr Mahathir dan menagih janji Dr Mahathir kepadanya. Dr Mahathir menerangkan kepada Muhyiddin Yassin bahawa DAP telah meminta jawatan timbalan perdana menteri-2 namun setelah perbincangan dan sebagai tindakan tolak ansur Dr Mahathir telah berjanji untuk melantik Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan. (Saya telah menerima panggilan daripada pimpinan DAP yang menyatakan bahawa DAP tidak pernah menuntut jawatan TPM 2 sebagaimana yang dinyatakan di atas).

Dengan perasaan amat kecewa dan marah dengan alasan yang diberikan Dr Mahathir, Muhyiddin Yassin lantas memberitahu Anwar Ibrahim bahawa beliau akan meletakkan jawatan. Anwar Ibrahim dengan penuh hormat meminta agar Muhyiddin Yassin bersabar kerana kejayaan PH menumbangkan BN pada PRU14 adalah lebih besar ertiannya daripada sebuah jawatan. Kata Anwar Ibrahim, apa yang berlaku kepada Muhyiddin Yassin adalah terlalu kecil berbanding jumlah jawatan dalam kabinet yang diberi kepada KEADILAN walaupun KEADILAN pada waktu selepas PRU itu memiliki kerusi parlimen terbanyak.

Anwar Ibrahim berkali-kali meminta agar Muhyiddin Yassin bersabar kerana sukar bagi beliau nanti untuk melantik Muhyiddin

Yassin sebagai timbalan perdana menteri jika Muhyiddin Yassin meletakkan jawatan. Pada ketika itulah Anwar Ibrahim berjanji akan melantik Muhyiddin Yassin sebagai TPM apabila Anwar Ibrahim mengambil alih jawatan perdana menteri daripada Dr Mahathir dalam tempoh dua tahun seperti yang dijanjikan.

## **Peristiwa Ketiga**

Peristiwa ini berlaku beberapa bulan lalu apabila Dr Mahathir meminta Muhyiddin Yassin mengharamkan UMNO. Tindakan mengharamkan UMNO adalah strategi akhir Dr Mahathir apabila beliau mendapati tidak ramai Ahli Parlimen UMNO menyeberang dan menyertai PPBM. Matlamat akhir Dr Mahathir ialah untuk membina Parti PPBM sebagai pengganti UMNO.

Muhyiddin Yassin bersetuju dan turut menyokong langkah ini. Fail dan dokumen untuk membatalkan pendaftaran UMNO telah disediakan dan sudah pun berada di atas mejanya. Hal ini pernah diceritakan oleh Presiden UMNO Zahid Hamidi kepada MKT UMNO bagi menghalalkan langkahnya untuk berunding dengan Dr Mahathir.

Apabila rancangan untuk mengharamkan UMNO ini diketahui Anwar Ibrahim, beliau bergegas menemui Muhyiddin Yassin dan berhujah menyanggah tindakan itu. Kata Anwar Ibrahim, UMNO adalah legasi perjuangan Melayu menuntut kemerdekaan yang turut disertai ibu ayah dan keluarga kita semua. Pengharaman UMNO akan menjadi satu tragedi hitam yang akan menyayatkan hati seluruh umat Melayu termasuk Raja-raja Melayu.

Kata Anwar Ibrahim lagi kepada Muhyiddin Yassin, jika pengharaman ini berlaku maka Dr Mahathir dan PH akan dikutuk oleh orang Melayu dan kita semua akan dicatat sebagai pengkhianat bangsa. Hujah Anwar Ibrahim bahawa UMNO tidak berdosa tetapi yang berdosa ialah pemimpinnya. Sekiranya UMNO diharamkan sudah pasti proses di Mahkamah akan memakan masa dan kerajaan PH tidak mampu menumpukan seluruh perhatian kepada pembinaan semula negara yang hampir muflis. Lebih parah lagi rakyat akan percaya dengan dakyah pembangkang bahawa PH adalah kuda

tunggangan DAP. PH pasti akan kalah pada PRU akan datang. Alhamdulillah akhirnya Muhyiddin Yassin akur dengan hujah Anwar Ibrahim dan UMNO terselamat daripada diharamkan.

Bayangkanlah di mana kedudukan Muhyiddin Yassin sekarang jika beliau mengikut nafsu amarah dan meletakkan jawatannya. Bayangkanlah apa yang akan terjadi kepada seluruh ahli UMNO sekiranya UMNO berjaya diharamkan?

Yang pasti, tentu sekali pada hari ini tidak akan wujud PN jika UMNO diharamkan dan sudah tentulah Muhyiddin Yassin tidak akan menjadi perdana menteri ke-8. Maka Muhyiddin Yassin sewajarnya berterima kasih kepada Anwar Ibrahim kerana keikhlasan Anwar Ibrahim menasihati beliau. Bahkan seluruh Ahli Parlimen dan ahli UMNO juga wajar berterima kasih kepada Anwar Ibrahim kerana sosok yang pernah difitnah dan diaibkan oleh pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO inilah yang telah bertindak menyelamatkan UMNO daripada diharamkan.

Maka, tepuk dada tanyalah hati; berfikirlah dengan nurani yang tulus untuk menilai pengorbanan sebenar antara Anwar Ibrahim dengan Muhyiddin Yassin dan juga pemimpin politik yang lain. Sesungguhnya Ini adalah episod hitam yang benar-benar telah meninggalkan parut yang mendalam dalam sejarah tanah air kita yang tercinta.

“Bijak berpenchak langkah bertukar  
Bijak berakal mengawal diri  
Adat berhutang kami membayar  
Adat berjanji kami tepati”



# **ADAKAH JALAN KE HADAPAN UNTUK PH?\***

*P. Gunasegaram*

**S**udah tentu ada - tetap ada, walaupun kabinet baru telah dibentuk. Tetapi jika mereka mahu berhenti daripada berputar-putar tanpa arah tujuan, mereka perlu menukar pemandu dan pengemudi, yang dalam kes ini adalah orang yang sama. Ya, Dr Mahathir Mohamad.

Namun, sayang sekali, PH (PH) yang asal - KEADILAN, DAP dan Amanah - telah terjerat dalam hukuman demi hukuman sejak mereka membenarkan Dr Mahathir masuk dalam persepakatan dan membiarkan orang ini mengambil alih tumpuk pemerintahan, lantas mencampakkan reformasi serta perundingan keluar. Suatu urutan peristiwa perlu ditonjolkan untuk kita memahami hal ini.

Memanglah tidak wajar sekali untuk membiarkan Dr Mahathir masuk ke dalam gabungan PH pada Januari 2018. Setelah masuk, dan PH memenangi pilihan raya pada Mei 2018, beliau menjadi perdana menteri pertama dalam sejarah yang hanya menguasai 13 kerusi, dan parti-parti gabungan tetap bertolak ansur dengan janji palsu beliau.

Sudah jelas bahawa beliau akan menghalang janji manifesto iaitu Anwar Ibrahim menjadi pengganti beliau. Sehingga akhirnya, itulah punca perpecahan PH - Dr Mahathir tidak rela menjadikan

---

\* Artikel "Adakah Jalan ke Hadapan untuk PH?" diterjemahkan dengan kebenaran pengarang, P. Gunasegaram, daripada rencana asal beliau *Is there a road forward for PH?* yang muncul dalam portal berita Focus Asia, <https://focusmalaysia.my> pada 10 Mac 2020.

Anwar Ibrahim sebagai pengganti beliau seperti yang dijanjikan dan beliau telah berusaha melakukan segala-galanya untuk menyekat tertunainya janji tersebut.

Ternyata bahawa manifesto PH yang telah disetujuinya bukanlah sesuatu yang disukai. Beliau menangguhkan pelaksanaannya dan beliau membawa Tun Daim Zainuddin untuk membuat keputusan tentang perkara-perkara penting tanpa melalui kabinet. Beliau menyemai benih perpecahan dalam KEADILAN dengan meletakkan Timbalan Presiden, Azmin Ali dalam jawatan penting iaitu Menteri Ekonomi sambil menjauhkan Anwar. Beliau sebelum itu telah menyerah diri kepada DAP dengan menjadikan Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan. Oleh itu sudah pasti DAP selepas itu menyokong pendirian prerogatif perdana menteri terhadap hampir semua perkara yang diputuskan.

Akhirnya, mereka secara kolektif - KEADILAN, DAP dan Amanah - menentang beliau dan kemudian mundur dengan tawar hati pada saat-saat terakhir ketika Dr Mahathir enggan menetapkan tarikh untuk mengundurkan diri, lalu mereka menyerahkan segala-galanya kembali kepada beliau. Pada 21 Februari, Anwar Ibrahim menyerah tanpa sebarang pertarungan, membiarkan Dr Mahathir memutuskan semuanya.

Namun, itu pun tidak cukup bagi Dr Mahathir. Beliau tetap tidak berpuas hati. Beliau merancang dan berkonspirasi untuk mendapat lebih banyak sokongan, termasuk orang-orang daripada Umno yang tidak korup. Namun, sesiapa sahaja yang berfikiran waras tentu sedar bahawa tidak ada lagi orang yang sedemikian dalam Umno yang memegang jawatan Ahli Parlimen. Setiap Ahli Parlimen menyokong sama ada secara terang-terangan atau secara diam-diam, si kleptokrat Najib Razak yang mencuri berbilion-bilion melalui 1MDB. Tidak ada seorang pun ahli Parlimen Umno setelah pilihan raya umum yang tangannya tidak dinodai dan dicemari oleh 1MDB.

Apa yang cuba dilakukan oleh Dr Mahathir? Beliau berusaha untuk mendapatkan sokongan yang cukup supaya pada ketika tiba waktunya beliau tidak perlu menyerahkan kuasa kepada Anwar Ibrahim kerana pada waktu itu keseimbangan kekuatan akan berpihak

kepadanya melalui lompatan parti dan yang seumpamanya. Tetapi menurut laporan oleh pelbagai orang, parti beliau sendiri, PPBM, dan Presidennya Muhyiddin Yassin mengambil peluang melakukan perjanjian dengan Umno dan PAS yang akan membawa semua ahli Parlimen, termasuk Najib dan Presiden Umno sekarang, Ahmad Zahid Hamidi, untuk menyokong pemerintahan baru.

Sementara itu, Dr Mahathir hanya mahu Ahli Parlimen yang tidak menghadapi kes mahkamah untuk masuk ke dalam parti, atau begitulah ceritanya. Beliau akan memilih dan melantik dalam kalangan mereka untuk membentuk semacam kerajaan perpaduan yang akan mengubah struktur PH dan mengubah keseimbangan kuasa sepenuhnya. PAS, bagaimanapun, menentang keras kerajaan perpaduan yang melibatkan DAP dan begitu juga pendirian GPS Sarawak.

Di bawah persetujuan seperti itu, PH akan menjadi tidak relevan lagi dan Dr Mahathir sudah tentu akan mempunyai kuasa tanpa syarat yang membolehkan beliau memilih kabinetnya sendiri tanpa halangan dan hal ini juga bermakna janji-janji reformasi PH akan lenyap.

Ketika Muhyiddin Yassin berhubungan dengan Umno dan PAS, Dr Mahathir bergerak tanpa berunding dengan rakan-rakan dalam PH - Beliau mengundurkan diri pada 24 Februari dan kemudian dilantik sebagai perdana menteri Sementara. Pelantikan sebagai PM Sementara bukanlah perkara yang baik kerana Dr Mahathir masih berhasrat untuk menjadi perdana menteri. Langkah itu pada dasarnya menjelaskan kedudukan PH kerana pengunduran diri Dr Mahathir juga bermaksud pengunduran diri daripada Kabinet sehingga menyebabkan PH terumbang-ambing dalam keadaan tanpa kerajaan.

PH melakukan perkara yang betul ketika itu iaitu menyokong Anwar untuk jawatan perdana menteri. Tetapi dalam keadaan jumlah mereka yang kelihatan tidak cukup, delegasi daripada PH pergi menemui Dr Mahathir dalam suatu perjumpaan, dan dalam pertemuan itu PH beralih semula taat setia kepada Dr Mahathir. Ada sumber-sumber mengatakan wujudnya persetujuan bahawa Anwar Ibrahim tidak akan menjadi anggota kabinet Dr Mahathir

dan Dr Mahathir boleh memilih sesiapa sahaja untuk menganggotai kabinetnya.

Tetapi apa yang berlaku tidak sedemikian. Raja telah memilih Muhyiddin Yassin untuk membentuk kerajaan. Pada hari Muhyiddin Yassin mengangkat sumpah sebagai PM pada 1 Mac, Dr Mahathir mengatakan bahawa beliau mempunyai jumlah yang cukup, tetapi itu adalah senario yang berubah-ubah mengikut jam dan minit kerana taat setia mungkin beralih mengikut keadaan tawar-menawar.

Muhyiddin Yassin mempunyai masa sehingga 18 Mei - lebih daripada dua bulan - untuk mengukuhkan kedudukannya, dan kemungkinan besar beliau akan melakukannya. Walaupun jika beliau tidak berbuat demikian, kemungkinan besar perkara ini akan membawa kepada pilihan raya umum dan bukannya pemerintahan baru dengan pucuk pimpinan Dr Mahathir.

Akibat keseluruhan kemelut ini adalah bahawa gabungan PH yang asal telah dikhianati oleh tiga orang - Dr Mahathir yang cuba membuat kesepakatan di belakang PH dan melanggar janji dengan sembrono; Muhyiddin Yassin yang membawa PPBM keluar daripada PH; dan Azmin Ali yang mengambil 10 anggota KEADILAN, termasuk dirinya, untuk menyeberang ke parti PPBM.

Tiga pengkhianatan ini menjadi punca tumbangnya kerajaan PH. Walaupun mereka mempunyai majoriti anggota parliment iaitu 92 orang menentang paling banyak 36 lanun - mereka masih membiarkan sahaja perkara itu terjadi pada mereka. Inilah salah satu kegilaan politik yang sukar kita fahami.

PH telah memecat PPBM dan Azmin Ali Bersepuluh dan ini sebenarnya adalah tindakan yang betul. Tetapi ia memilih untuk menyelaraskan dirinya dan apa yang tinggal daripada sisa-sisa PPBM untuk Dr Mahathir sebagai perdana menteri dan bukannya memecat beliau serta sisa-sisa PPBM dalam PH. Mengapa? Adakah kerana mengharapkan, walaupun tipis, bahawa mereka dapat kembali berkuasa? Dan apa untungnya jika harapan ia tercapai? Satu lagi putaran janji-janti kosong akan berlaku dan ketidakpastian tentang siapa pengganti dan semakin merosotnya kepercayaan masyarakat terhadap pentadbiran PH apabila Dr Mahathir sebagaimana yang

berlaku selama 22 bulan terakhir sebelum berlakunya krisis sekarang. Jalan yang tidak akan membawa kita ke mana-mana.

Sekarang terdapat berita bahawa Muhyiddin Yassin cuba menghubungi Dr Mahathir untuk membentuk kerajaan dengan Umno dan ini akan menjadikan PH dalam keadaan terkontangkanting lagi. Apa yang mesti dilakukan oleh PH adalah melepaskan diri sepenuhnya daripada Dr Mahathir dan PPBM yang menjadi bisul perosak, dan mengambil jalan baru untuk kembali kepada reformasi lama dengan pemandu dan pengemudi baharu. Mungkin tidak berjaya kali ini tetapi peluang tetap ada suatu hari nanti. Jika ini tidak dilakukan, PH akan kehilangan jiwa dan semua yang diperjuangkan oleh parti, termasuk memerangi rasuah, memperbaharu institusi dan merombak undang-undang yang menindas kerana tindakan ini semua akan menjamin masa depan yang lebih baik bagi semua rakyat Malaysia.



## **PUISI KHIANAT YANG DILAKNAT**

Hari ini kaugembira  
Senyumanmu bagai semarak semerbak  
Melangkah dengan tega  
Cekal membina dan meruntuh  
Tembok perjuangan  
Dulunya gelora reformasi membakar  
Kini api perjuangan itu entah ke mana

Reformasi kini disimbah  
Dengan babit perjuangan palsu  
Jengkel sekali aura perjuangan  
Kerana nafsu kau bisa gadai  
Kerana nafsu perjuangan  
Akhirnya ia jadi sejarah  
Buat generasi menilainya

Bukankah dulu perjuangan bersama  
Bukankan dulu sama jeritnya  
Kini kaulangkahi tanpa suara  
Kerana nafsu ini semakin menggilas  
Jiwa diselaputi tamak dunia  
Kuasa demi kuasa  
Dulu sahabat kini musuh  
Dulu bos kini musuh  
Wah bicara sudah berbeza  
Pahlawan tulen bisa berkata

Bahtera itu aku yang punya  
Dulu aku yang mula  
Demi nafsu kauruntuhi idealisme  
Demi satu kuasa demi jiwa  
Bahtera dihina diruntuh  
Sepakat demi laknat

Di mana amanah juang  
Bila sukar kau bersama  
Kini dengan kuasa kautinggal  
Sahabat setia  
Jadi tohmah merata  
Kerana kuasa kaurebut  
Belum tentu kekal bersama

Khianat itu memang pahit  
Amanah dulu jadi bara  
Amanah kini konon untuk semua  
Tapi jiwa entah ke mana  
Moga Tuhan kenali di mana  
Kukuh antara intan dan permata  
Khianat memang pahit  
Kerana perjuangan itu memang  
Bisa menjadi mangsa  
Agar Tuhan menilai  
Moga tidak dilaknat

Nukilan: Abu Naqeeb al Kajangi

14/3/2020





Setelah memerintah selama 22 bulan, kerajaan PH yang mendapat mandat rakyat tumbang akibat daripada pengkhianatan. Pengkhianatan kepada kerajaan PH yang diketuai oleh Muhyiddin dan Azmin Ali telah menyebabkan rakyat, khususnya generasi muda cukup kecewa dengan politik tanah air.

Apa yang berlaku pasti akan menjadi sejarah hitam kepada sejarah politik negara, apabila hasrat rakyat yang mahukan perubahan disia-siakan. Rakyat mahukan kerajaan memberi tumpuan kepada usaha pembangunan negara dan reformasi institusi di samping memfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi secara holistik.

Buku yang dihidangkan kepada para pembaca ini terbahagi kepada 16 bab yang cukup menarik yang mengupas dengan mendalam, perseptif dan tajam tentang politik pengkhianatan, tidak berprinsip, tidak amanah, kotor dan jahat sepanjang pemerintahan Pakatan Harapan. Setiap penulis menulis dengan kemas, padat, jitu dan objektif dengan bersandarkan kepada bukti konkret dan bukan andaian.

**INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)** yang telah ditubuhkan pada 6 April 2015 merupakan sebuah hub penyelidikan perantara pihak penggubal dasar dan masyarakat civil. IDE menerapkan strategi iaitu Analisis, Respon, Pencerahan dan Pencerdasan (AR2P) sebagai aspirasi penubuhannya. IDE juga bermatlamatkan untuk meratakan kesedaran dalam kalangan rakyat khususnya rakyat Selangor mengenai pendidikan, kewarganegaraan, kefahaman prinsip demokrasi dan hak-hak serta tanggungjawab rakyat dan pemimpin

[www.ideselangor.com](http://www.ideselangor.com)